



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TUAN YANG DIPERTUA:

Memperkenankan Akta [Ruangan 14533]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 14533]

RANG UNDANG-UNDANG UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA
[Ruangan 14535]

USUL URUSAN:

Merentikan Kkuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48 [Ruangan 14535]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1984 [Ruangan 14536]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 14628]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,
J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- ” Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO’ SANUSI
BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN
HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO’ RAIS
YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- ” Menteri Buruh DATO’ MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P.
(Tanjong Malim).
- ” Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD.
ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR
STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO
MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.
(Pulai).
- ” Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- ” Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL
SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI
IBRAHIM (Permatang Pauh).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P.
ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO’ CHAN SIANG SUN,
D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong
Tebal).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO’ K. PATHMANABAN,
D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATUK DR LING LIONG SIK,
D.P.M.P. (Mata Kuching).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO’ HAJI
ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K
- ” Timbalan Menteri Buruh, DATO’ HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL
RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K (Besut).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO’ DR NIK HUSSAIN BIN
ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO’ ABU HASSAN BIN HAJI
OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN,
P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK, (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ DATUK HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ TUAN CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupa).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

Yang Berhormat DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).

„ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

„ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).

„ DATO LEE SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

„ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

„ TUAN LING SIE MING (Sibu).

„ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

„ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).

„ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

„ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).

„ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).

„ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

„ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).

„ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).

„ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

„ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).

„ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

„ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).

„ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).

„ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

„ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

„ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).

„ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

„ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).

„ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

- Yang Berhormat TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang
Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 9hb Januari, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

PEMASYHURAN TUAN
YANG DIPERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Timbalan Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Parlimen dalam bulan Ogos, 1983 (*Tepuk*).

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
NEGARA

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang Dipertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

(*Setiausaha membacakan Perutusan*).

23hb Disember, 1983.

Tuan Yang Dipertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

- (1) Rang Undang-undang Perbekalan 1984;
- (2) Rang Undang-undang Kewangan;
- (3) Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang;
- (4) Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan);
- (5) Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Bank (Pindaan);
- (7) Rang Undang-undang Pinjaman Luar Negeri (Pindaan);
- (8) Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan);
- (9) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan);
- (10) Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan);
- (11) Rang Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak (Pindaan);
- (12) Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan);
- (13) Rang Undang-undang Manuver Tentera;
- (14) Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan); dan

(15) Rang Undang-undang Rumah Judi Terbuka (Pindaan).

Yang ikhlas,

t.t.

TUAN YANG DIPERTUA DEWAN
NEGARA.”

**RANG UNDANG-UNDANG
PERLEMBAGAAN (PINDAAN),
1984**

Bacaan Kali Yang Pertama

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamed): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1984 dikemukakan untuk bacaan kali pertama.

Setiausaha: Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan.

Tuan Yang Dipertua: Bacaan kali yang kedua bila?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, dalam persidangan hari ini juga.

Tuan Yang Dipertua: Saya benarkan.

USUL URUSAN

**Merentikan Kuatkuasa Peraturan
Mesyuarat 48**

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan:

Bahawa, dengan izin Tuan Yang Dipertua di bawah Peraturan Mesyuarat 90 (1), Dewan dengan ini merentikan kuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48 sepanjang tempoh persidangan hari ini.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, dengan izin Tuan Yang Dipertua di bawah Peraturan Mesyuarat 90 (1), Dewan dengan ini merentikan kuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48 sepanjang tempoh persidangan hari ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERLEMBAGAAN (PINDAAN),
1984**

Bacaan Kali Yang Kedua

2.39 ptg.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, dengan izin Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk menjelaskan beberapa perkara yang ada kaitan dengan Perlembagaan yang hendak dipinda umumnya, dan tugas-tugas Kerajaan serta perhubungannya dengan Raja-raja.

Kita telah memilih sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan kerana kita sudah ada model ataupun contoh. Contoh-contoh yang tepat bagi kita ialah sistem yang diamalkan oleh negara British. Semasa kita dijajah, kita telah dapat melihat dari jauh dan dekat, bagaimana sistem ini berjalan dan kesan serta hasil daripadanya. Sistem ini pula amat sesuai dengan peralihan zaman di mana kita dapati banyak daripada sistem Raja berkuasa mutlak telah ditamatkan kerap kali melalui kekerasan dan diganti dengan republik. Oleh kerana kita tidak ingin menghapuskan sistem beraja maka kita terpaksa pilih Sistem Raja Berperlembagaan untuk melindungi kedudukan raja-raja.

Sistem tradisional kita sendiri, iaitu sistem yang diamalkan di negeri-negeri Melayu Semenanjung dan juga di negeri-negeri lain dalam Gugusan Pulau-pulau Melayu yang sekarang dikenali sebagai Indonesia ialah sistem raja mutlak—raja yang berkuasa penuh, yang terlibat secara langsung dengan pentadbiran. Walaupun di waktu kita mengamalkan sistem raja mutlak ada ketikanya dalam sejarah negeri-negeri Melayu yang menunjukkan kemajuan yang pesat dan kekuatan yang boleh dibanggakan, tetapi umumnya sejarah yang berkisar di keliling istana-istana tidaklah begitu cemerlang. Rebutan takhta, perang saudara, pemecahan negeri, pajakan kepada kuasa asing dan lain-lain lagi sering berlaku. Pendek kata penerimaan British sebagai kuasa metropolitan adalah disebabkan oleh kelemahan dalam negeri-negeri Melayu akibat sengketa atau “intrigue” di kalangan mereka yang berminat untuk menduduki takhta atau kerana pentadbiran yang boros dan tidak cekap. Mereka yang arif dalam sejarah Tanah Melayu dan Gugusan Pulau-pulau Melayu lebih mengetahui dalam perkara ini.

Sebaliknya perjuangan untuk kemerdekaan melibatkan rakyat secara langsung. Apabila tamat Perang Pasifik rakyat dan raja-raja Melayu berharap akan kembali kepada “status quo ante”—iaitu kepada keadaan sebelum Perang Dunia Kedua, di mana negeri-negeri Melayu dilindungi oleh British yang kononnya memerintah secara tidak langsung. Kedudukan ini bukanlah begitu baik, terutama di Negeri-negeri Bersekutu iaitu Federated Malay States. Tetapi, dari segi kebebasan kedudukan, ini lebih baik daripada kedudukan di Negeri-negeri Selat atau Straits Settlements yang diperintah sebagai colonies—atau tanah takluk British. Mereka, iaitu British, mempunyai kuasa penuh dalam Straits

Settlements. Tidak ada raja atau orang tempatan lain yang perlu dilayan atau diberi bayangan kuasa.

Tetapi dari Whitehall di London, sebelum pun Jepun diusir dari Semenanjung, pihak British telah merancang pengambilan negeri-negeri Melayu untuk dijadikan tanah jajahan atau “colony”, dicantum dan disamakan tarafnya dengan Straits Settlement. Siapa sahaja yang tinggal dalam negeri-negeri Semenanjung dan Selat akan dianugerahkan kerakyatan Malayan Union yang dirancangan itu. Soal taat setia tidak akan diambilkira sama sekali. Kuasa yang sedikit yang ada pada raja-raja Melayu pun akan dirampas. Mereka cuma akan dijadikan ketua agama dan adat istiadat—ini pun secara minimal sahaja.

Tuan Yang Dipertua, untuk maksud ini British menghantar Sir Harold MacMicheal seorang pegawai yang biasa menjadi Commissioner di Palestine di waktu Palestine masih diperintah terus oleh British.

Bermula dengan Sultan Ibrahim, Johor, semua raja-raja dipaksa oleh Harold MacMicheal memperkenankan penyerahan kuasa sepenuhnya kepada British dan menerima penyatuan negeri-negeri Melayu Semenanjung untuk menjadi Malayan Union yang diperintah terus oleh Whitehall sebagai colony British.

Rakyat telah menentang rancangan British dari awal-awal lagi. Malangnya tidak ada perhubungan antara rakyat dengan raja. Penasihat British Kedah, umpamanya, tidak membenarkan rakyat menyerahkan memorandum mereka kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan. Tanpa koodinasi dan sokongan antara rakyat dengan raja maka tidak mungkinlah raja menentang British dengan berkesan. Beberapa pucuk surat bantahan telah diutuskan oleh beberapa orang raja tanpa dilayan oleh British.

Walaupun raja-raja telah memperkenankan secara rasmi Malayan Union, rakyat tidak juga berhenti daripada menentanginya. UMNO telah ditubuh untuk mengumpulkan orang Melayu yang pada ketika itu tidak bersatupadu dan masih menganggap diri mereka sebagai rakyat negeri dan raja Melayu masing-masing, dan telah meneruskan tentangan mereka terhadap Malayan Union. Akhirnya Malayan Union terpaksa dibubar dan negeri-negeri Melayu Semenanjung balik semula ke taraf lama sebagai protectrate, dan Raja-Raja Melayu mendapat balik status mereka sebagai raja yang berdaulat dalam negeri. Negeri-negeri Melayu dicantum dalam satu persekutuan atau federation yang diberi nama Federation of Malaya atau Persekutuan Tanah Melayu.

Tetapi rakyat tidak puas hati dengan semata-mata balik kepada kedudukan lama, iaitu sebagai jajahan yang dilindungi oleh British di mana warganegara Persekutuan tidak berhak memerintah sendiri. Pentadbiran dan dasar-dasar pemerintahan dibuat oleh pegawai-pegawai British yang mengetuai semua jabatan. Orang-orang tempatan, terutamanya orang Melayu, tidak dapat mengetuai barang suatu pun Jabatan.

Majlis Perundangan Persekutuan, atau Federal Legislative Council, yang kononnya mewakili penduduk tempatan dilantik oleh British dan pendapatnya boleh diketepikan dengan sewenang-wenangnya oleh British High Commissioner. Cadangan UMNO supaya seorang orang Melayu, khususnya Yang Dipertua UMNO ketika itu, Dato Onn Jaafar, dilantik sebagai Deputy High Commissioner telah ditolak oleh Majlis Raja-Raja.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana Persekutuan ini juga pada hakikatnya adalah tanah takluk British maka rakyat, melalui UMNO dan Perikatan, yang telah memenangi 51 daripada 52 kerusi dalam Pilihanraya 1955 telah menuntut supaya Persekutuan Tanah Melayu diberi kemerdekaan penuh. Ada suara-suara dari kalangan tempatan sendiri yang menyoal keupayaan Tanah Melayu merdeka. Mereka ini bertanya di mana dia angkatan pertahanan Tanah Melayu. Kita tidak pun boleh membuat jarum, bagaimana boleh kita buat kapal perang untuk mempertahankan negara kita? Akhirnya pada tahun 1957 kuasa British diluputkan juga dan jawatan High-Commissioner yang dianggap lebih tinggi daripada Raja-Raja Melayu pun dihapuskan. Tempatnya diganti oleh seorang Raja Berperlembagaan yang diberi gelaran Yang di-pertuan Agong.

Dari sejarah moden ini tentulah jelas bahawa rakyat telah berjuang melalui UMNO, pertama untuk mendapat balik kuasa daripada British, dan kedua untuk meletakkan raja di tempat yang lebih tinggi daripada di zaman British. Untuk mengelak politik mempengaruhi ketaatan rakyat kepada raja, Sistem Raja Berperlembagaan, di mana raja menjadi simbol kedaulatan dan tumpuan taat setia telah dipilih. Walau apa pun parti yang mendirikan Kerajaan, taat setia ditumpukan kepada raja, dan pemerintahan dibuat dengan nama raja. Dengan ini maka nama raja-raja tidaklah akan tercemar dalam gelanggang politik.

Tuan Yang Dipertua, Perlembagaan digubal untuk maksud mewujudkan negara Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Tetapi perlembagaan ciptaan tidaklah sunyi dari kecacatan. Oleh kerana itu Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang kemudian dijadikan Perlembagaan Malaysia terpaksa dipinda berkali-kali.

Bukanlah menjadi niat Kerajaan ini untuk meminda Perlembagaan dengan sewenang-wenangnya. Tetapi, oleh kerana pada tahun 1983, masa sudah genap untuk meminda kawasan pilihanraya, maka peluang ini diambil untuk menyemak lain-lain peruntukan yang tidak dapat ataupun tidak kemas.

Di antara peruntukan yang tidak kemas ialah Perkara 66 (5) di mana tafsiran boleh dibuat bahawa Parlimen sebenarnya tidak berkuasa dan negara ini diperintah oleh Raja yang mempunyai kuasa mutlak dan tidak tertakluk kepada Perlembagaan. Oleh kerana tidak kemasnya peruntukan Perkara 66 (5) ini maka telah timbul peristiwa-peristiwa di negeri-negeri yang mana buat satu jangkamasa Kerajaan Negeri memerintah di luar dari undang-undang. Supaya peristiwa seperti ini tidak berlaku lagi, maka perkara 66 (5) perlulah diperkemas.

Peristiwa yang berikut daripada pindaan kepada Perlembagaan yang dibuat pada bulan Julai 1983 jelas menunjukkan bagaimana tidak kemasnya peruntukan Perkara 66 (5) ini. Buat beberapa bulan usaha Kerajaan menggubal undang-undang terhalang, sehingga timbul soal sama ada benar atau tidak negara Malaysia mengamal Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Orang asing pun, terutama majalah-majalah tertentu, dalam sekelip mata telah menjadi "royalist" dan memberi galakan kepada pihak-pihak tertentu supaya satu krisis yang berpanjangan tercetus di Malaysia. Dalam negara pula, parti pembangkang dan beberapa orang yang sudah kehilangan tempat telah mengambil peluang dengan mengadakan demonstrasi, kononnya kerana merekalah yang sebenarnya mendukung sistem beraja mutlak.

Oleh kerana parti pembangkang dan orang-orang yang berkepentingan tadi memulakan demonstrasi maka parti Kerajaan juga terpaksa mengadakan rapat umum untuk menghilangkan kekeliruan di kalangan ahli-ahli parti dan juga orang ramai.

Alhamdulillah, akhirnya masalah pindaan ini telah dapat diselesaikan dengan cara tolak-ansur sepertimana semua masalah lain di Malaysia diselesaikan. Keinginan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah dapat dilihat daripada tawaran yang dibuat. Tetapi prinsip bahawa kata pemutus ialah hak wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat masih terjamin walaupun Kerajaan rela bertolak ansur. Yang menyedihkan ialah penyelesaian ini sepatutnya tercapai tanpa demonstrasi dan kekeliruan, yang sedikit sebanyak mengeruhkan perhubungan rakyat dan raja. Tanggungjawab terhadap kekeruhan ini mestilah dipikul oleh mereka yang sengaja mencetuskan masalah di mana sepatutnya tidak ada masalah. Mereka inilah yang dikatakan petualang yang ingin melihat Kerajaan dan negara ini diserang dengan bermacam malapetaka.

Tuan Yang Dipertua, ingin saya jelaskan di sini bahawa kuasa Parlimen terkandung dalam Perkara 66 (5). Pindaan yang dibuat bertujuan menghapuskan segala keraguan tentang hak Parlimen membuat rang undang-undang. Dalam tempoh 15 hari daripada sesuatu rang undang-undang dipersembah untuk diperkenankan, rang undang-undang ini tetap akan menjadi undang-undang. Dalam pindaan baru yang akan dikemukakan pada hari ini tempoh 15 hari dipinda menjadi 30 hari campur 30 hari. Tetapi yang penting ialah tidak lagi ada keraguan tentang penggunaan syarat perkenan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menolak keputusan Parlimen. Ini akan menentukan bahawa pentadbiran

negara tidak akan terganggu, dan peristiwa yang berlaku beberapa bulan yang lepas tidak akan berulang lagi.

Pindaan yang dikemukakan pada hari ini, pada pendapat setengah-setengah pakar perlembagaan, memberi kuasa baru kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengambil bahagian secara langsung dalam penggubalan undang-undang. Sebaliknya ada pendapat yang menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong memang mempunyai kuasa tidak memperkenankan mana-mana undang-undang yang dilulus oleh Parlimen. Walau apa pun pendapat pakar-pakar, yang jelas ialah di bawah peruntukan asal Perkara 66 (5), Parlimen tidak terdaya mengambil apa-apa langkah yang diasaskan kepada Perlembagaan bagi mengatasi keengganan Yang di-Pertuan Agong memperkenankan mana-mana undang-undang yang dilulus oleh Parlimen. Pindaan baru yang dikemukakan hari ini memberi jalan yang terang untuk mengatasi apa-apa kebuntuan jika sekiranya Baginda tidak bersetuju dengan apa-apa undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen tertakluk kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Perlembagaan yang menentukan kuasa mengikut budibicara Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja.

Mengikut pindaan kepada Perkara 66 yang dicadangkan hari ini, jika sesuatu rang undang-undang (yang bukan rang undang-undang berkenaan dengan kewangan) dilulus oleh Parlimen dan dipersembahkan untuk diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong, dan Baginda dalam masa 30 hari membuat teguran secara yang diperuntukkan, maka rang undang-undang tersebut hendaklah dipertimbangkan semula oleh Parlimen. Ini bermakna bahawa teguran Yang di-Pertuan Agong akan dibahas dalam Parlimen, suatu perkara yang tidak pernah dilakukan oleh Parlimen. Walaupun tidak ada

larangan terus mengenai teguran secara tertentu terhadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja tetapi mengikut adat dan tradisi, Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negeri tidak pernah melibatkan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja dalam perbahasan ataupun ucapan-ucapan lain.

Tuan Yang Dipertua, berkaitan dengan ini izinkan saya sebut peruntukan dalam Akta Hasutan 1948 yang ada hubungan.

Perkara 3 (1) dalam Akta Hasutan berbunyi:

“Sesuatu “kecenderungan menghasut” ialah kecenderungan:

- (a) bagi mendatangkan benci atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak suka terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan”;

Tetapi, Akta yang sama juga membuat pengecualian di dalam Perkara 3 (2) seperti berikut:

“Walaupun apapun peruntukan seksyen kecil (1) apa-apa perbuatan, ucapan tidak boleh disifatkan sebagai menghasut semata-mata oleh sebab ia mempunyai kecenderungan:

- (a) bagi menunjukkan bahawa seseorang Raja telah dikelirukan atau tersilap dalam mana-mana langkah tindakan yang diambil olehnya;
- (b) bagi menunjukkan kesilapan-kesilapan atau kecacatan-kecacatan dalam mana-mana Kerajaan atau Perlembagaan dengan tujuan hendak membetulkan kesilapan-kesilapan atau kecacatan-kecacatan;

- (c) (i) bagi memujuk rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah supaya cuba mendapatkan diubah, dengan cara yang sah, apa-apa perkara dalam wilayah Kerajaan itu yang tertubuh menurut undang-undang; dll.

Apa yang jelas daripada peruntukan dalam Akta Hasutan ialah teguran boleh dibuat terhadap Raja dan Kerajaan dengan cara yang sah dari segi undang-undang; dan keduanya apa-apa teguran yang sah bagi Raja-Raja juga sah bagi Kerajaan dan sebaliknya.

Sepertimana kita semua tahu, teguran terhadap Kerajaan adalah perkara biasa, baik dalam dewan-dewan undangan ataupun di luar. Oleh kerana teguran adalah perkara biasa dalam perbahasan, dalam membahaskan kenyataan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di waktu merujuk balik undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan, maka teguran tentulah terpaksa dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen. Sungguhpun ini merupakan pemisahan daripada adat dan tradisi, tetapi ia dibenar oleh Akta Hasutan sepertimana diperuntukkan dalam pengecualian yang telah saya sebutkan tadi.

Namun demikian ingin saya jelaskan bahawa Akta Hasutan masih berkuatkuasa dan Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah berhati-hati apabila membuat teguran yang melibatkan Raja-Raja atau Kerajaan. Oleh kerana Raja-Raja tidak mengambil bahagian dalam perbahasan, maka Kerajaan adalah bertanggungjawab bagi menangkis semua teguran dan jika perlu akan mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta yang berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil kesempatan ini membangkitkan satu lagi perkara yang ada kaitan secara tidak langsung dengan tajuk pindaan perlembagaan yang dikemukakan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada satu masa dahulu telah menulis surat kepada saya bertanya berkenaan dengan hak rakyat berhubung dengan tindakan Raja. Dengan izin, Tuan Yang Dipertua, saya akan baca suratnya yang ditulis dalam bahasa Inggeris.

Soalnya, *dengan izin*:

“What protection has a citizen against assaults on him by a Ruler? The Federal Constitution provides in the terms of Article 181 (2) that no proceedings whatsoever shall be brought in any court against the Ruler of a State in his personal capacity. What then are the rights of a citizen placed under those circumstances? Where there is a wrong, there must and ought to be a remedy.”

Sepertimana kita semua maklum semua rakyat dalam negara Malaysia diberi perlindungan undang-undang yang ditadbir oleh mahkamah. Tetapi Perkara 181 (2), menyebutkan bahawa:

“Tiada apa-apa perbicaraan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja bagi sesuatu Negeri atas sifat dirinya sendiri.”

Dari segi peranan dalam pemerintahan adalah jelas bahawa Raja bertindak tertakluk kepada undang-undang utama negara iaitu Perlembagaan. Tetapi, dalam tindakan atas sifat dirinya sendiri, Raja tidak boleh didakwa di mahkamah biasa.

Walaupun Raja tidak boleh dibicara dalam mahkamah, ini tidaklah bermakna bahawa Raja bebas untuk

melakukan jenayah atau menyiksa sesiapa, merampas harta atau mungkir dalam bayaran hutang. Maksud peruntukan Perkara 181 (2) ialah Raja tidak boleh dibicara dalam mahkamah biasa. Ini tidak bermakna bahawa perbuatan yang dianggap salah bagi rakyat biasa tidak salah bagi Raja.

Oleh itu, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan rakyat tidak harus khuatir kerana jenayah tidak boleh dilakukan oleh Raja yang memerintah walaupun baginda bebas dari tindakan di bawah undang-undang yang ditadbir oleh mahkamah biasa. Perlembagaan tidak bermaksud bahawa perbuatan jenayah boleh ditafsir sebagai keistimewaan bagi Raja-Raja yang memerintah.

Tuan Yang Dipertua, sekarang izinkan saya menjelaskan tentang cadangan-cadangan kepada peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan yang dimaksudkan dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini.

Mengenai Perkara 66, Kerajaan bercadang untuk meminda peruntukan yang ada. Ini adalah berikutan daripada Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja tidak bersetuju supaya Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong memperkenankan peruntukan yang ada mengenai perkenan Yang di-Pertuan Agong meluluskan Rang Undang-undang. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi pihak Kerajaan dan Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja telah bertolak ansur dalam perkara ini. Dalam usaha tolak ansur itu Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja telah menerima tawaran Kerajaan seperti mana yang terkandung dalam pindaan kepada Perkara tersebut dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini.

Mengikut cadangan yang baru sesuatu Rang Undang-undang yang disampaikan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan oleh Baginda hendaklah diperkenankan oleh Baginda dalam tempoh 30 hari selepas ianya dipersembahkan kepada Baginda, iaitu bagi Rang Undang-undang yang bukan Rang Undang-undang Kewangan. Dalam tempoh 30 hari tersebut Yang di-Pertuan Agong boleh mengembalikan Rang Undang-undang itu kepada Parlimen sekiranya Baginda mempunyai sebab-sebab bantahan kepada Rang Undang-undang itu. Jika Yang di-Pertuan Agong tidak mengemukakan apa-apa bantahan dalam tempoh 30 hari itu, Rang Undang-undang itu hendaklah jadi undang-undang selepas tamatnya tempoh tersebut. Sekiranya Yang di-Pertuan Agong mengembalikan Rang Undang-undang itu untuk dipertimbangkan semula oleh Parlimen kerana ada bantahan tertentu maka kedua-dua Dewan Parlimen hendaklah segera menimbang semula Rang Undang-undang itu. Apabila Rang Undang-undang itu sekali lagi diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen dengan pindaan ataupun tidak, Rang Undang-undang itu hendaklah sekali lagi dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan oleh Baginda dan Baginda hendaklah memperkenankannya dalam masa 30 hari selepas Rang Undang-undang itu dipersembahkan kepada Baginda. Jika kerana apa-apa sebab Yang di-Pertuan Agong tidak memperkenankan Rang Undang-undang itu setelah genap 30 hari Rang Undang-undang itu akan menjadi undang-undang seolah-olah Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankannya.

Berkenaan dengan Perkara 150, iaitu mengenai Perisytiharan Darurat dan juga Seksyen Sebelas kepada Jadual Kelapan berhubung dengan perkenan Raja-Raja meluluskan Rang

Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, Kerajaan bercadang untuk memansuhkan peruntukan yang ada sekarang dan berbalik kepada peruntukan yang ada sebelum ini. Ini adalah juga merupakan tawaran Kerajaan dalam usaha bertolak ansur dengan Yang Maha Mulia Raja-Raja apabila Baginda khawatir dengan peruntukan yang ada sekarang.

Tuan Yang Dipertua, melalui usaha meminda peruntukan-peruntukan Perlembagaan dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini, saya ingin mengambil peluang untuk mengemukakan cadangan Kerajaan supaya memansuhkan Seksyen 4 (2) kepada Jadual Kelapan. Ini adalah bertujuan untuk membolehkan Dewan Undangan Negeri menentukan bilangan ahli Dewan tanpa apa-apa sekatan. Seksyen 4 (1) Jadual tersebut memperuntukkan bahawa bilangan ahli Dewan Undangan Negeri adalah sebagaimana yang ditentukan oleh undang-undang yang diluluskan oleh Dewan tersebut. Namun demikian, bilangan itu hendaklah ditetapkan mengikut formula yang diperuntukkan dalam Seksyen 4 (2) Jadual yang sama. Kerajaan berpendapat bahawa formula yang ditetapkan oleh Seksyen itu tidak lagi sesuai dan ada kalanya sukar hendak dipraktikkan. Dengan itu Kerajaan mencadangkan supaya Seksyen 4 (2) dimansuhkan untuk memberi "flexibility" kepada Dewan Undangan Negeri menentukan bilangan ahli Dewan itu tanpa kaitan dengan bilangan Ahli Dewan Rakyat.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan (*Tepuk*).

3.13 ptg.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu.

Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menerangkan kepada Dewan yang mulia ini tentang usul ini, dengan itu tidaklah payah saya menerangkan lagi butir-butir mengenainya. Walau bagaimanapun, izinkanlah saya memberi sepatah dua kata untuk menyokong Usul ini.

Sepertimana kita maklum undang-undang perlu diubah mengikut keadaan dan masa, perubahan adalah perlu untuk membolehkan sesebuah negara menjalankan pentadbiran dan kegiatannya dengan teratur dan terjamin. Sesuai dengan keadaan dan masa, maka beberapa peruntukan dalam Perlembagaan itu terpaksa dipinda sepertimana yang dicadangkan demi untuk memberi kebaikan dan keselesaan kepada masyarakat.

Tuan Yang Dipertua, negara kita mengamalkan sistem pemerintahan beraja mengikut Perlembagaan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja adalah tumpuan kesetiaan dan kemuncak dalam sistem pemerintahan negara kita ini. Kebawah Duli-Kebawah Duli mempunyai kedudukan yang tinggi dan keistimewaan yang termaktub dalam Perlembagaan negara dan Perlembagaan negeri. Kedudukan ini bukan sahaja termaktub di dalam Perlembagaan bahkan ianya dicerminkan dalam Rukunegara juga. Oleh itu segala pindaan yang dicadangkan tidak akan menjejaskan kedudukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja. Segala pindaan yang dicadangkan dalam Dewan yang mulia ini akan melicinkan jentera-jentera pentadbiran oleh kerana ianya menerangkan dengan jelasnya peranan tiap-tiap kuasa yang

termaktub dalam proses membuat dan melaksanakan undang-undang. Pindaan-pindaan ini bukanlah dibuat dengan sewenang-senangnya, tetapi kita mengambilkira berbagai-bagai faktor dan tujuannya adalah untuk kepentingan negara. Oleh yang demikian, saya menyokong dengan sepenuhnya usul membentangkan Rang Undang-undang Akta Perlembagaan (Pindaan), 1984 dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Perlembagaan dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Muar.

3.17 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan tahun 1984 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita.

Tuan Yang Dipertua, sejak kemerdekaan pada tahun 1957, negara kita telah mengamali satu sistem demokrasi berparlimen, berasaskan kepada Raja Berperlembagaan. Sejak masa itu sistem ini masih kekal lagi. Kita tidak pernah menyeleweng daripada tujuan-tujuan asal kerana sistem ini telah menghasilkan kestabilan negara. Kestabilan ini telah membawa kemajuan yang cemerlang bagi negara kita sepanjang tempoh ini. Mufu dan kualiti kehidupan rakyat jelata telah pun meningkat.

Semua kejayaan yang dicapai oleh negara kita ini adalah hasil daripada satu pentadbiran licin yang kita mempunyai sejak merdeka. Satu pentadbiran yang licin adalah begitu

mustahak dalam usaha kita untuk membawa negara kita ke taraf kemajuan yang lebih tinggi lagi.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menegaskan di sini dan Dewan yang mulia ini bahawa asas sokongan Parti MCA terhadap Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan 1983 termasuk proviso di bawah Artikel 66 Perlembagaan adalah kepercayaan, tegas kami bahawa pindaan ini akan memperkukuhkan lagi pentadbiran yang licin ini dan tidak menjejaskan sama sekali kedudukan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, kami yakin dan percaya bahawa dengan memperkuatkan lagi sistem pentadbiran licin yang wujud pada ketika ini, kita akan dapat menyediakan satu asas yang kukuh supaya negara kita dapat terus mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dalam usaha-usaha pembangunan negara. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan bersetuju bahawa ini adalah demi kepentingan negara.

Tuan Yang Dipertua, akan tetapi apabila timbulnya pandangan dan tafsiran yang berlainan terhadap tujuan pindaan Perlembagaan kami telah memberi sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya perkara ini dapat diselesaikan demi kepentingan negara.

Memandangkan bahawa cadangan asal tidak dapat diterima oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, pihak Kerajaan berpendapat sebagai perlu untuk mengemukakan pindaan-pindaan kepada proviso-proviso asal supaya satu penyelesaian kompromi dapat dicapai.

Kita sentiasa mempunyai keyakinan bahawa perkara ini akan dapat diselesaikan kerana dalam cara kemalaysiaan kita rela mengeneipkan kepentingan-kepentingan yang lain

demi mencintai negara kita. Ini telah pun dibuktikan sebagai benar pada masa ini.

Negara Malaysia telah menunjukkan sekali lagi bahawa kita mempunyai cara kemalaysiaan dalam usaha mencari penyelesaian terhadap isu-isu kemalaysiaan ala Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, dalam detik sejarah negara ini tidak ada satu pihak pun yang menang atau kalah, semua pihak yang berkenaan mempunyai kepentingan negara dalam hati sanubari mereka, cara perkara ini diselesaikan menunjukkan betapa tingginya kematangan dan mutu kepimpinan pemimpin-pemimpin pihak Kerajaan dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, kedua-dua pihak telah menunjukkan murah hati mereka dengan mengenyepkan kepentingan-kepentingan yang lain demi kepentingan negara. Ini juga mencerminkan bahawa sistem demokrasi berparlimen berasaskan kepada Raja Berperlembagaan adalah satu sistem yang boleh kita terima, satu sistem yang boleh dipercayai dan satu sistem yang terbukti.

Mujurnya kita memahami rasional-rasional asas sistem Kerajaan ini yang telah kita terima dan amali. Penyelesaian isu seumpama ini memerlukan kenegarawan (statesmanship) dan kematangan pihak pemimpin-pemimpin Kerajaan dan Duli-duli Yang Maha Mulia. Kualiti-kualiti ini dapat kami saksikan daripada cara penyelesaian dicapai.

Saya percaya kita tidak boleh menafikan bahawa isu seperti ini sudah tentu akan memecahbelahkan rakyat jika dihadapi oleh sesebuah negara yang kurang kukuh dan kurang bersatu padu, akibatnya sudah tentu buruk. Kekeliruan akan berlaku dan kestabilan negara akan terjejas. Ini

akan membawa kesan buruk terhadap kemajuan dan pembangunan negara. Kita bernasib baik bahawa sistem demokrasi berparlimen kita yang berasaskan kepada Raja berperlembagaan adalah begitu kukuh. Kita juga bernasib baik kerana mempunyai pemimpin-pemimpin dan raja-raja yang sedia meletakkan kepentingan rakyat dan negara dalam kedudukan utama.

Tuan Yang Dipertua, cara damai perkara ini diselesaikan adalah satu tanda baik bagi rakyat semua kaum. Saya percaya detik sejarah negara yang dialami adalah juga satu petanda yang baik bagi rakyat semua kaum. Rakyat kita dapat bersikap tenang pada keseluruhannya, ini adalah satu bukti yang terang dan nyata terhadap kematangan dan fahaman mereka terhadap perkara ini. Kita patut melafazkan syukur. Ini adalah satu petanda yang baik terhadap negara kita yang berbilang kaum dan bangsa. Kita telah muncul daripada detik sejarah ini dengan keazaman dan keyakinan yang lebih dalam memperindungi dan menguatkan sistem demokrasi berparlimen berasaskan kepada Raja berperlembagaan. Sistem ini adalah asas negara kita seperti yang dikandung oleh pengasas-pengasas negara kita dan Raja berperlembagaan adalah mercu tanda asas itu. Kita semua berhajat meninggalkan warisan ini kepada jenerasi-jenerasi kita akan datang.

Pembangunan negara sentiasa merupakan satu cabaran yang besar. Ia memerlukan keazaman dan usaha-usaha yang tekun, yang penting sekali ia memerlukan kerjasama semua kaum. Tanpa ini kemajuan dan pembangunan yang telah kita capai akan dijejas oleh kekeliruan dan kecercaan.

Tuan Yang Dipertua, bagi pihak parti MCA, saya ingin menegaskan bahawa kami mempunyai keyakinan dan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad. Kami juga berikrar taat setia kami yang tidak berbelah bagi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Negara.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1984 dan ingin menegaskan sekali lagi bahawa parti MCA memegang dengan tegasnya kepada sistem demokrasi berparlimen berasaskan kepada Raja berperlembagaan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan sejak merdeka. (*Tepuk*).

3.24 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang Dipertua, Dewan yang mulia ini dipanggil bermesyuarat selama sehari pada hari ini untuk meluluskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) Tahun 1984 yang merupakan kemuncak krisis Perlembagaan yang telah berlanjutan selama 4½ bukan ini untuk menandakan kejayaan prinsip keagungan Parlimen serta kedaulatan rakyat.

Sebagai suara tunggal dalam Dewan yang mulia ini bersama-sama dengan rakan-rakan seperjuangan Parlimen DAP saya yang lain, saya telah memperjuangkan prinsip keagungan Parlimen selama 14 tahun di mana Parlimen mempunyai identitinya yang "distinctive" serta peranan yang lebih tinggi daripada Eksekutif dan Perhakiman. Saya patutlah hendak merupakan orang pertama yang mengalu-alukan penemuan atau "rediscovery" perjuangan prinsip ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri walaupun penemuan dan perjuangan prinsip tersebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah nampaknya sedikit lambat.

Saya dan rakan-rakan saya telah tidak boleh bersetuju atau menerima kenyataan bahawa krisis Perlembagaan baru-baru ini merupakan satu persaingan di antara rakyat dan Raja-Raja ataupun satu pertempuran antara prinsip keagungan Parlimen dan "prerogative" Raja-Raja. Sekiranya dakwaan ini dipercayai sebulat-bulatnya, maka ingin saya mengatakan bahawa hakikat Parlimen terpaksa dipanggil bermesyuarat dalam mesyuarat khas ini untuk menarik balik dua daripada tiga pindaan "controversial" yang mencetuskan krisis tersebut serta meminda isu "contentious" yang ketiga sehingga "concede" satu prinsip penting demokrasi berparlimen merupakan satu kegagalan dan bukan satu kejayaan prinsip keagungan Parlimen.

Parlimen dalam kebijaksanaan atau kurang kebijaksanaannya telah meluluskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) Tahun 1983 dengan majoriti 2/3 yang dikehendaki dalam kedua-dua Majlis ini dalam bulan Ogos, 1983 dan sekiranya isu yang terlibat ialah prinsip keagungan Parlimen, maka kegagalan untuk menetap atau "adhere" kepada pindaan-pindaan itu tanpa menghiraukan sebutan-sebutan atau "niceties" mengenai hak Parlimen untuk membuat pindaan-pindaan Perlembagaan lanjut merupakan kegagalan Parlimen untuk mengenakan kemahuaannya.

Parti DAP mendapati dakwaan bahawa krisis Perlembagaan merupakan kejayaan prinsip kedaulatan rakyat dalam sebuah demokrasi berparlimen sama silap kerana dari manakah datangnya

kemahuan rakyat atau "ill of the people" sedangkan rakyat jelata tidak tahu langsung mengenai "merit" atau "demerit" ketiga-tiga pindaan Perlembagaan yang bersifat "controversial" yang diterima oleh kedua-dua Majlis Parlimen dalam bulan Ogos, 1983

Tuan Alias bin Md. Ali: (*Bangun*).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Ulu Terengganu minta jalan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Ahli dari Kota Melaka ada menyebut bahawa rakyat tidak faham dengan pindaan-pindaan yang dibuat oleh Parlimen itu. Adakah Ahli dari Kota Melaka bermaksud bahawa beratus-ratus ribu rakyat yang keluar beramai-ramai menyatakan sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu ialah orang yang tak tahu apa-apa keluar dengan tidak tahu apa-apa. Adakah maksud Yang Berhormat itu seolah-olah orang ini orang bodoh belaka?

Tuan Lim Kit Siang: Bukan bodoh, tetapi maksud saya "ya", itu maksud saya. Bukan oleh kerana mereka bodoh tetapi mereka ada dikeluarkan, dikerahkan oleh tentera-tentera Jabatan Penerangan, jentera-jentera UMNO bahawa patutlah datang untuk menghadiri rapat umum rakraksa untuk mendengar Yang Amat Berhormat. Bukan oleh kerana mereka bodoh, tetapi itulah maksud saya, itu benar. Jawapan saya "yalah", itu maksud saya.

Tuan Yang Dipertua: Minta teruskan. Minta bertenang (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Dan saya ada tanya tadi manakah datangnya kemahuan rakyat (will of the people) sedangkan rakyat jelata tidak tahu langsung mengenai merit atau demerit

ketiga-tiga Perlembagaan dalam bulan Ogos 1983 kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan media massa tempatan supaya jangan menyiarkan segala perbincangan termasuk perbahasan Parlimen ke atas pindaan-pindaan tersebut mengenai isu-isu kontroversial ketiga-tiga itu sehingga tiga bulan kemudian. Apakah kemahuan rakyat dalam sistem demokrasi berparlimen di Malaysia berlandaskan atas kejahilan rakyat atau, dengan izin, ignorance rakyat atau apakah ianya merupakan kemahuan berpandu (guided will) rakyat yang kita sedang bicarakan seperti demokrasi berpandu yang wujud di beberapa negara yang lain. Malah sehingga kini kebanyakan rakyat Malaysia dinafikan maklumat yang perlu dan seimbang mengenai krisis Perlembagaan serta isu-isu yang terlibat kerana mereka telah disuapkan dengan akaun rasmi yang dikeluarkan oleh BERNAMA, Radio dan Televisyen serta akhbar-akhbar tempatan dan bukan sebaliknya membenarkan rakyat membuat keputusan dengan membiarkan mereka dapat access yang bebas dan penuh kepada segala jenis saluran-saluran mengenai pindaan-pindaan tersebut, malah siri rapat-rapat umum yang haram yang dianjurkan oleh UMNO di Alor Star, Bagan Datoh, Seremban, Batu Pahat dan Melaka untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan laporan-laporan rasmi mengenai angka kehadiran orang yang sengaja dibesar-besarkan tidak berjaya sangat untuk mewakili kemahuan rakyat kerana ia hanya telah membuktikan keupayaan kerahan jentera UMNO dan Kerajaan. Ini juga diragui kerana hanya dua hari lalu UMNO Wilayah Persekutuan telah mendakwa ia akan mendapat seramai 200,000 orang untuk menyambut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam lawatan rasmi pertamanya ke Wilayah Persekutuan tetapi jumlah hadirin yang dilaporkan ialah dalam jarak

12,000 hingga 40,000, akan tetapi apakah kesemua mereka yang menghadiri rapat-rapat umum haram tersebut memahami dan menyokong Kerajaan dalam isu pindaan Perlembagaan itu. Saya rasa amat sangsi.

Di Batu Pahat umpamanya saya diberi tahu apabila penganjur-penganjur UMNO berteriak cogan kata "Hidup Melayu", ramai orang-orang rakyat Malaysia keturunan Cina dan India telah meninggalkan perhimpunan tersebut kerana mereka mendapati mereka tidak ada tempat (*Disampuk*). Saya tahu saya dari Batu Pahat (*Ketawa*). Ramai pundit dan penulis Lidah Pengarang telah menulis mengenai kebaikan yang tertimbul akibat krisis Perlembagaan.

Umpamanya adalah didakwa bahawa krisis tersebut telah menyebabkan Perlembagaan kita dikaji dan diperiksa oleh sebilangan besar rakyat dari semua lapisan masyarakat dan bahawa Perlembagaan kita kini lebih difahami berbanding dengan dahulu. Penulis-penulis tersebut tidak menyentuh langsung tentang hakikat bahawa bagi tiga bulan pertama liputan akhbar-akhbar tempatan mengenai pindaan-pindaan Perlembagaan telah dihitamkan langsung dan selepas itu orang ramai hanya dapat membaca laporan-laporan mengenai krisis Perlembagaan dan saya pun dapati bahawa selepas dua Dewan yang sudah luluskan pindaan yang di hadapan kita mungkinlah satu "ban" akan dikeluarkan mengenai isu Constitutional Amendment ini.

Di dalam pandangan saya krisis Perlembagaan ini menunjukkan betapa perlunya sistem politik kita membenarkan kemahuan sebenar rakyat ditunjukkan dan bukan membenarkan kononnya kemahuan rakyat dimanipulasikan oleh

pemerintah politik. Apa yang diperlukan lebih-lebih untuk memastikan kejayaan kemahuan rakyat ialah kewujudan tradisi demokrasi untuk menyoalkan peranan pemerintahan politik yang hanya boleh dilakukan sekiranya terdapat kebebasan berucap, maklumat dan melahirkan pendapat dan bukan seperti sekarang di mana kebebasan seumpama itu amat tersekat dan kemahuan rakyat yang kononnya itu dimanipulasikan oleh pihak pemerintah. Tradisi seumpama itu hendaklah membolehkan rakyat menyoalkan Kerajaan mengapa ia mengamal double standards dalam menguatkuasa undang-undang dengan membenarkan UMNO menganjurkan rapat-rapat umum sementara mengharamkan parti-parti pembangkang daripada menganjurkannya menyoal Kerajaan mengapa ia tidak membenarkan satu perbincangan penuh ke atas pindaan-pindaan untuk membenarkan segala sudut pandangan diutarakan supaya membolehkan satu penghakiman yang bijak dapat dibuat oleh rakyat dan mengapa para pengkritik dan penentang pindaan-pindaan tersebut diberi macam-macam label bersifat anti nasional sedangkan Kerajaan sendiri pada akhirnya terpaksa menarik balik dua daripada tiga pindaan tersebut serta membuat satu salinan yang radikal kepada pindaan ketiga dengan mengconcedekan satu prinsip penting yang para pengkritik sendiri tidak rela concede.

Apabila kritikan yang mild oleh Tan Sri Dr Tan Chee Khoo dalam pojok mingguannya dalam akhbar *Star* mengenai krisis Perlembagaan boleh menerima kecaman yang garang dari Yang Berhormat Menteri Penerangan yang menganggap dirinya sebagai dengan izin, custodian of ideological purity of UMNO maka rakyat Malaysia yang berfikiran waras mestilah bertanya apakah jenis demokrasi berparlimen yang kita

mempunyai di Malaysia selepas krisis Perlembagaan di mana kedaulatan rakyat dan kemahuan rakyat dikatakan adalah teragung. Apakah ianya merupakan satu demokrasi berparlimen di mana kemahuan rakyat dan kedaulatan rakyat disamakan dengan kemahuan UMNO dan kedaulatan UMNO dengan tidak adanya ruang untuk pandangan-pandangan berbeza dari rakyat.

Saya tidak boleh bercakap bagi pihak proponents krisis Perlembagaan iaitu pemimpin-pemimpin UMNO dan Raja-Raja tetapi saya percaya saya boleh mengatakan dengan beraninya bahawa bagi mereka yang menentang ketiga-tiga pindaan Perlembagaan yang controversial itu dua sebab adalah terlalu penting dan ketara.

Pertama, sebabnya sah dari segi Perlembagaan pindaan kepada Perkara 66 5) dan Jadual Kelapan untuk memperuntukkan bahawa di peringkat pusat dan negeri sebaik sahaja badan-badan perundangan telah meluluskan Rang Undang-undang dan mempersembahkannya kepada Yang Dipertuan Agong atau Raja Negeri untuk diperkenan, perkenan akan dianggap sebagai diberi selepas 15 hari tanpa menghiraukan sama ada Mohor Besar diletakkan padanya.

Kedua, tambahan dan penumpuan kuasa politik dalam tangan Perdana Menteri menerusi pindaan kepada Perkara 150 di mana Perdana Menteri sendiri tanpa merunding dengan Kabinet boleh menyebabkan sesuatu perisytiharan darurat diistiharkan.

Parti DAP dan para pengkritik pindaan kepada Perkara 66 (5) dan Jadual Kelapan telah mengatakan bahawa walaupun perkenan Diraja tidak diberi oleh Yang Dipertuan Agong atau Raja sesebuah negeri dan kita bersetuju dengan alasan Kerajaan

bahawa dari segi Perlembagaan Raja tidak mempunyai kemahuan sendiri atau, dengan izin, constitutional will of his own tetapi hendaklah bertindak atas nasihat Kabinet untuk perkenan Diraja, namun perkenan Diraja merupakan satu bahagian yang perlu dan integral dalam proses menyempurnakan perundangan kerana kalau tidak untuk mengelakkan segala "brother" Perlembagaan lebih baik Parlimen meluluskan satu pindaan Perlembagaan untuk memperuntukkan bahawa apabila sesuatu Rang Undang-undang diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen yang akan secara otomatis menjadi undang-undang tanpa memperoleh perkenan Diraja.

Maka daripada anggapan atau contention ini adalah nyata sebarang langkah untuk memansuh atau derogate perlunya perkenan Diraja akan melanggar Perkara 38 (4) yang berbunyi, dengan izin, "No law directly affecting the privileges, position, honours or dignities of the Rulers shall be passed without the consent of the Conference of Rulers."

Ini tidak bermakna peruntukan mengenai perkenan Diraja tidak boleh dipinda tetapi sebarang pindaan seumpama itu hendaklah mematuhi keperluan Perlembagaan untuk mendapatkan persetujuan terlebih dahulu Majlis Raja-Raja kerana ia menjejaskan privileges, positions, honours or dignities of the Rulers.

Kerajaan berpendapat bahawa Perkara 159 (5) menghendaki persetujuan Majlis Raja-Raja sekiranya pindaan-pindaan dibuat kepada Fasal 4, Perkara 10 manamana Undang-undang yang diluluskan di bawahnya, peruntukan-peruntukan Bahagian 2 Perkara 38, 63 (4), 70, 71 (1), 72 (4), 152 atau 153, kepada perkara atau kepada Perkara 159 (5)

sendiri dan disebabkan Perkara 66 (5) tidak disebut ia boleh dipinda tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja.

Hujah ini menjadian perkara 38 (4) tidak bermakna langsung kerana di bawah Perkara 38 (4) mana-mana Undang-undang yang menjejaskan secara langsung privileges, positions, honours or dignities of the Rulers akan menghendaki persetujuan terlebih dahulu dari Majlis Raja-Raja. Kalau tidak Undang-undang tersebut tidak akan menjadi sah dari segi Perlembagaan.

Nyawa Perkara 38 (4) bukanlah bergantung kepada Perkara 159 (5) tetapi peruntukan-peruntutannya sendiri. Sebagai contoh walaupun tidak dinyatakan di dalam Perkara 159 (5), saya ingin menyatakan bahawa sebarang pindaan kepada Perkara 41 atau 42 (1) mestilah memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja menurut Perkara 38 (4) oleh kerana ia akan melibatkan privileges, positions, honours or dignities of the Rulers.

Maka Perkara 41 memperuntukkan bahawa Yang Dipertuan Agong berhak mengikut kehendak baginda sendiri kepada sebarang maklumat mengenai Kerajaan Persekutuan yang terbuka kepada Kabinet. Sementara Perkara 42 (1) memperuntukkan bahawa Yang Dipertuan Agong mempunyai kuasa untuk memberi pengampunan mengurangkan hukuman penjara berkait dengan segala kesalahan yang telah dibicarakan oleh Mahkamah Tentera dan semua kesalahan yang dilakukan dalam Wilayah Persekutuan dan Raja-Raja Negeri mempunyai kuasa-kuasa yang sama.

Jika adalah dicadangkan untuk meminda Perkara 41 untuk menghapuskan hak Yang Dipertuan Agong terhadap sebarang maklumat mengenai Kerajaan Persekutuan yang terbuka kepada Kabinet atau untuk

menghapuskan kuasa Yang Dipertuan Agong dan Raja-raja Negeri untuk memberi pengampunan. Reprieve dan respect di dalam wilayah masing-masing jelaslah persetujuan Majlis Raja-Raja diperlukan di bawah Perkara 38 (4) walaupun tidak dinyatakan di dalam Perkara 159 (5).

Sebarang pindaan tanpa persetujuan terlebih dahulu Majlis Raja-Raja akan menjadikan tidak sah dari segi Perlembagaan serta null and void, begitu juga jika pindaan kepada Perkara 66 (5) di dalam Akta (Pindaan) Perlembagaan tahun 1983, adalah tidak sah dari segi Perlembagaan oleh kerana ia tidak mematuhi Perkara 38 (4) perkenan yang diberikan kepadanya oleh Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang Dipertuan Agong tidak akan menjadikan ianya sah dari segi Perlembagaan serta memberikan legal validity sekiranya Akta (Pindaan) Perlembagaan 1983 itu tidak sah dari segi Perlembagaan. Dan pindaan kepada Perkara 66 yang ada sekarang di hadapan kita juga akan menjadikan tidak sah dari segi Perlembagaan kerana sebarang pindaan yang dibuat berikutnya tidak boleh mengatasi sebarang peruntukan yang tidak sah dari segi Perlembagaan. Untuk menjadikan sah dari segi Perlembagaan melainkan dengan mengadakan satu peruntukan yang baharu sepenuh-penuhnya, yang tidak bergantung kepada fasal yang tidak sah dari segi Perlembagaan itu.

Memandangkan kepada keraguan Perlembagaan ini, saya ingin mencadangkan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinet hendaklah memutuskan untuk merujuk Perkara Perlembagaan ini ke Mahkamah Persekutuan di bawah Perkara 130 untuk mendapatkan pendapat perundangan yang mengikat ke atas semua pihak. Jika tidak, sebarang perundangan

yang digubal dalam masa akan datang yang berbangkit daripada Rang Undang-undang (Pindaan), 1984 boleh dicabar.

Pemimpin-pemimpin Kerajaan telah mempertahankan bahawa kaedah 15 hari perkenan Diraja itu adalah perlu terutama kerana keengganan setengah-setengah Sultan-Sultan Negeri untuk memberikan perkenan kepada perundangan Negeri melainkan kehendak-kehendak Raja-Raja itu dicapai. Misalnya dengan melucutkan Menteri Besar atau lain-lain kehendak. Oleh yang demikian adalah sungguh anih bahawa Kerajaan telah menggugurkan cadangan pindaan kepada Jadual ke-8 terhadap kaedah 15 hari perkenan Diraja bagi Perlembagaan-perlembagaan Negeri dengan bergantung semata-mata kepada jaminan yang dibuat secara lisan.

Parlimen berhak untuk mengetahui akan kedudukan dan efficacy jaminan yang dibuat secara lisan itu dari segi Undang-undang Perlembagaan.

Pemimpin-pemimpin Kerajaan sudah berkata bahawa tidak ada sebarang Rang Undang-undang Persekutuan yang telah tidak diperkenankan dan seperti ditulis oleh Perdana Menteri pertama kita, Tunku Abdul Rahman bahawa terdapat peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan untuk menghadapi mana-mana Yang di-Pertuan Agong yang menyalahgunakan kuasa-kuasanya.

Pertamanya Majlis Raja-Raja di mana lima orang Raja boleh melucutkan Yang di-Pertuan Agong terdapat juga peruntukan di mana ianya boleh dibangkitkan dalam Parlimen melalui satu usul tersendiri atau substantive motion terhadap sebarang penyalahgunaan kuasa oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja-

Raja Negeri untuk mengenakan tekanan politik dan awam ke atas seorang Raja Perlembagaan yang degil.

Bagaimanapun jika Kerajaan hendak terus meminda Perkara 66 (5) untuk memperuntukkan satu kaedah 15 hari deemed Royal Assent Rule ia patutlah dilakukan dengan secara Perlembagaan yang baik dengan memperolehi persetujuan Majlis Raja-Raja terlebih dahulu.

Setelah menyatakan bahawa pindaan sekarang kerana Perkara 66 (5) atau isu perkenan Diraja telah meconcede satu prinsip keagungan Parlimen yang amat penting yang tidak pernah di concede oleh kritik-kritik pun. Maka di bawah seksyen 2 di bawah Rang Undang-undang pindaan ini kaedah 15 hari deemed Assent Rule akan digantikan dengan peruntukan-peruntukan baharu di dalam Perkara 66 di mana satu Rang Undang-undang yang dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong akan diperkenan dalam 30 hari setelah ianya dipersembahkan. Akan tetapi dalam kes Rang Undang-undang yang bukan berupa kewangan dalam jangka masa 30 hari itu baginda boleh mengembalikan Rang Undang-undang tersebut kepada Dewan yang mulia ini di mana ia telah dibangkitkan dengan suatu kenyataan sebab-sebab perbantahan baginda terhadapnya atau terhadap sekarang peruntukan di dalamnya.

Fasal baru 4 (b), Perkara 66 itu memperuntukkan bahawa di mana Yang di-Pertuan Agong tidak melakukan mana-mana daripada perkara ini di dalam jangka masa 30 hari yang dinyatakan. Rang Undang-undang tersebut akan menjadi Undang-undang dengan tamatnya jangka masa tersebut. Seolah-olah baginda telah memperkenankan.

Fasal baru Perkara 66 memperuntukkan bahawa di mana Yang di-Pertuan Agong mengemalikan sesuatu Rang Undang-undang kepada Majlis Parlimen di mana ia telah dikemukakan pada asalnya menurut Fasal (4) (b) Perkara itu, Majlis Parlimen hendaklah dengan seberapa segera yang boleh menimangkan semula Rang Undang-undang itu. Jika, selepas ditimbang semula, Rang Undang-undang itu sekali lagi diluluskan oleh Majlis Parlimen itu, dengan atau tanpa pindaan, Rang Undang-undang itu hendaklah dihantar kepada Majlis Parlimen yang satu lagi bersama-sama dengan bantahan-bantahan Yang di-Pertuan Agong. Jika Rang Undang-undang itu sekali lagi diluluskan oleh Majlis Parlimen yang satu lagi, Rang Undang-undang itu hendaklah sekali lagi dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan oleh Baginda dan Baginda hendaklah memperkenankan Rang Undang-undang itu dalam masa tiga puluh hari selepas Rang Undang-undang itu dipersembahkan kepada Baginda. Fasal baru (4B) Perkara 66 seterusnya membuat peruntukan, antara lainnya, bahawa jika Yang di-Pertuan Agong tidak memperkenankan Rang Undang-undang itu dalam tempoh tiga puluh hari, Rang Undang-undang itu hendaklah menjadi undang-undang selepas tamatnya tempoh tersebut, mengikut cara yang sama seolah-olah Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan Rang Undang-undang ini.

Peruntukan baru di dalam Perkara 66 ini telah memberikan Yang di-Pertuan Agong yang menurut peguam-peguam Kerajaan, dengan izin, tidak ada constitutional will of his own, kuasa yang tidak pernah ada pada Baginda untuk melambatkan sesuatu perundangan selama 30 hari dalam merujukkan satu Rang

Undang-undang yang dibantahnya balik ke Parlimen. Hak Yang di-Pertuan Agong untuk membantah sebarang Rang Undang-undang kononnya demi kebaikan awam mesti diikuti dengan kewajipan corollary atau serentak untuk mengesyorkan, untuk memastikan bahawa setiap Rang Undang-undang yang dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menerima perkenan Diraja adalah tidak bertentangan dengan kebaikan awam. Oleh kerana Tuan Yang Dipertua, apabila Yang di-Pertuan Agong ada mendapat hak yang baru untuk objek kepada sesuatu Rang Undang-undang dia pun ada satu tanggungjawab yang baru untuk menentukan bahawa sebelum memperkenankan setiap Rang Undang-undang yang patut diperkenankan. Itulah satu prinsip baru yang sangat besar. Ini ada bermakna bahawa setelah pindaan ini dijadikan undang-undang, Yang di-Pertuan Agong akan cuai dalam tanggungjawabnya jika baginda hanya bertindak atas nasihat Kabinet untuk memberi perkenan Diraja kepada setiap Rang Undang-undang yang disebarkan kepada Baginda tanpa memberikan perhatian individu kepada kandungan setiap Rang Undang-undang untuk mempertimbangkan sama ada ia bercanggah dengan kebaikan serta kebajikan awam. Ini adalah kerana Yang di-Pertuan Agong telah diubah daripada seorang Raja Berperlembagaan tanpa kemahuan Baginda sendiri selain daripada bertindak atas nasihat Kabinet kepada seorang Raja yang Berperlembagaan dengan kemahuan Perlembagaan untuk mengkaji setiap Rang Undang-undang yang disebarkan kepada baginda untuk mengesyorkan bahawa Baginda tidak akan melaksanakan kuasa-kuasanya untuk melambatkan perundangan dengan menghantarkannya balik kepada Parlimen untuk dipertimbangkan sekali lagi.

Tuan Yang Dipertua, saya mahu tahu apa kriteria akan digunakan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk membuat keputusan sama ada patut objek dan patut kembalikan Rang Undang-undang balik ke Dewan dan adakah Baginda akan bertindak atas nasihat siapa? Adakah Baginda akan bertindak secara sendiri bahawa baginda harus kaji setiap Rang Undang-undang sama ada mahu objek atau tak mahu objek dan kalau inilah satu kuasa, satu tanggungjawab sendiri kepada Yang di-Pertuan Agong sendiri kalau dalam tempoh 30 hari tentulah tak cukup oleh kerana setiap sidang Parlimen yang luluskan Rang Undang-undang—15-20 Rang Undang-undang dan disembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong, 30 hari mahu dengan terperinci faham kandungan dan implikasi setiap peruntukan Rang undang-undang sebelum putusan sama ada mahu objek atau mahu perkenankan.

Saya rasa tentulah 30 hari tak cukup atau adakah Yang di-Pertuan Agong akan bertindak atas nasihat Kabinet yang mengikut Article 40 (1) yang berbunyi, dengan izin:

“40. Yang di-Pertuan Agong to act on advice.

(1) In the exercise of his functions under this Constitution or federal law the Yang di-Pertuan Agong shall act in accordance with the advice of the Cabinet or of a Minister acting under the general authority of the Cabinet, except as otherwise provided by this Constitution ;”

Adakah Kabinet akan menasihatkan Yang di-Pertuan Agong sama hendak objek dan kembalikan Rang Undang-undang kepada Parlimen tentulah Kabinet tidak akan nasihatkan oleh kerana Kabinet yang initiate Rang Undang-undang ini dan tentulah kalau Kabinet nasihatkan

peruntukan ini nonsense, tidak ada makna atau adakah lagi satu badan yang tersendiri yang akan menasihatkan Yang di-Pertuan Agong, yang akan membantu Yang di-Pertuan Agong untuk mengkaji sama ada patut perkenankan atau patut kembalikan kepada dua Dewan untuk dipertimbangkan semula. Dan kalau ada badan yang baru untuk menasihatkan yang asing daripada Kabinet, apakah badan itu, siapa lantik ahli-ahli, badan itu, apa kedudukan Constitutionalnya badan itu? Dan saya rasa inilah yang menunjukkan kalau kita mahu memberi satu kuasa yang baru kepada Yang di-Pertuan Agong untuk ambil bahagian dalam proses perundangan nyatalah Kerajaan tidak kaji dengan teliti implikasi-implikasi peruntukan ini. Bagaimanakah Yang di-Pertuan Agong boleh menggunakan kuasa ini dan apa tanggungjawabnya dan sebab itulah oleh kerana pindaan di hadapan kita kepada Article 66 yang ada dalam Seksyen 2 Rang Undang-undang di hadapan kita, saya rasa tidak boleh disokong atas dua sebab.

Pertama oleh kerana daripada segi Perlembagaan satu soal tanda tanya sama ada constitutional oleh kerana kalau Akta 1983 tidak constitutional oleh kerana tidak mematuhi Article 38 (4) dalam Constitution, pindaan ini pun dengan sendirinya tidak constitutional.

Dan kedua bahawa peruntukan ini dibuat (conceive) atau digubal tanpa dengan seluruhnya dan bercanggah dengan prinsip kedaulatan, prinsip keagungan Parlimen bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak ada “will of his own” dalam proses perundangan selain daripada turunkan Royal Assent. Dan kedua oleh kerana kalau ada peruntukan tentulah bercanggah dengan prinsip kedaulatan Parlimen. Kita semua sedar bahawa dalam Perlembagaan Federal ada

peruntukan-peruntukan yang tidak boleh dipinda dengan majoriti 2/3 sahaja ada peruntukan-peruntukan dalam perlembagaan yang perlu bukan sahaja sokongan atau undi 2/3 tetapi persetujuan Majlis Raja-Raja, tetapi ini tidak detract atau derogate daripada prinsip keagungan Parlimen oleh kerana ini dibuat dengan keputusan oleh Parlimen sendiri dan tidak ada mana-mana dalam Perlembagaan ada memberikan peruntukan di mana Yang di-Pertuan Agong ada kuasa untuk override Parlimen sungguhpun untuk satu masa, satu tempoh sahaja. Dan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, parti saya tidak boleh memberi sokongan kepada pindaan ini oleh kerana sungguhpun kita sangat gembira bahawa lagi dua pindaan sudah ditarikbalik—itu kita boleh sokong tetapi kepada Perkara 66 (5) oleh kerana sebab-sebab constitutional, oleh sebab-sebab prinsip cawangan Parlimen bahawa itulah tidak boleh diterima.

Saya tahu bahawa oleh kerana pendirian kita dalam Rang Undang-undang Perlembagaan Tahun 1983 kita ada didakwa, dituduh bahawa kita berpura-pura menjadi “royalist” dan sekarang nampaknya oleh kerana pendirian atas Rang Undang-undang Perlembagaan 1984 mungkin kita akan didakwa sebagai “anti-royalist”. Tetapi kita sudah biasalah kepada label-label confused yang keluar daripada front bench Kerajaan Barisan Nasional. Tetapi saya percaya bahawa rakyat dan sejarah akan faham bahawa atas kepentingan memupuk satu tradisi Kerajaan Berperlembagaan dan untuk tujuan prinsip demokrasi dan bukan untuk memihak apa-apa golongan-golongan atau apa-apa puak kita ambil pendirian ini.

Saya tahu ada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, Parti-parti Komponen dalam Barisan Nasional,

termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, daripada GERAKAN, ada sana sini mengatakan bahawa mungkinlah dalam tahun ini saya akan dianugerahkan dengan “Datukship” oleh beberapa Sultan oleh kerana pendirian kita (*Ketawa*) dalam Rang Undang-undang Perlembagaan 1983. Dan mengikut logic mereka oleh kerana pendirian hari ini mungkinlah kita akan hilang Datukship-datukship yang akan nampaknya on the way (*Ketawa*), tetapi sebagai (*Disampuk*).

Tuan Yang Dipertua: Saya minta bertenang, jangan bercakap (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi sebagai Ahli Parlimen yang bertanggungjawab, saya rasalah kita perlu mengambil pendirian sebagai custodian perlembagaan dan prinsip dan sistem demokrasi berparlimen. Dan kita sanggup berdiri dan mengatakan apa perbuatan yang tidak berperlembagaan, apa yang tidak mengikut dan tidak demi kepentingan prinsip keagungan Parlimen baik pun dalam Rang Undang-undang 1983 atau Rang Undang-undang 1984.

Dan saya rasa peruntukan ini menunjuk satu komen yang ada dibuat oleh seorang pakar mengenai Perlembagaan Malaysia sangat tepat dan dengan izin satu ayat sahaja, satu komen mengenai “Changes on Malaysian Constitution”:

That a predominant characteristic of the process of constitutional change (in the last two decades in Malaysia) is the lack of notice given for mature deliberations for constitutional change.”

Satu ulasan yang dibuat oleh H. P. Lee, dalam kajian proses perubahan perlembagaan di Malaysia dalam buku “The Constitution of Malaysia: Its

Development: 1937-1957, yang ada dico-edited oleh Y.B. Tun Mohamed Suffian dan F.A. Trindade.

Tuan Yang Dipertua, inilah menitikberatkan perlunya masa sudah sampai mengadakan satu kajian yang menyeluruh untuk mengkajikan Perlembagaan Malaysia kita selepas 27 tahun mengadakan Perlembagaan kita dan mengadakan berbagai pindaan-pindaan yang banyaknya tidak dapat notis yang cukup untuk dapat kajian dan perbahasan. Saya sangat gembira bahawa Perdana Menteri yang pertama Tunku Abdul Rahman pun ada setuju, bahawa masa sudah sampai untuk satu review dibuat terhadap Perlembagaan Malaysia dan saya harap bahawa Kerajaan boleh setuju mengadakan satu kajian yang memastikan bahawa kemahuan rakyat dan distinct daripada kemahuan pimpinan UMNO. Saya pun harap bahawa pemimpin-pemimpin Barisan Nasional tidak akan buat score dengan izin cheap political points yang memutarbelit isu-isu di hadapan kita. Oleh kerana baru-baru ini kita pun ada dapati bahawa pemimpin-pemimpin Barisan Nasional mengatakan bahawa ketiga-tiga pindaan Perlembagaan 1983 perlu dibuat untuk kembalikan kuasa rakyat daripada Raja-Raja. Dan kalau begitu tentulah mereka yang menyokong ketiga-tiga pindaan dalam tahun 1983 patut hari ini membantah, mahu tarik balik dua daripada tiga itu dan pinda lagi satu yang menjejaskan prinsip keagungan Parlimen. Dan sebenarnya kalau kita mahu score political points, DAP boleh kata bahawa pendirian DAP ditunjukkan benar kita tentang tiga pindaan, dua sekarang tarik balik, satu dipinda drastically dan DAP scored 2½ points (*Ketawa*) tetapi kita tidak mahu buat itu cheap political points.

Tuan Alias bin Md. Ali (*Bangun*).

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat, ada Ahli yang berdiri—dari Ulu Terengganu—minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Oh yes! Boleh!

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya ingin tahu sama ada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sedar bahawa oleh kerana parti DAP menentang pindaan Perlembagaan dahulu maka parti itu kalah dalam semua 11 kerusi yang dipertandingkan di Sarawak (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Kita tidak bertanding dalam 11 kerusi. Sebab itulah lebih baik pergi dapat satu kos civik sebelum mahu interrupt. Mengenai sebab DAP kalah dalam Sarawak itu lain perkara. Kalau mahu saya boleh memberi sebab-sebab (*Ketawa*), oleh kerana politik kewangan, politik ugut, politik kotor dan lain-lain sebab. Tetapi itu lain perkara. Tetapi sungguhpun kita kalah di Sarawak, kita tidak akan lari, kita akan balik kepada ke Sarawak, mahu menang di masa hadapan (*Tepuk*).

Tuan Yang Dipertua, inilah saya balik perkara ketiga Artikel 150 di mana pindaan tahun 1983 akan ditarik balik. Dan kembali kepada kedudukan pre-1983 tetapi saya rasa ini tidak cukup. Oleh kerana kuasa darurat di bawah Artikel 150 sudah disalahgunakan kuasa di negara kita sehingga kita ada satu keadaan darurat permanent dan di mana perubahan yang berotoritarian ada dibuat. Sungguhpun kita dalam DAP beberapa kali dalam ini ada bertanya dan sampai sekarang tidak seorang pemimpin, tidak seorang Perdana Menteri, saya ada tanya tiga orang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan tiada seorang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh menjawab kenapa negara kita perlu ada empat perisytiharan darurat dan sekarang kita ada semua rakyat hidup di bawah empat perisytiharan darurat.

Perisytiharan Darurat 3hb September, 1964 yang akibat daripada Konfrontasi Indonesia. Kedua, Perisytiharan Darurat bertarikh 14hb September, 1966 yang terhad kepada Sarawak oleh kerana mahu menggulingkan Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri SNAP di Sarawak. Ketiga, Perisytiharan Darurat yang bertarikh 15hb Mei, 1969 yang akibat daripada Peristiwa 13hb Mei, 1969 dan keempat Perisytiharan Darurat bertarikh 8hb November, 1977 oleh kerana mahu menggulingkan Kerajaan PAS di Kelantan.

Dan semua keempat-empat keadaan sudah luput, tidak ada lagi sama ada betul atau tidak betul, benar atau tidak benar itu lain hal, kenapa kita mahu terus mengadakan di bawah 4 perisytiharan darurat. Satu kajian antarabangsa yang dibuat oleh International Commission of Jurist mengenai dengan state of emergency kepada 15 buah negara termasuk Malaysia. Dan mengenai kesan keadaan darurat kepada hak-hak asasi ada menunjukkan bahawa sangat perlu ada safeguard terhadap salahguna kuasa Kuasa-kuasa Darurat.

Peruntukan dalam Perlembagaan Merdeka tahun 1957 mengenai Perkara 150 ada beberapa safeguard tetapi sangat malangnya semua safeguard dalam 27 tahun itu sudah dibuang—sudah dibatalkan sehingga Eksekutif mempunyai kuasa yang sangat maha besar di mana boleh melakukan salahguna kuasa yang sangat besar. Dalam Perkara 150 Perlembagaan Merdeka tahun 1957 ada berbunyi, dengan izin, Tuan Yang Dipertua:

“150 (3) A Proclamation of Emergency and any ordinance promulgated under Clause (2) shall be laid before both Houses of

Parliament and, if not sooner revoked, shall cease to be in force

- (a) a Proclamation at the expiration of a period of two months beginning with the date on which it was issued;
- (b) an Ordinance at the expiration of a period of fifteen days beginning with the date on which both Houses are first sitting, unless, before the expiration of that period, it has been approved by a resolution of each House of Parliament.”

Tetapi, peruntukan yang memberikan life span, nyawa 2 bulan sahaja kepada satu Perisytiharan Darurat kecuali ada dibaharui oleh Parlimen, ada dibatal atau ada dipindahkan sehingga sekarang satu Perisytiharan Darurat boleh dibuat sehingga eternity, Tuan Yang Dipertua.

Pada tahun 1979 saya ada mengemukakan satu usul untuk membatalkan keempat-empat Perisytiharan Darurat tetapi Kerajaan telah menolak usul itu tanpa sebab, sampai sekarang apa sebab kenapa kita perlu keempat-empat Perisytiharan Darurat.

Dan pada bulan Januari 1979, Perlembagaan ada dipinda di mana Perisytiharan Darurat tidak boleh dicabar dalam Mahkamah sungguhpun ada dibuat *mala fide*, sungguhpun keadaan di mana perisytiharan itu diisytihar tidak ada lagi.

Dan pada bulan Mei 1981, Perlembagaan ada lagi dipinda di mana memberikan lebih kuasa kepada Eksekutif di mana dahulu kalau Kerajaan mahu boleh isytiharkan darurat kalau satisfied that a grave emergency exists whereby the security or economic life of the Federation or any part thereof is threatened ” Sekarang Kerajaan boleh mengisytiharkan darurat sebelum, dengan izin, the actual occurrence of the event which threatens the security or the economic life or public order of the Federation or any part thereof, if the Government is satisfied that there is eminent danger of the occurrence of such events. Ini menunjukkan bahawa usurpation kuasa Eksekutif terhadap semua safeguard oleh Kehakiman, oleh Parlimen terhadap salahguna Kuasa-kuasa Darurat, semua sudah habis.

Saya rasa satu kajian kepada Perlembagaan perlu termasuk terlibat satu kajian penggunaan Kuasa-kuasa Darurat khasnya di bawah Perkara 150 dan mengadakan safeguard yang tertentu untuk menentukan tidak ada salahguna kuasa, Kuasa-kuasa Darurat. Di sini saya rasa sangat mustahak bahawa kita mengambil perhatian cadangan-cadangan International Commission of Jurists ada buat dalam perkara ini khasnya yang pertama bahawa kesan keadaan darurat terhadap hak-hak rakyat dan kuasa-kuasa beberapa cabang Kerajaan perlu dijelaskan dan di sini laporan International Commission of Jurists contoh Malaysia ada diberi di mana di bawah kuasa-kuasa darurat bahawa pindaan boleh dibuat kepada Perlembagaan selain daripada yang bersabit dengan agama, kerakyatan dan bahasa ada dibuat sebagai satu contoh di mana Perlembagaan ini sangat tidak sesuai untuk menjaga hak-hak rakyat.

Kedua, di mana perlu safeguard di mana Perlembagaan menjelaskan situasi-situasi di mana darurat-darurat

kuasa-kuasa luar biasa boleh digunakan oleh kerana berbagai jenis keadaan darurat perlu didistinguish, satu krisis ekonomik sebagai contoh tidak perlulah kuasa darurat sebagai satu huru hara civil atau satu keadaan yang menghadapi peperangan dengan musuh luar negeri tidak perlu kuasa untuk menghadapi kekacauan tempatan oleh kerana dalam satu kekacauan di dalam negeri tidak ada seorang musuh yang mahu memusnahkan tetapi mahu kembalikan ketenteraman sahaja, dan perlulah distinguish perjenisian darurat.

Ketiga, bahawa prosedur untuk mengisytiharkan darurat juga perlu dijelaskan dan memberi kuasa dan tanggungjawab utama kepada Dewan Perundangan oleh kerana ada tendency menggunakan keadaan darurat untuk tujuan politik terhadap sebahagian rakyat untuk mengenakan dasar-dasar yang tidak dapat menikmati sokongan rakyat sebab itu perlu mendapat consensus yang luas sebelum satu keadaan darurat diteruskan.

Keempat, bahawa tempoh darurat juga patut dijelaskan oleh kerana tidak boleh memberi ruang di mana keadaan darurat diteruskan sungguhpun keadaan biasa sudah dipulihkan dan patutlah ada kajian dari satu masa ke satu masa oleh Dewan Perundangan setiap 6 bulan sama ada darurat diteruskan.

Kelima, bahawa Kehakiman terus mengadakan kuasa, adakan kebebasan untuk mencegah salahguna Kuasa-kuasa Darurat.

Tuan Yang Dipertua, saya nampak bahawa ada lagi satu pindaan ialah kepada Schedule Lapan mengenai tadi

ada dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah bahawa memansuhkan Seksyen 4 (2) dalam Jadual Kelapan, memberi flexibility kepada badan Perundangan Negeri untuk menentukan melalui undang-undang bilangan ahli-ahli yang dipilih bagi Dewan-dewan Undangan sebagaimana yang sesuai dengan negeri itu dengan tidak memerlukan bilangan itu merupakan gandaan bilangan bahagian pilihanraya Persekutuan dan negeri itu dibahagi-bahagikan.

Nampaknya ini timbul daripada tindakan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang sudah meluluskan tambahan kerusi negeri tetapi masa itu tidak tentu sama ada tambahan kerusi Parlimen boleh diikuti kerana krisis Perlembagaan tetapi saya mahu bertanya daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebelum pindaan ini dikemukakan dalam Dewan ini sama ada beliau ada consult dengan Kerajaan-kerajaan Negeri oleh kerana saya rasa sebagai satu prinsip sebelum satu-satu pindaan dibuat yang ada melibatkan bersabit dengan kuasa-kuasa atau bidangkuasa-bidangkuasa negeri sepatutnya satu consultation diadakan dengan State Authority concerned.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, sebelum saya tamat, saya mahu di sini melahirkan concern parti saya mengenai cara pimpinan UMNO untuk mengendalikan krisis Perlembagaan di mana ada menggunakan cara extra-constitutional dan pun cara yang haram termasuk rapat umum dan saya rasa ini sangat tidak sihat. Hari ini kita baca bahawa ada teguran-teguran seorang Menteri bahawa ada usaha-usaha yang mahu menggulingkan Kerajaan, mahu menggulingkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada pengkritik-pengkritik. Saya

rasa nampaknya dalam satu suasana witch-hunt, saya harap tidak akan menimbulkan satu McCarthy era.

Kita dalam DAP akan memberi sokongan sepenuhnya terhadap semua usaha Kerajaan yang akan menegakkan prinsip keagungan Parlimen dan Kerajaan berparlimen, tetapi kita tidak boleh sokong apa-apa tindakan yang tidak sah dan sebab itulah sekarang kita pun berasa khuatir mengenai beberapa tindakan yang ada diambil yang menafikan hak-hak Constitutional rakyat bukan melalui pindaan kepada Perlembagaan tetapi pun melalui tindakan secara pentadbiran dan sebab itu kita perlu sangat berwaspada bahawa hak-hak rakyat, hak-hak Constitutional tidak dinafikan melalui tindakan-tindakan Kerajaan. Dan kalau Kerajaan sebenarnya mahu Kerajaan berparlimen menunjukkan satu tauladan yang efficient dan competent. Satu contoh yang boleh dibuat ialah mengadakan satu pindaan kepada Perkara 66 (5) yang memperuntukkan bahawa selepas satu Rang Undang-undang disembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong, Baginda harus memperkenankan dalam tempoh 15 hari untuk menunjukkan satu Kerajaan yang cekap dan efficient tetapi kalau mahu buat begitu, Kerajaan sendiri pun mahulah efficient dan cekap nampaknya kita pun tidak boleh dapat Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1984 ini dengan cukup masa untuk bincang, untuk kaji—mana ada efficiency, mana ada kecekapan dan kita mengalu-alukan bahawa tidak ada satu keadaan di mana rakyat Malaysia boleh ada satu sikap lebih menyoalkan peranan Raja berperlembagaan tetapi oleh kerana kita mahu Raja berperlembagaan bertindak sebagai bertanggungjawab, sebagai simbol perpaduan nasional, simbol negara kita dan tidak mahu berlaku salahguna kuasa atau pecah amanah oleh mereka tetapi lagi pun ini

patut diadakan di semua peringkat termasuk semua pemimpin-pemimpin yang ada jawatan politik, ada amanah awam termasuk Kerajaan, bagaimana Kerajaan boleh kata mahu buat begitu kalau Kerajaan masih enggan mengadakan satu Suruhanjaya Diraja untuk siasat skandal \$2,500 billion Bumiputra Malaysia Finance. Sebab itu mahu pimpinan tauladan seluruhnya dari semua peringkat.

DAP dahulu ada menentang peraturan-peraturan Essential (Security Cases) Regulations, 1975 oleh kerana tidak berperlembagaan, tidak sah dan selepas itu pendirian kita ada diupheld oleh Privy Council dalam kes Teh Cheng Poh vs Public Prosecutor di tahun 1979. Sekarang kita ada berpendapat bahawa Akta 1983 khasnya mengenai Perkara 66 tidak sah (unconstitutional) dan kalau begitu Rang Undang-undang di hadapan kita sekarang pun tidak sah (unconstitutional), sama ada pendirian kita itu valid atau tidak, mungkinlah masa akan menentukan satu hari nanti, mungkin mahkamah akan buat keputusan tetapi saya rasa keengganan Kerajaan sendiri pergi ke Mahkamah Federal untuk menjelaskan semua keraguan itu, itu satu tanda yang tidak sihat. Kenapa Kerajaan tidak mahu sendiri pergi ke Federal Court untuk clear dengan finality perkara ini.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.25 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang Dipertua, sidang kita kali ini ibarat perhimpunan keluarga untuk menyambut menantu yang kahwin secara paksa. Kahwin dahulu, baru tanya khabar keluarga, ijab kabul dahulu, baharu cari ibubapa. Biasanya kita bermesyuarat dahulu, lepas itu

baru sain, tetapi sekarang ini sain dahulu, baru kita bermesyuarat. Perkahwinan begini biasanya kalaupun boleh diterima pada dasarnya tetapi untuk mendapatkan kasih mesra dan layanan baik sebelah menyebelah, usahlah diharap sangat. Kalau ditanya kenapa begini jadinya dan kenapa orang-orang dari peringkat atas juga berfikiran seperti orang kampung yang tidak banyak pelajaran, songsang dalam perjalanannya, jawabnya dengan mudah ialah kerana wujudnya sistem dua Raja yang sedang diamalkan sekarang ini di negara kita.

Kalau dahulu dalam kira-kira setahun lepas negara kita sibuk dengan sistem dua iman yang menyebabkan Kerajaan kita sibuk mempergunakan segala dakyah dan mass medianya untuk memburuk-burukkan apa yang dikatanya berpunca dari sebuah parti Pembangkang iaitu PAS maka sekarang ini setelah dikaji siasat agaknya Kerajaan dapati sistem ini baik untuk diamalkannya juga. Dan bila berlaku perpecahan di seluruh negara sekarang ini, maka Kerajaan hanya tengok kuman di seberang laut sahaja, gajah di depan mata dipejamkan sahaja.

Teringat saya kepada panduan yang diberi oleh Rasulullah s.a.w. sebagai orang tua dunia mengajar dan membimbing umat dan anak buahnya supaya jangan bermulut celupar bila kawan temannya ditimpa kesusahan kerana nanti Allah akan mengangkat bala itu dari kawan yang berkenaan lalu ditimpanya pula ke atas orang yang celupar itu.

Saya berkata begitu, Tuan Yang Dipertua, kerana di negeri kita sekarang ada dua Raja; satu Raja yang ditabal sejak zaman berzaman, yang satu lagi Raja yang tidak ditabal dan sedang mengidam hendak menjadi

Raja Muda. Tindak tanduk ini jelas telah menimbulkan perpecahan menyeluruh bukan sahaja di Kampung Gong Pasir, Besut semasa dua imam berlaku di sana setahun dua lepas, tetapi berlaku di seluruh negara. Perpecahan ini bermula dari surat siberan dari tokoh UMNO sendiri, dari peringkat veteran disusuli dengan kenyataan-kenyataan bertulis oleh bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama sebagai arkitek dalam kemerdekaan negara, serta surat-surat layang yang bertandatangani dan tidak bertandatangani. Akhir sekali bila keadaan menjadi kelam-kabut dan pihak Kerajaan rasa panas pedih, maka rapat-rapat umum ala Iran telah dibuat merata-rata tempat.

Saya kata rapat umum ala Iran kerana sebelum ini tidak pernah kelihatan pemimpin-pemimpin bahkan seluruh Perdana Menteri Malaysia menonjolkan gambar-gambar pemimpin mereka secara besar-besaran kecuai gambar Perdana Menteri yang sekarang, betul-betul sepertimana yang kita lihat dalam suratkhbar-suratkhbar gambar-gambar pemimpin Iran, imam Khomeni telah ditonjolkan semasa adanya rapat-rapat umum di sana. Saya berdoa supaya banyak lagi peniruan-peniruan ini daripada Iran supaya Kerajaan tidak payah lagi menuduh PAS meniru Iran bila ada di antara rakyat di negeri ini yang dijemput menghadiri majlis-majlis perayaan mereka atau seminar-seminar ilmiah di sana. Cerita-cerita PAS telah jadi syiah, PAS telah radikal, PAS hendak guling Raja, alhamdulillah, nampaknya hilang begitu sahaja, Tuan Yang Dipertua. Bukan sahaja kerana ditelan oleh taufan kencang yang sedang melanda negara kita sekarang tetapi kerana suasana yang ada ini begitu jauh ke hadapan melebihi radikal dan agresif yang ada, lebih-lebih lagi barang palsu biasanya mudah terbuang di dunia ini

bila sahaja hakikat dan kebenaran terserlah nyata.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat).

Kuntum mawar yang digubah dari kertas walaupun cantik, indah rupawan tetapi kertas itu kertas jugalah, takkan dapat memberi bau yang harum, kata ahli-ahli syair.

Tuan Yang Dipertua, tadi saya kata cara pemikiran orang atasan negara kita sekarang ini semacam cara orang kampung yang tidak banyak pelajaran kerana sebelum daripada berlakunya upacara menandatangani Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1983 ini, kalau-kalau ada upacara, telah berlaku kata mengata, ugut mengugut. Kita dengar kata-kata bahawa persetujuan-persetujuan tandatangan ini telah dilakukan tanpa persetujuan Majlis Raja-raja.

Kita dengar juga bahawa UMNO telah dijadikan alat untuk melagakan orang Melayu dengan Raja-Raja Melayu. Dan yang paling parah sekali ialah mengugat hendak mendedah petualang kalau tidak diberi ibujari persetujuan. Hal ini lebih kurang dengan cerita orang kampung sebelum berlakunya sesuatu pilihanraya ugut-mengugut, tekan menekan telah menjadi amalan biasa kita untuk mendapat persetujuan bagi mengundi kepada parti tertentu. Teringat semula kita kepada ugutan yang dibuat oleh Firaun satu masa dahulu ke atas rakyatnya yang menyokong Nabi Musa a.s., pada hal sebelum itu satu pertandingan terbuka atau katekanlah satu pilihanraya terbuka telah dibuat di antaranya dengan Nabi Musa a.s. yang mengikut lojik rakyat hendaklah bebas memilih. Dalam Al-Quran banyak ayat-ayat yang membawa cerita demokrasi olok-olok ala Firaun ini. Tidak jauh mana bezanya di antara zaman kita sekarang yang terkenal tamaddun bersih, cekap, amanah dan dengan zaman

pemerintahan Firaun yang terkenal dengan kejam sampai hendak menjadi Tuhan.

Tuan Yang Dipertua, cerita Raja berperlembagaan di negara kita ini memang sudah lama, sama lama dengan cerita kemerdekaan negara. Semua Perdana-perdana Menteri yang telah lalu menerimanya dengan baik dan hormat mengikut cara Melayu menghormati orang tua dan membesarkan Raja, sampai tertulis dalam Perlembagaan bahawa Raja tidak boleh disentuh. Saya pun tidak tahu apakah bala menimpa, maka orang yang tidak boleh disentuh itu rupa-rupanya tidak apa kalau dilanggar. Sentuh tidak boleh tetapi langgar dan landa tidak apa pula. Kuatnya langgaran ini, sehingga membuat Raja-raja Melayu yang tidak pernah bercakap mengenai politik terpaksa membuka mulut.

Ada yang berkata bahawa penerangan yang diberi sekarang adalah berat sebelah. Ada yang menyebut bahawa kalau kami bersalah tolonglah beri tahu awal-awal supaya kami sama sendiri boleh bertindak, tidak payah anak cucu masuk campur kerana ayah dan ibu masih boleh berunding. Kalaulah ayah atau ibu yang bersalah maka belum tentu tindakan anak-anak mencampuri urusan ayah bonda ini betul. Boleh jadi benda lain pula yang terjadi, maka masalah semakin kusut dan problem tidak habis-habis bahkan semakin bertambah. Tindakan-tindakan menurunkan Bendera Malaysia di peringkat negeri, tindakan membuat ucapan penentangan dalam Masjid Negeri, tindakan membuat pengesahan di masjid lama walaupun telah uzur di samping wujudnya masjid baru yang besar tersergam, di samping berterusannya surat-surat layang dan lain-lain menandakan ada sesuatu yang pasti tidak betul. Ada sesuatu yang landas dan tercabut terus. Sebab itu bila ada tuduhan yang

dibuat oleh seorang pemimpin kita bahawa PAS ini ibarat talam bermuka dua maka saya bersyukur kepada Allah banyak-banyak kerana parti yang mempunyai dua muka lebih baik daripada parti yang tidak ada muka langsung (*Ketawa*). Parti yang dua muka boleh mempergunakan muka belakangnya untuk menengok-nengok dan meninjau-ninjau perjuangan para ambia dan Rasul kerana mereka itulah sahaja pemimpin dunia yang sah dan bertaulah manakala pemimpin jenis lain adalah plagiat belaka. Manakala muka depannya boleh digunakan untuk menentukan arah yang dituju di samping menengok-nengok kalau kalau ada musuh yang datang. Parti yang tidak ada muka biasanya merempuh dan melanda, usahkan hendak mengenali, halal haram mengikut yang ditetapkan oleh Allah, adat pusaka dan nilai-nilai kehormatan Melayu yang mereka sendiri agung-agung pun dilandanya sama bergegar. Kalau mereka yang membuat rapat umum maka pegawai-pegawai pejabat pun diberi cuti awal-awal untuk menghadirinya beramai-ramai. Tetapi kalau seorang Sultan berangkat ke lapangan terbang untuk menghadiri Majlis Persidang Raja-raja maka jalan raya-jalan raya di Kelantan dikenakan sekatan-sekatan road-block. Sultan pula semacam di pihak tertuduh dan menghasut, manakala Raja Muda adalah di pihak yang bersih dan maha amanah. Walaupun zaman ini kita telah dikerah memandang ke Jepun, tidaklah pula saya meminta pihak yang melanggar ini menjalani upacara "hara-kiri" di pergunungan suci Fuji seperti mana adat orang-orang Jepun yang telah pun bersalah.

Cuma yang seeloknya mengikut cara bahasa orang Melayu, yang mempunyai kebudayaan yang bernilai tinggi khabarnya, saya minta supaya diadakan majlis pengadapan meminta maaf di atas mana-mana yang terkasar

dan terlanjur terhadap orang tua kita supaya luka dan parutnya akan sembuh belaka. Orang tua mesti dihormati kalau tidak, pandailah Allah Taala mengerah anak buah kita sendiri melanyak kita balik. Ini pesan Nabi.

Parti Islam se Malaysia (PAS) pada keseluruhannya telah menyatakan sikapnya supaya merubahkan struktur Perlembagaan Malaysia yang masih sekular sekarang supaya berasaskan Islam yang berlandaskan Quran dan Hadis kerana Islam bukan satu teori tetapi Islam adalah agama. Teori boleh diterima atau ditolak tetapi agama bukan boleh begitu. Dia pasti diterima kerana dia kepunyaan Allah dan Allah Tuhan bagi semua bangsa, semua bahasa dan semua kebudayaan, bukan untuk Arab, atau untuk Melayu sahaja.

Selagi Perlembagaan Malaysia tidak mengiktiraf keunggulan Quran dan Hadis dan memberi kepercayaan kepadanya, maka selama itulah Perlembagaan Malaysia pasti bersifat anti Islam. Segala projek yang bercorak Islam di negeri ini pada hakikatnya tidak lebih dari meniru projek yang dilancarkan oleh Abu Amir Ar-Rahib di zaman Rasulullah s.a.w. dahulu dengan pembinaan sebuah masjid dan dijelaskan oleh Allah sendiri dengan bertujuan diraran, kufran, tafrikan, wairaaan. Iaitu untuk menimbulkan mudarat, untuk kufur, untuk memecah belahkan sesama mukmin dan untuk dijadikan pusat mengintip bagi orang-orang yang ingin memerangi Allah dan Rasul.

Orang yang baru-baru ini memuji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia sebagai jaguh atau wira Islam seluruh dunia, orang itulah dalam lawatannya mengunjungi kami di satu masa telah mensifatkan pandangan pemimpin Malaysia mengenai Islam sebagai terlalu cetek.

Saya paksa lidah saya menyebut perkara ini walaupun pahit supaya tidak ada di antara kita yang mati di darat kerana lemas kena puji. Kami telah menyatakan sikap kami semasa pindaan dahulu dan dalam pindaan inipun keadaannya tidak ternampak beza yang jelas kerana, satu: perubahan dari 15 hari menjadi 30 hari itu kira-kiranya lebih kurang dengan cerita berubahnya berhala besar Pulau Pinang dari setinggi 184 kaki menjadi 151 kaki. Berhala itu berhala juga, yang kecil sebesar jari pun berhala. Yang kecil sebesar jari pun syirik dan besar sebesar bangunan Dayabumi pun syirik, sama-sama dimurkai oleh Allah. Dadah tidak mesti banyak, sedikit pun dadah, cuma dalam menyentuh soal Rang Undang-undang Kewangan, maka pindaan tempoh masa ini bolehlah saya terima.

Dalam soal Rang Undang-undang lain selain daripada kewangan maka atas butir perkataan yang lebih kurang begini:

“Maka Rang Undang-undang itu hendaklah menjadi undang-undang selepas tamatnya tempoh tersebut seolah-olah Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankannya.”

Perkataan dan ayat seperti ini adalah terlalu janggal dan jijik untuk digunakan oleh seorang kawan terhadap sesama kawannya sendiri. Apa lagi di antara anak dan orang tua atau di antara rakyat dengan Raja. Kata-kata seperti ini hanya layak digunakannya untuk pasukan yang menang perang terhadap musuhnya yang kalah perang dengan tujuan menghina dan membunuh careernya.

Perkataan ini menampakkan wujudnya dendam kesumat dan cemburu di salah satu pihak terhadap pihak yang satu lagi. Bila pembunuhan career Raja-raja Melayu ini berlaku maka perkara yang selama ini berteduh di bawah payungan Raja-raja juga iaitu Islam pasti akan turut

mengalami nasib yang sama—dipohon dilindungi. Orang Melayu dengan sejarahnya yang bersopan santun dan berbudi bahasa, dengan agamanya yang suci murni selama ini tidak hanya mengangkat tabik kepada Rajanya tetapi terus membongkok dan mencium tangan. Terlalu jauh bezanya di antara mengangkat tabik seperti yang biasa diguna oleh orang-orang Eropah untuk Presiden mereka dengan mencium tangan Raja-Raja yang menjadi amalan orang Melayu zaman berzaman. Perbezaan ini agak payah dimengerti oleh orang-orang Melayu yang dirasuk oleh fahaman-fahaman atau ideologi kebendaan seperti atheist, socialist dan komunis yang hanya meletakkan nilai hidup di atas siapa yang mempunyai benda, macam komunis Arab jahiliah dahulu meminta Nabi Muhammad s.a.w. supaya lebih dahulu sebelum beriman, mesti dibawa turun Allah dan Malaikat sekalian di berhadapan dengan mereka untuk dijamah, disentuh dan dilihat dengan matanya.

Kedudukan Islam di Malaysia walau apapun tafsirannya memang tidak boleh diharap kepada Perdana Menteri kerana jawatan Perdana Menteri Malaysia adalah terlalu terdedah kepada sesiapa sahaja yang pandai main politik tanpa mengira apa agama, apa fahaman dan apa ideologi. Sejarah Raja-Raja di kepulauan Selatan Philipina dan di negara jiran sudah cukup untuk memberi pelajaran bagaimana nasib Islam di negara itu telah menjadi macam buih sabun di atas tapak tangan anak-anak buah sendiri.

Mengenai Jadual ke-8 yang digugurkan dari pindaan baru-baru ini, ingin saya meminta penjelasan adakah dengan pengguguran itu bererti pihak negeri tidak terikat dengan tempoh 30 hari untuk kelulusan satu-satu Bil, satu Rang

Undang-undang. Kalau terlibat juga berdasarkan kepada Perkara 75, kalau tidak salah yang memerlukan penyelarasan di antara Pusat dan Negeri maka tidak apa faedahnya dari pengguguran itu. Ia hanya menjadi satu permainan politik kerana bila Mahkamah membuat keputusan supaya diselaraskan, diselaraskan juga di antara Negeri dan Pusat maka Kerajaan ketika itu memang boleh berlepas tangan.

Akhirnya, saya tegaskan bahawa memandangkan suasana yang ada ini maka kami tidak berminat untuk menyokong. Sekian, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Padang Serai.

4.40 ptg.

Tuan Tan Kok Hooi (Padang Serai):
Tuan Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang berbahas atas Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan 1984 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak Akta pindaan Perlembagaan 1983 diluluskan di Dewan yang mulia ini pada awal bulan Ogos lalu kemungkinan pandangan berlainan isu ini telah dihangatkan menyebabkan banyak orang menganggapkannya sebagai satu krisis. Akan tetapi bagi saya itu bukan krisis, cuma satu masalah sahaja atau lebih senang diibaratkan sebagai ribut di dalam cawan. Memang rakyat Malaysia sentiasa menghadapi masalah dan biasanya semua masalah itu dapat diselesaikan dengan aman dan damai. Salah satu faktor ialah kita bertolak ansur dan bertenang. Dengan cara inilah keamanan, kemakmuran dan kemajuan Malaysia dapat diteruskan.

Saya harus ambil peluang ini ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita kerana telah jayanya menyelesaikan pindaan Perlembagaan. Di samping itu cita-cita dan hasrat rakyat disanjung dan diutamakan. Ketika menghadapi masalah Perlembagaan baru-baru ini rakyat di seluruh negara telah memberi sokongan yang kuat kepada Kerajaan Barisan Nasional dan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Di sepanjang masa ini rakyat Malaysia telah menunjukkan kematangan fikiran, berdisiplin serta bertanggungjawab. Saya yakin selepas ini semangat perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum itu tetap bertambah kukuh. Kini rakyat Malaysia sudah faham setiap masalah yang tercetus di tanahair ini merupakan masalah kebangsaan dan bukan masalah satu-satu golongan sahaja.

Sejak tercapainya kemerdekaan tanahair mulai hari itu kita telah mengamalkan satu sistem demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan. Sistem yang menentukan rakyat Malaysia hidup bahagia, makmur, maju dan aman damai itu hendaklah dikekalkan selama-lamanya. Tidak ada sebab hendak menukar corak sistem ini dan tidak mungkin menjadikan Malaysia sebuah republik pula.

Walaupun sepanjang masa ini rakyat Malaysia memperjuangkan kedaulatan Perlembagaan, akan tetapi sekiranya ada kecacatan pindaan patut diadakan. Maka dengan inilah saya merayu kepada setiap golongan di negara ini memberi sokongan yang penuh terhadap pindaan Perlembagaan ini dan berdiri teguh di belakang Kerajaan Barisan Nasional

dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita supaya menjamin kemakmuran dan ketenteraman masa depan negara.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Padawan.

4.45 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang Dipertua, saya bangun bagi pihak Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) untuk menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1984 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Adalah sudah menjadi suatu hakikat yang diterima di khalayak ramai bahawa rakyat kita telah memutuskan bahawa negara kita akan menerima cara hidup yang bercorak demokrasi berparlimen dengan Raja yang berperlembagaan. Rakyat kita melalui wakil-wakil yang dipilih oleh mereka di Parlimen adalah mempunyai hak untuk menubuhkan sebuah Kerajaan untuk mentadbirkan negara ini bagi tiap-tiap tempoh selama 5 tahun. Sistem demokrasi berparlimen ini telah pun membawa perpaduan, keharmonian dan kemakmuran kepada rakyat dan negara. Oleh yang demikian, kita hendaklah berusaha dengan lebih giat lagi untuk memelihara serta mengukuhkan lagi sistem ini.

Di dalam sistem demokrasi berparlimen, institusi Parlimen adalah sebuah institusi yang tertinggi oleh kerana ia merupakan cita-cita rakyat kita. Sebuah parti politik atau parti-parti politik yang mempunyai majoriti

akan menubuhkan Kerajaan dan memilih seorang Perdana Menteri yang akan diberi mandat untuk melantik Menteri-menteri untuk menguruskan hal-ehwal Kerajaan. Di dalam sistem demokrasi berparlimen itu seorang Perdana Menteri bukan sahaja mewakili parti-parti politik yang memegang kuasa tetapi rakyat negara ini pada keseluruhannya. Oleh yang demikian, adalah diterima di khalayak ramai bahawa ketua negara berperlembagaan hendaklah menjalankan tugas-tugas menurut nasihat yang diberikan oleh Perdana Menteri.

Negara kita Malaysia mempunyai satu perlembagaan yang bertulis yang menggabungkan inti demokrasi berparlimen tetapi ia tidak begitu komprehensif untuk meliputi semua aspek peristiwa yang akan terjadi. Jika terdapatnya beberapa hal yang kurang jelas atau yang ditinggalkan yang mana boleh menimbulkan perselisihan faham ataupun kekeliruan, adalah difikirkan bijak untuk menjelaskan perkara-perkara itu. Saya fikir tujuan pindaan-pindaan yang dibentangkan pada hari ini ialah ke arah mencapai matlamat tersebut. Pada hemat saya perkara ini tidak akan menghapuskan apa-apa hak yang sedia ada bahkan dia akan memperkukuhkan lagi sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan oleh kita semua.

Pindaan-pindaan kepada pindaan Perlembagaan ialah bukti yang jelas bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah memberi perhatian berat kepada kepentingan semua pihak di dalam negara kita.

Tuan Yang Dipertua, dengan demikian, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

4.50 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1984 seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan yang disokong oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya.

Walaupun negara kita adalah sebuah sistem demokrasi yang muda, namun demikian Perlembagaan telah berjaya menghadapi berbagai-bagai cabaran dalam tempoh 26 tahun yang lepas. Kita semua boleh berasa bangga atas hakikat bahawa Perlembagaan kita telah menunjukkan viability dan keberkesannya. Memang perbahasan yang dilakukan dalam beberapa bulan yang lepas mengenai pindaan-pindaan Perlembagaan dan yang telah membawa kepada persidangan khas Parlimen pada hari ini telah meningkatkan lagi kesedaran rakyat Malaysia ke atas keagungan Perlembagaan. Ianya telah juga menunjukkan bahawa rakyat Malaysia adalah terikat kepada semangat dan unsur-unsur yang terdapat dalam Perlembagaan kita. Apa yang lebih penting ialah hakikat bahawa ianya menunjukkan kedudukan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan negara kita.

Tuan Yang Dipertua, sukaiah saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berjaya menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan pindaan-pindaan kepada Perlembagaan. Kedua-dua pihak Kerajaan dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja telah menunjukkan kebijaksanaan mereka dalam menyelesaikan isu yang penting ini, yang juga telah menjadi tumpuan perhatian semua rakyat. Seperti yang

kita semua sedar perlunya meminda beberapa perkara dalam Perlembagaan ialah untuk menyingkirkan kekaburan mengenai peranan dan kewibawaan dalam institusi-institusi dalam sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan kita.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan bertujuan hendak menjaminkan bahawa institusi-institusi seperti Raja-Raja, Parlimen dan Kerajaan akan terus memainkan peranan-peranan mereka yang wajar dan berkesan di negara kita. Langkah ini adalah perlu agar sebarang salah faham yang mungkin berbangkit akan dapat dielakkan. Hal ini seterusnya akan memastikan bahawa sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan kita akan bertindak secara bekerjasama demi faedah negara dan rakyat serta kemajuan masa depan negara kita.

Parti GERAKAN mengalu-alukan pindaan Perlembagaan yang dicadangkan kerana ianya adalah consistent dengan kepercayaan kami dalam sistem demokrasi berparlimen. Dalam sistem ini Parlimen merupakan Badan Perundangan yang agung memandangkan kepada hakikat bahawa Ahli-ahli Dewan Rakyat dipilih secara popular oleh rakyat untuk mewakili mereka, Rang Undang-undang dan Usul-usul yang diluluskan oleh Parlimen boleh dianggap sebagai membayangkan kehendak-kehendak dan hasrat-hasrat majoriti dari rakyat. Oleh itu adalah penting bahawa sistem demokrasi berparlimen ini diperkukuhkan supaya memperkuatkan kepercayaan kami kepada prinsip bahawa kuasa adalah di tangan rakyat seperti yang ditegaskan berulang kali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Tambahan pula satu sistem demokrasi berparlimen yang berfungsi dengan wajarnya menyediakan

saluran-saluran yang berkesan oleh golongan-golongan yang berlainan dalam masyarakat untuk menyuarakan pandangan-pandangan mereka yang berbeza. Pandangan-pandangan ini apabila ia dipertimbangkan dengan secara serius akan memastikan penyertaan yang penuh untuk semua dalam proses membuat dasar dalam sebuah negara. Ini adalah penting, lebih-lebih lagi dalam sebuah masyarakat yang berbilang kaum seperti Malaysia di mana wujudnya saluran-saluran demokrasi seperti ini akan mengekalkan keharmonian dan keamanan dalam negara ini. Oleh itu, sebagai sebuah parti yang berbilang kaum, Parti GERAKAN menyokong sistem demokrasi berparlimen sebagai sistem politik yang sesuai sekali untuk negara kita.

Kita boleh merasa bangga bahawa kalau berbanding dengan negara-negara lain, Malaysia adalah salah satu daripada beberapa negara di Asia yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dengan berkesannya. Kita haruslah menghargai tradisi yang baik ini. Parti GERAKAN akan bekerjasama dengan rapatnya dengan parti-parti komponen yang lain dalam Barisan Nasional serta golongan-golongan demokratik yang lain untuk memajukan lagi sistem demokrasi di negara kita.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Kanowit.

4.58 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1984 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, dalam beberapa bulan pada akhir tahun lalu soal Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan dengan tiba-tiba menjadi bahan perbincangan yang meluas dan sedikit sebanyak menguji kewibawaan institusi-institusi Raja-Raja Berperlembagaan dan Parlimen yang mewakili rakyat.

Saripati dari Rang Undang-undang (Pindaan) tersebut antara lain menyentuh perkara-perkara kuasa para Timbalan Menteri, tambahan kerusi Dewan Rakyat, pemansuhan rayuan-rayuan ke Majlis Privy dan yang menimbulkan perbincangan rancak banyak pihak, ialah mengenai tempoh tandatangan Raja ke atas Bil-bil yang telah diluluskan oleh Parlimen dan kuasa mengisytiharkan sebarang darurat.

Tuan Yang Dipertua, dalam pindaan itu satu perkara pokok dan penting ialah bahawa institusi Raja-raja diberi kedudukan yang jelas sesuai dengan sistem demokrasi negara yang mempunyai Raja Berperlembagaan. Bahawa dalam sistem seperti ini di mana-mana pun Raja diletakkan di tempat yang berdaulat, di samping Parlimen mempunyai kedudukan tertinggi dalam menggubal dan menentukan undang-undang. Parlimen adalah mewakili rakyat jelata.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1983 itu telah mendapat sambutan yang berbelah bagi dari beberapa pihak. Bagaimanapun ini bukanlah pertama kali. Dan sebarang Rang Undang-undang betapa baik sekalipun tetap kedapatan cacatnya dan ianya tertakluk kepada perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan selanjutnya. Demikianlah keadaannya dengan Rang Undang-undang ini sepanjang yang berkaitan dengan Fasal 150, Fasal 66 (5) dan Schedule 8. Perkara ini telah

dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat sebentar tadi dan saya tidak bercadang untuk mengulanginya.

Saya berpendapat perubahan baru ini di samping ianya menentukan kedudukan dari segi prinsip juga akan menjamin bahawa pentadbiran negara terus berjalan dengan licinnya.

Tuan Yang Dipertua, selepas lebih 25 tahun merdeka memanglah wajar jika perkara seumpama ini menjadi perbincangan yang berdisiplin. Perbincangan dan penyelesaian yang dibuat seperti yang tersebut di atas memperlihatkan kewaspadaan semua pihak menuju keadaan yang lebih matang dan jujur sejajar dengan semangat tolak ansur dan saling menghormati yang menjadi warisan unik di mana selama ini ianya menjadi salah satu ciri hidup muhibah di antara kaum dan kini telah dipraktikkan dengan jayanya antara rakyat dan Raja-Raja.

Para pemerhati dari dalam dan luar negeri sekali lagi akan terpuakau atas kejadian yang semacam mendadak itu, tetapi dapat dibereskan mengikut norma kesedaran yang meluas tentang perlunya diperjelaskan beberapa isu dasar yang menyentuh bidang kenegaraan Malaysia yang mengamalkan sistem Raja berperlembagaan.

Pindaan yang kita bahaskan sekarang adalah untuk memperjelaskan kedudukan sebenar yang terkandung dalam Perlembagaan kita. Sekali lagi Kerajaan telah membuktikan keberaniannya demi menjaga kepentingan rakyat kerana tidak ragu-ragu untuk menilai semula sebarang perkara yang diputuskan jika ianya didapati perlu.

Jelas sekali bahawa dalam apa perkara pun Raja-Raja dipersembahkan dan dianggap sebagai

tonggak termulia. Jelas sekali juga bahawa rakyat yang akan dipertanggungjawabkan untuk membina nasib mereka sendiri. Sesungguhnya tiada siapa akan minta diketepikan atau dihapuskan sistem pemerintahan beraja di mana status Raja dianggap sebagai simbol perpaduan dan mitos yang memancarkan berbagai daya inspirasi.

Dalam memelihara kedudukan takhta yang begitu berfaedah kepada negara perlulah pula dijaga keperluan Perlembagaan untuk maju terus di atas landasan demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan yang menjadi warisan rakyat Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, saya bagi pihak saya sendiri dan juga bagi pihak Parti Bansa Dayak Sarawak menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1984.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat Ahli dari Ulu Padas.

5.03 ptg.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh (Ulu Padas): Tuan Yang Dipertua, warganegara Malaysia yang ingin kestabilan politik dan percaya terhadap Demokrasi Parlimen Beraja pasti menyokong pindaan Perlembagaan, 1984 ini.

Dalam jangka masa 20 tahun Sabah merdeka menerusi Malaysia banyak perkembangan dan pembangunan telah tercapai. Rakyat Malaysia di Sabah berpuas hati dengan segala pencapaian dan pembangunan yang tercapai sejak merdeka. Kami telah menerima dengan baik usaha-usaha pembangunan ekonomi, perkembangan politik dan dasar-dasar Kerajaan Pusat yang bertujuan membangun dan membina sebuah negara Malaysia yang berdaulat, aman dan makmur.

Satu kepastian yang nyata ialah rakyat Malaysia di Sabah sudah menerima tanpa dipersoalkan lagi sistem Parlimen Beraja Malaysia. Kami bangga dengan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong sebagai lambang perpaduan, lambang ketahanan rakyat, lambang kedaulatan dan lambang segala kehormatan kami sebagai bangsa yang bermaruah dan merdeka. Rakyat Malaysia di Sabah juga bangga kerana Kerajaan kita adalah Kerajaan suara rakyat. Di Parlimen ini Undang-undang dan Perlembagaan Negara telah digubal untuk menyesuikannya dengan zaman yang silih berganti. Kami di Sabah tetap menyambut baik segala perkembangan yang sihat ini.

Tuan Yang Dipertua, saya merujuk kepada Fasal 4A, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), 1984 bertujuan meminda seksyen 4 Jadual Kelapan kepada Perlembagaan dengan melunaskan subseksyen 2, seksyen itu. Dengan yang demikian, memberi "flexibility" kepada Badan Perundangan Negeri untuk menentukan melalui undang-undang bilangan ahli-ahli yang dipilih bagi Dewan Undangan sebagaimana yang sesuai berkenaan dengan negeri itu dengan tidak memerlukan bilangan merupakan gandaan bilangan Bahagian Pilihanraya Persekutuan atau Parlimen yang Negeri itu dibahagi-bahagikan. Ini sangat sesuai dengan Negeri Sabah. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memperuntukkan 4 Kerusi Parlimen tambahan, ini menjadikan Kerusi Parlimen di Sabah 20 kerusi. Pada masa ini Sabah diperuntukkan 48 Kerusi Dewan Undangan Negeri.

Walau bagaimanapun, saya merayu agar Kerusi Dewan Negara untuk Sabah ditambah daripada 4 kepada 6. Rayuan ini tidak keterlaluan kerana

Sabah semenjak merdeka 20 tahun yang lalu tidak mendapat tambahan Kerusi Senator. Dalam tempoh masa beberapa bulan yang lalu isu pindaan Perlembagaan ini hangat diperbincangkan di Semenanjung, kami rakyat Malaysia di Sabah turut gelisah. Dalam pada itu, kami berdoa mudah-mudahan masalah pindaan Perlembagaan akan selesai. Alhamdulillah, kami telah menerima berita baik pada 15hb Disember, iaitu masalah pindaan Perlembagaan sudah selesai.

Saya bagi pihak sebilangan besar rakyat Malaysia di Sabah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berjaya menyelesaikan masalah pindaan Perlembagaan Malaysia. Inilah satu contoh kematangan pemimpin-pemimpin negara Malaysia. Dengan kematangan ini saya yakin Malaysia akan terus maju dalam segala lapangan.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong pindaan Perlembagaan, 1984 ini. (*Tepuk*)

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat Ahli dari Samarahan.

5.08 ptg.

Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud (Samarahan): Tuan Yang Dipertua, saya ingin bangun menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi.

Kami rakyat di Sarawak seperti Tuan Yang Dipertua lebih maklum tidak mempunyai Raja, walaupun

demikian kami telah pun dalam sejarah 20 tahun yang lepas dapat menyedari bagaimana Negeri Sarawak amnya dan Negara Malaysia telah pun dapat bercahaya kerana masyarakat kita pandai memelihara sistem Raja berperlembagaan. Tiap-tiap kali Yang Dipertua Agong kita melawat Negeri Sarawak, rakyat Sarawak merasa gembira kerana Raja kita telah pun dianggapkan sebagai lambang perpaduan negara dan dianggapkan sebagai lambang kehormatan negara kita, oleh sebab itu tiap-tiap kali kita dapat peluang untuk menerima Yang di-Pertua Agong datang ke Sarawak lebih banyaklah rakyat Sarawak belajar bagaimana hendak menyembah dan belajar adat-adat baru yang lebih halus daripada adat-adat yang kita pelajari daripada masa Colony dahulu. Dengan kesedaran demikian maka tidak adalah boleh dipertanya, dipersoalkan mengenai hormatnya rakyat Sarawak terhadap Raja di dalam Negeri.

Rakyat di Sarawak juga sedar bahawa segala kemajuan, segala perpaduan, segala kestabilan yang mereka nikmati adalah dicapai oleh satu sistem demokrasi yang telah pun berjalan dengan cukup licin. Rakyat Sarawak tidak boleh lupa dengan jasa baik Perdana Menteri Malaysia ataupun Perdana Menteri Tanah Melayu pada masa itu yang mengenangkan nasib rakyat Sarawak masih dijajah sebagai Colony untuk dibawa menjadi sebahagian negara yang lebih besar sebagai negara yang sekarang ini kita sama-sama banggakan.

Perjuangan politik di Semenanjung ini menjadi keuntungan bagi kami di Sarawak. Sistem demokrasi yang memperkuatkan kemahuan rakyat di Semenanjung ini telah pun memberi kekuatan kepada kami rakyat di Sarawak. Oleh sebab itu maka memanglah menjadi satu corak pemikiran politik anak-anak Sarawak

bahawa demokrasi yang kita ada terima sekarang ini patutlah dipelihara, dipertahankan dan kemahuan dan aspirasi rakyat khususnya yang dizahir di Dewan yang mulia ini patutlah akan diterima oleh seluruh negara kita. Oleh sebab itu apakala pindaan kepada Perlembagaan telah pun dicadangkan pada tahun 1983, semua kami daripada negeri Sarawak menyokong dengan sepenuh suara dan dengan jujur kerana mengikut apa yang kami tahu tujuan pindaan itu adalah bukan untuk merosakkan sistem yang sudah ada kita binakan tetapi untuk melicinkan dengan lebih baik lagi. Hanya kita rasa bimbang sedikit bila melihat bahawa tujuan yang murni seperti telah dizahirkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Dewan ini tidak difaham dengan sepenuhnya oleh beberapa golongan. Oleh sebab itu maka ada tanda-tandanya menunjuk seolah-olah Perlembagaan kita mungkin tidak akan berjalan memberi kelicinan kepada sistem demokrasi kita.

Rakyat Sarawak turut sama bimbang jangan-jangan kemahuan rakyat yang dizahir menerusi Dewan ini akan terganggu kerana kekurangan jelasnya Perlembagaan kita khasnya untuk mencapai sesuatu iaitu dengan sokongan penuh daripada Parlimen sendiri. Alhamdulillah segala usaha yang telah dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk membuktikan bahawa tujuan beliau ialah ingin untuk mengelak supaya kemahuan rakyat akan berjalan sejajar dengan sistem demokrasi kita telah pun difahamkan dan saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana telah pun dapat mencapai persefahaman dan tolak ansur dengan Raja-Raja kita di dalam negeri ini dan sekarang kita mempunyai satu pindaan yang menggambarkan tolak ansur itu.

Saya berdoa kepada Allah s.w.t. semoga dengan pindaan yang kita ada sedang timbangkan ini kita akan dapat mencapai satu intepretasi yang lebih jelas lagi yang akan menentukan seterusnya bagaimana sistem demokrasi kita akan berjalan dengan lebih baik lagi dan institusi Raja berperlembagaan kita akan terselamat pada masa akan datang.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat Ahli dari Jasin.

5.15 ptg.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Jasin): Tuan Yang Dipertua, saya tidak suka menggunakan perkataan "bodoh" di dalam Dewan ini tetapi oleh kerana Ketua Pembangkang telah menggunakan perkataan itu dengan mengatakan berpuluh-puluh ribu rakyat yang berkumpul menyambut Perdana Menteri itu bodoh, maka mengikut perhitungan biasa orang-orang yang membodohkan orang lain itulah yang sebenarnya bodoh. (*Tepuk*)

Beliau juga telah memperkecilkan perjumpaan rapat umum di Wilayah Persekutuan yang dihadiri oleh 40,000 orang rakyat menyambut lawatan Perdana Menteri. Sekurang-kurangnya saya berbangga ada 40,000 orang rakyat yang ingin berjabat salam dengan Perdana Menteri sebagai menunjukkan sokongan-sokongannya dan amatlah malu sekali jika dibandingkan dengan Ketua Parti Pembangkang di mana hawkers di Sarawak enggan berjabat salam dengan beliau (*Tepuk*). Beliau juga mengatakan bahawa Perlembagaan yang dipinda tidak diberi tahu kepada rakyat. Sudah 20 kali Perlembagaan dipinda semenjak kita mencapai kemerdekaan dan setiap kali diadakan pilihanraya rakyat telah memberi

sokongan kepada parti pemerintah, menunjukkan kita mempunyai keberanian dan keyakinan apa yang kita luluskan dalam Parlimen adalah disokong oleh rakyat dalam negeri ini. Tuan-tuan akan saksikan dalam pilihanraya yang akan datang ini akan menentukan sama ada rakyat menyokong atau tidak pindaan Perlembagaan tahun 1983 dan tahun 1984 ini.

Jika sekiranya Parti DAP dapat berkuasa dalam negeri ini dalam pilihanraya yang akan datang bolehlah mereka meminda semula Perlembagaan mengikut kehendak mereka itu. Tetapi pada fikiran saya 1,000 tahun akan datang lagi jika parti ini terus berkekalan dengan dasar yang ada sekarang mereka tidak akan dapat memerintah negara Malaysia ini (*Tepuk*). Selagi parti itu tidak mendapat sokongan daripada pengundi Melayu dan Bumiputera parti ini hanya akan memberikan keuntungan kepada beberapa orang pemimpin-pemimpinnya untuk dapat menjadi Wakil Rakyat di Dewan ini sahaja dan tidak lebih daripada itu.

Saya telah mendengar ucapan daripada Wakil Rakyat Pengkalan Chepa yang mengatakan UMNO menjadi alat dalam soal pindaan Perlembagaan ini. Di sinilah letaknya kematangan Barisan Nasional. Oleh kerana pindaan Perlembagaan itu perkara yang sensitif, walaupun Parti Komponen Barisan yang terdiri daripada orang Cina dan India dan lain-lain kaum di Sabah dan Sarawak memberikan sokongan penuh tetapi mereka itu sedar bahawa perkara itu adalah satu perkara sensitif, jika sekiranya mereka duduk di barisan hadapan bersama-sama dengan UMNO dengan aktif tak dapat tidak orang yang serupa ini juga akan menuduh bahawa orang-orang Cina dan India hendak menjatuhkan Raja-

Raja. Kematangan ini, kematangan UMNO dan Barisan Nasional telah dapat mengelakkan peristiwa-peristiwa yang mungkin menjadi lebih buruk dan sepatutnya Parti Pembangkang ini—Parti PAS mengucapkan tahniah di atas kebijaksanaan UMNO dan Barisan Nasional kerana krisis Perlembagaan dapat diselesaikan dengan baik. Jika ianya menjadi buruk maka orang-orang PAS dan Parti Pembangkang yang lain juga akan menerima akibat yang buruk.

Beliau juga menyebut bahawa benar parti itu mempunyai dasar talam dua muka. Saya sebutkan di sini memang betul kerana dasar parti mereka itu tidak mengakui adanya bangsa-bangsa dalam agama Islam, tidak ada bangsa Melayu, tidak ada bangsa Arab, yang ada cuma pengikut-pengikut Islam sahaja. Inilah dasar Parti PAS tetapi dalam Dewan ini kita semua telah menyaksikan dan mendengar berkali-kali beliau menyebut perkataan Raja-Raja Melayu, orang-orang Melayu, adat Melayu, ekonomi Melayu dan sebagainya lagi. Jadi ini menunjukkan parti ini tidak mempunyai dasar yang tetap dan bersesuaian dengan pengakuan beliau sendiri sebagai sebuah parti talam dua muka.

Tuan Yang Dipertua, walaupun telah banyak kenyataan dibuat mengenai pindaan Perlembagaan masih lagi ada orang yang cuba mengelirukan rakyat Melayu di kampung-kampung dengan mengatakan bahawa hak keistimewaan orang-orang Melayu dan kedudukan Raja-Raja Melayu terancam apabila parti pembangkang memerintah negara ini.

Suka saya menyebutkan di sini bahawa kedudukan hak istimewa orang-orang Melayu dan Bumiputera, kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan juga kedaulatan

Raja-Raja yang terkandung di dalam Artikel 159 (5) akan kekal selamanya kerana Artikel itu tidak tersentuh sedikit pun dalam pindaan ini. Dewan Negara dan Dewan Rakyat sahaja tidak berkuasa meminda Artikel tersebut tanpa persetujuan daripada Majlis Raja-Raja.

Artikel 159 (5) dan lain-lain Artikel juga adalah menentukan bahawa Raja Berperlembagaan akan kekal selamanya di Malaysia. Ini adalah bersesuaian dengan aspirasi rakyat Malaysia dari berbagai keturunan.

Pindaan ke atas Artikel 66 (5) tidak sama sekali bererti Parlimen atau Kerajaan mengambil kuasa Raja kerana persetujuan Yang di-Pertuan Agong untuk menjadikan Undang-undang segala keputusan yang dibuat oleh Dewan Rakyat bukannya merupakan suatu kuasa tetapi ianya merupakan suatu kewajipan. Kedudukan Yang di-Pertuan Agong di dalam Artikel 66 (5) ini adalah "mandatory" dan bukannya "discretion". Ini bererti Yang di-Pertuan Agong tidak boleh menolak keputusan Parlimen kecuali mengenai Artikel 159 (5). Jika Yang di-Pertuan Agong boleh menolak keputusan Dewan Rakyat kecuali Artikel 159 (5), maka bererti Dewan Rakyat tidak ada mempunyai kuasa dan yang demikian demokrasi di Malaysia hanya ada pada nama semata-mata. Dengan demikian tidak ada kedaulatan rakyat di negara ini.

Pindaan Artikel 66 yang menentukan tempoh yang dikehendaki bagi Yang di-Pertuan Agong memperkenankan keputusan kedua-dua Dewan tidak sekali-kali menyentuh kemuliaan Raja-Raja kerana persetujuan yang dikehendaki daripada Yang di-Pertuan Agong itu hanya merupakan satu tradisi dan "formality" sahaja.

Ketua parti pembangkang telah menimbulkan keraguan dalam Dewan ini dengan mengatakan bahawa dengan meminda Artikel 66 adalah berlawanan dengan Artikel 38 (4). Artikel 38 (4) adalah menentukan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kehormatan Raja-Raja.

Tuan Yang Dipertua, Artikel 38 (4) yang disebutkan oleh Ketua parti pembangkang adalah dimasukkan di dalam Artikel 159 (5) satu Artikel yang tidak boleh dipinda oleh Dewan Rakyat atau Dewan Negara melainkan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja. Artikel 159 (5) hanya mengandungi Perkara-perkara Clause 4 Artikel 10, Artikel 38, Artikel 63 (4), Artikel 70, Artikel 71 (1), Artikel 72 (4), Artikel 152 dan juga Artikel 153.

Artikel-artikel ini tidak boleh disentuh oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara dengan tidak persetujuan daripada Majlis Raja-Raja.

Di bawah Artikel 159 (5) tidak termasuk Artikel 66. Sedangkan Artikel 38 dimasukkan di bawah Artikel 159 yang ditentukan dengan khas tidak boleh disentuh. Jika sekiranya penggubal Perlembagaan ini dahulu mendapati bahawa kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam Artikel 66 itu merupakan satu "dignity" atau kehormatan atau kemuliaan atau kedudukan atau keistimewaan sudah pasti Artikel 66 dimasukkan di bawah Artikel 159 (5) yang tidak boleh disentuh. Oleh kerana Artikel 66 tidak termasuk di bawah Artikel itu maka ianya bukan merupakan satu kemuliaan, kedaulatan dan sebagainya. Perkataan "shall" ataupun "hendaklah" dalam bahasa Melayu yang terkandung dalam Artikel 66 membawa erti "mandatory" iaitu Yang di-Pertuan Agong tidak ada kuasa pilihan.

Apabila tidak ada kuasa memilih, menerima atau menolak maka itu bukan bermakna satu kemuliaan. Jika seseorang itu diberi kuasa memilih boleh menerima dan boleh menolak, maka itu bererti satu kemuliaan yang mana beliau ada mempunyai kuasa menerima dan menolak. Tetapi kuasa menerima dan menolak tidak ada, hanya kuasa mesti menerimanya. Tidak ada kemuliaan bagi seorang yang terpaksa berbuat sesuatu. Maka dengan sebab itu saya dengan kerasnya menolak hujah yang dikemukakan oleh Ketua parti pembangkang sebentar tadi.

Artikel 66 (5) jika tidak dipinda dan tidak diberikan penjelasan yang secukup-cukupnya mungkin akan menimbulkan satu perselisihan di antara Dewan Rakyat dengan Yang di-Pertuan Agong. Perselisihan ini jika berlaku akan membawa akibat yang buruk. Oleh itu wajarlah Artikel ini dipinda.

Pada masa Suruhanjaya Reid membuat Perlembagaan dahulu, Justice Hamid seorang daripada anggota Suruhanjaya Reid telah pun membuat minority report dengan mengatakan bahawa Artikel 66 itu jika dimasukkan dalam Perlembagaan mungkin akan berlaku kekusutan di belakang hari kelak untuk menentukan kuasa rakyat dengan kekuasaan Raja. Dan perkara itu harus diperbetulkan supaya anak cucu kita yang akan datang tidak menghadapi masalah krisis di antara Dewan Rakyat dengan Raja-Raja.

Saya mengalu-alukan pindaan yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada hari ini untuk meminda semula pindaan yang telah dibuat dalam bulan Ogos 1983, kerana pindaan ini memberi tempoh yang lebih panjang kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memperkenankan ataupun boleh

meminta supaya Dewan Rakyat dan Dewan Negara membincangkan semula perkara-perkara yang tidak diperkenankannya bagi kali kedua. Kepada saya pindaan ini merupakan satu penghormatan yang lebih tinggi yang dapat kita berikan kepada Yang di-Pertuan Agong yang selama ini tidak ada di dalam Perlembagaan.

Walau bagaimanapun perlulah dijelaskan bahawa walaupun Yang di-Pertuan Agong di dalam Artikel 66 (5) yang baharu ini diberi hak mengarahkan semula Bil-bil yang tidak dipersetujuinya, untuk dibahaskan bagi kali kedua oleh kedua-dua Dewan, tetapi pada fikiran saya tindakan Yang di-Pertuan Agong itu janganlah hendaknya bercanggah dengan Artikel 40 Perlembagaan yang menyebutkan bahawa tindakan Yang di-Pertuan Agong adalah dibuat atas nasihat Perdana Menteri.

Ketua parti Pembangkang juga telah menimbulkan soal siapakah yang akan menasihatkan Yang di-Pertuan Agong. Di bawah kuasa manakah jika sekiranya ada satu Badan Penasihat yang membolehkan Yang di-Pertuan Agong meminta dikembalikan Bil-bil itu ke Dewan Rakyat. Nampaknya dalam hal ini masih juga ada kesamaran, dan saya bukan seorang pakar Perlembagaan, yang saya suka hendak timbulkan apakah langkah Yang di-Pertuan Agong hendak menghantar balik Bil-bil ke Dewan Rakyat mesti mengikut Artikel 40 iaitu menerima nasihat daripada Perdana Menteri. Jika Perdana Menteri menasihatkan Yang di-Pertuan Agong, apalah gunanya hendak dibawa, apakah caranya hendak menyelesaikan masalah itu. Yang di-Pertuan Agong kata, Beta mahu dipinda semula. Tetapi kalau Perdana Menteri mendapati tidak perlu dibawa balik ke Dewan Rakyat,

inilah suatu kekeliruan baharu rasa saya, yang saya percaya Perdana Menteri akan dapat menjelaskannya.

Jika Artikel 40 diketepikan dalam perkara ini, maka akan timbullah perselisihan sekali lagi di antara Perdana Menteri dan Yang di-Pertuan Agong. Saya berharap perkara yang seperti ini tidak akan berlaku.

Walaupun Schedule 8 pindaan 1983 dibatalkan yang mana bererti pindaan ini tidak menyentuh Perlembagaan Negeri-negeri tetapi saya percaya bahawa Raja-Raja akan berpegang teguh kepada Perlembagaan Negeri masing-masing dan akan sentiasa memperkenankan dengan seberapa segera segala Bil-bil yang diluluskan oleh Dewan-dewan Undangan Negeri supaya tidak tergendala usaha membangunkan negeri masing-masing sesuai dengan konsep pemerintahan demokrasi.

Malaysia sebuah negara demokrasi. Demokrasi di Malaysia diakui tulin oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Parti Pembangkang tidak dapat menafikan bahawa mereka telah dapat bersama-sama menikmati pemerintahan demokrasi yang dipelopori oleh Parti Perikatan dan yang disokong oleh Barisan Nasional pada hari ini.

Demokrasi bermakna rakyat mempunyai kedaulatan, rakyat berkuasa menubuhkan Kerajaan dan membuat undang-undang bagi kepentingan rakyat. Dalam pada itu Barisan Nasional berkehendakkan Raja Berperlembagaan dikekalkan walaupun taraf Raja-Raja adalah sebagai Raja berperlembagaan sahaja. Parti Perikatan dahulu telah menentukan supaya kuasa-kuasa dan kedaulatan Raja-Raja dimaktubkan dalam Perlembagaan dan tidak boleh dipinda oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara tanpa persetujuan

Majlis Raja-Raja itu sendiri. Ini bermakna Raja-Raja juga mempunyai kedaulatan dan kedaulatan kedua-dua pihak iaitu di antara rakyat dengan Raja-Raja hendaklah dijelaskan maka sebab itulah kita hadir dalam Dewan pada hari ini untuk menentukan kedaulatan masing-masing dan tidak akan berlaku percanggahan pada masa yang akan datang.

Dengan pindaan Artikel 66 (5) maka pembahagian tanggungjawab di antara rakyat dan Raja telah diberi penjelasan yang sangat terang dan kemungkinan berlaku krisis di antara Parlimen dengan Yang di-Pertuan Agong tidak akan ujud lagi dan dengan demikian pemerintahan demokrasi dan Raja Berperlembagaan mengikut kuasa masing-masing yang termaktub dalam Perlembagaan akan berkekalan yang tidak boleh dipertikaikan lagi.

Ada pula orang berpendapat bahawa Artikel 150 adalah lebih penting daripada Artikel 66 (5) kerana kononnya Artikel 66 (5) hanya mengenai diri Raja-Raja sahaja sedangkan Artikel 150 pula melibatkan penghidupan rakyat pada keseluruhannya. Pendapat ini adalah salah, kepada saya kedua-duanya adalah sama penting. Article 66 (5) ialah untuk menentukan kedaulatan rakyat, iaitu satu perkara yang kita perjuangkan berhabis-habisan selama ini untuk mendapatkan kekuasaan daripada penjajah dan Parlimen di Malaysia pula adalah Parlimen yang dipilih oleh rakyat untuk rakyat.

Memanglah benar Artikel 150 mengenai darurat merupakan satu perkara penting kerana Undang-undang Darurat adalah juga melibatkan nasib rakyat pada seluruhnya. Tuduhan yang mengatakan pindaan kepada Artikel

150 dibuat kerana Perdana Menteri hendak menjadi diktator tidaklah benar sama sekali. Perlembagaan memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan darurat tetapi dalam pemerintahan secara demokrasi segala tindakan seorang Raja hendaklah atas nasihat Perdana Menteri mengikut Artikel 40 dalam Perlembagaan.

Beberapa perkara dalam perbicaraan mahkamah kedapatan para hakim membuat kenyataan yang menyatakan bahawa tindakan-tindakan Yang di-Pertuan Agong adalah atas nasihat Perdana Menteri. Misalnya dalam perbicaraan Teh Cheng Poh, jemaah hakim (Privy Council) dalam keputusannya juga telah menyebutkan bahawa Yang di-Pertuan Agong bertindak mengikut Perkara 40 (1) Perlembagaan Malaysia iaitu bertindak atas nasihat Kabinet bererti Perdana Menteri.

Ini bermakna hanya dengan nasihat Perdana Menteri sahaja yang membolehkan Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan darurat.

Jika Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan darurat dengan tidak mendapat persetujuan daripada Perdana Menteri, maka Yang Di-Pertuan Agong bukanlah lagi bersifat sebagai Raja Berperlembagaan tetapi sebaliknya ia menjadi Raja yang berkuasa penuh (absolute monarchy).

Pindaan Artikel 150 yang dibuat dalam tahun 1983 itu bertujuan untuk mencantumkan Artikel 150 dengan kuasa-kuasa yang tersebut di dalam Artikel 40 supaya perisytiharan darurat yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong adalah dengan nasihat Perdana Menteri menjadi lebih terang.

Jika Yang di-Pertuan Agong dengan kehendak seorang diri sahaja boleh mengisytiharkan darurat dan jika

pengisytiharan itu mendatangkan keburukan maka Yang di-Pertuan Agong akan dipertanggungjawabkan dan langkah yang seperti itu juga dengan sendirinya membawa Yang di-Pertuan Agong menceburkan diri ke dalam kancah politik. Saya percaya rakyat tidak berkehendakkan Raja mencampuri politik dan rakyat tentulah tidak suka melihat Raja kita membuat kesilapan.

Saya mengalu-alukan Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan sekarang ini supaya Artikel 150 yang telah dipinda dahulu dipinda semula mengikut Perlembagaan asal demi untuk menghilangkan kesamaran setengah-setengah pihak. Kepada saya sama ada dipinda atau tidak Artikel 150 itu tetap membawa makna yang sama, iaitu pengisytiharan darurat hanya boleh dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong adalah atas nasihat Perdana Menteri.

Saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada kedua-dua pihak, Raja-Raja dan Kerajaan di atas usaha dan kerjasama yang telah dapat diwujudkan dalam mencari formula menyelesaikan krisis Perlembagaan 1983 itu. Semangat tolak ansur dan kerjasama yang seperti ini patut dikekalkan selama-lamanya kerana dengan ketiadaan "political stability" ekonomi negara akan terancam. Ada setengah-setengah golongan di Malaysia merasai bimbang nasib masa depan mereka.

Pada fikiran saya kebimbangan itu tidak perlu wujud. Walaupun Malaysia sebuah negara yang mempunyai penduduk dari berbagai keturunan tetapi selagi negara ini mengamalkan pemerintahan demokrasi tidak ada satu kaum yang boleh menindas satu kaum yang lain sekali pun pihak minority.

Jika ada mana-mana golongan yang cuba memerintah secara kekerasan dan cuba menindas maka negara ini

akan hancur lebur seperti kata pepatah Melayu kalah jadi abu, menang jadi arang di mana semuanya akan musnah.

Tuan Yang Dipertua, ada sebanyak 40 buah negara Islam dalam dunia ini dan tiap-tiap sebuah negara itu mempunyai Perlembagaan yang berlainan corak di antara satu dengan yang lain.

Setengah negara-negara Islam itu masih mengekalkan pemerintahan beraja sama ada Raja Berperlembagaan ataupun Raja yang berkuasa penuh manakala setengahnya pula merupakan negara Republik. Ini menunjukkan sama ada pemerintahan beraja atau pemerintahan republik tidak bercanggah dengan agama Islam.

Perlembagaan hanya merupakan satu peraturan bagi pemerintahan sesebuah negara. Perlembagaan adalah dokumen yang menentukan mereka yang berhak menjadi rakyat dalam sebuah negara dan menentukan had hak-hak asasi manusia yang boleh diamalkan oleh seorang rakyat dan juga menentukan bagaimana sebuah Kerajaan hendak ditubuhkan.

Maka terpulanglah kepada Dewan Tertinggi dalam sebuah negara itu seperti Parlimen di Malaysia membuat undang-undang yang difikirkan sesuai bagi rakyat dalam negeri ini.

Di dalam Perlembagaan Malaysia tidak ada sepatah pun perkataan yang bertentangan dengan Agama Islam. Setiap patah perkataan yang tersebut dalam Perlembagaan adalah bertujuan untuk memberikan kebajikan kepada rakyat, maka dengan sebab itu tuduhan yang mengatakan bahawa Perlembagaan Malaysia sebagai Perlembagaan penjajah dan tidak Islam adalah tuduhan melulu semata-mata kerana hendak mengelirukan

rakyat bagi kepentingan parti dan diri pemimpin-pemimpin yang membuat tuduhan itu sahaja.

Rakyat telah menyatakan hasratnya bahawa Malaysia ingin mengekalkan Raja Berperlembagaan. Raja Berperlembagaan adalah bererti Raja yang mengikut nasihat rakyat yang menerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Ada pun kekuatan dan kedaulatan Raja-Raja terletak tidaklah tergantung kepada kuasa yang ada padanya, tetapi hakikat yang sebenar kedaulatan Raja-Raja itu adalah bergantung kepada sejauh mana kasih sayang rakyat kepadanya. Kasih sayang rakyat kepada Raja-Raja itulah menjadi ukuran kedaulatan Raja-Raja.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa Perlembagaan telah dipinda dengan begitu mudah dan sewenang-senang. Tuduhan ini tidak benar kerana Perlembagaan telah menentukan bagaimana peraturan hendak meminda Perlembagaan. Pindaan-pindaan yang telah dibuat selama ini termasuklah pindaan yang telah dibuat dalam tahun 1983 dan yang sedang dibahaskan pada hari ini adalah mengikut sebagaimana peruntukan di dalam Perlembagaan.

Kuasa meminda Perlembagaan telah diberikan kepada Parlimen dan Parlimen pula adalah terdiri daripada 100% ahlinya dipilih menerusi Pilihanraya yang sah dan mengikut kehendak rakyat dengan bebas dan bukannya dengan ugutan. Sama ada sesuatu pindaan itu dibuat dalam tempoh yang pendek atau mengambil masa yang panjang bukanlah menjadi ukuran untuk membuat tuduhan yang kononnya Perlembagaan telah dipinda dengan sewenang-wenangnya. Setiap orang ahli dalam Dewan Rakyat diberi

peluang untuk membahaskannya dan setiap orang ahli dalam Dewan ini juga bebas untuk menerima atau menolaknya. Maka oleh sebab itu tuduhan yang mengatakan Perlembagaan dipinda dengan sewenang-wenangnyanya tidaklah benar sama sekali.

Perlembagaan adalah dokumen hidup yang perlu dipinda dari masa ke semasa dengan kehendak rakyat melalui Parlimen untuk disesuaikan dengan perubahan-perubahan yang sentiasa berlaku di sebuah negara termasuk Malaysia.

Dan saya memberikan sokongan penuh kepada pindaan ini kerana ianya akan melahirkan pemerintahan yang lebih licin dan lebih sempurna bagi kepentingan Malaysia.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

5.45 ptg.

Tuan Hassan bin Mohamed (Rantau Panjang): Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah terhadap Kerajaan yang telah mengemukakan pindaan Perlembagaan 1984 di Dewan Rakyat pada petang ini. Selain daripada terima kasih saya kepada pihak Kerajaan terutama YAB Perdana Menteri juga saya sampaikan junjungan kasih saya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu yang telah memberi persetujuannya dalam masalah apa yang dikatakan krisis Perlembagaan. Dan saya rasa inilah satu penyelesaian dan cara penyelesaian yang bijaksana yang dilakukan oleh pihak Kerajaan dan Raja-Raja secara persaudaraan dan secara kekeluargaan dalam menyelesaikan masalah yang menjadi perselisihan. Dan bagi pihak saya dan

kawan-kawan saya daripada Parti Hisbul Muslimin (HAMIM) dengan tegas akan memberi sokongan sepenuhnya (*Tepuk*) mengenai pindaan-pindaan Perlembagaan 1984.

Barangkali Tuan Yang Dipertua, sewaktu Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini dibentang pada bulan Ogos dahulu waktu dibahaskan dalam Majlis peringkat Jawatankuasa, saya telah bertanya kepada YAB Perdana Menteri apakah pindaan Perlembagaan ini kalau diluluskan oleh pihak Dewan Rakyat dan tidak pula diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong apakah undang-undang ini selepas enam bulan akan dirujukkan kembali kepada Dewan Rakyat untuk diluluskan buat kali yang kedua. YAB Perdana Menteri bangun menjelaskan bahawa tidak ada peruntukan yang sedemikian dalam Perlembagaan Malaysia. Jadi hasil daripada tidak ada peruntukan itulah maka telah digariskan dalam pindaan Perlembagaan kali yang kedua dibentangkan di sini untuk menentukan kedudukan yang sebenar hak-hak dan penentuan yang selama ini kabur ataupun tidak disebut di dalam Perlembagaan mengenai kedudukan pekenannya daripada pihak Yang di-Pertuan Agong tentang hal pindaan Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak mengkaji detail tentang hal pindaan, tetapi satu hakikat yang saya rasa amat dukacita yang saya hendak nyatakan dalam Majlis ini ialah tentang sikap seorang semata-mata ataupun seorang daripada sahabat saya juga iaitulah Wakil daripada Pengkalan Chepa yang telah bercakap terlebih dahulu pada saya mengenai dengan hal pindaan Perlembagaan. Beliau telah berlagak sebagai seorang maha guru yang cuba hendak mengajar seperti ketam hendak mengajar anaknya supaya berjalan

betul (*Tepuk*). Dia cuba hendak mengajar Kerajaan bagaimana cara hendak menyelesaikan ataupun menjalankan pentadbiran negara ataupun menyelesaikan perselisihan mengenai hal pindaan Perlembagaan ini dengan Raja-Raja tetapi sebenarnya beliau lupa tentang hakikat beliau sendiri sebagai salah seorang daripada pemimpin-pemimpin parti Islam yang terkemuka yang tidak boleh hendak menyelesaikan masalah rumahtangga sendiri (*Tepuk*). Bapanya sendiri ditendang, diterajang keluar daripada rumah (*Ketawa*). Dan dahulunya Wakil PAS dalam Dewan yang mulia ini ada lima orang tetapi akibat daripada kebijaksanaannya sebagai bapa maka sekarang telah tinggal dia seorang sahaja (*Tepuk*). Dia menuduh orang kuman di seberang laut nampak, gajah di bibir mata tidak kelihatan. Tetapi bukan kepada orang lain dirinya sendiri itulah (*Tepuk*).

Saya terkejut sebagai satu orang yang merupakan Ketua Dewan Ulamak sebuah parti politik Islam yang terbesar konon dalam Malaysia hari ini, boleh menuduh dan membandingkan dalam usaha Kerajaan hendak menerapkan nilai-nilai Islam dalam negara ini dianggap tidak lebih sebagai satu usaha golongan munafik dalam zaman Rasulullah s.a.w. dahulu untuk menegakkan sebuah masjid Dirar. Kerajaan bawah pimpinan YAB Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri telah mencurahkan bukan sahaja berpuluh million tetapi beratus million ringgit digunakan untuk pembangunan Islam di negara ini. Tetapi kepada orang ini boleh dituduh sebagai Firaun.

Boleh dituduh sebagai satu usaha untuk menegakkan sebuah masjid Dirar yang sama sikapnya sama seperti pemimpin munafik dalam zaman Rasulullah s.a.w. Di mana letak

kebijaksanaannya, Tuan Yang Dipertua, dengan sepotong Ayat Suci yang ertinya Tuhan telah berfirmannya: kalau kita hendak mengajak kepada orang jalan yang betul kepada jalan Allah dengan bijaksana. Kalau kita hendak berbahas pun dengan cara yang lebih elok. Bukan menuduh sebagai seorang tuan guru yang terkenal boleh menuduh seorang pemimpin ataupun ketua pemerintah pentadbiran negara sebagai seorang Firaun. Jadi ini, Tuan Yang Dipertua, yang saya amat kesalkan.

Tuan Yang Dipertua, barangkali saya rasa kekecehan yang lebih hebat yang berlaku berkenaan dengan hal apa yang dikatakan krisis Perlembagaan dalam negara ini barangkali di Kelantanlah yang lebih hebat geloranya. Dan saya suka menjelaskan dalam Dewan yang mulia pada petang ini bagaimana berita-berita fitnah yang sengaja ditaburkan yang kononnya persidangan Parlimen yang akan bersidang pada 9hb hari ini tidak akan cukup untuk meluluskan dua pertiga bagi pindaan Perlembagaan, kerana arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada orang-orangnya supaya jangan hadir beramai-ramai. Ini fitnah yang ditaburkan di Kelantan oleh bukan sebarang orang. Dan lagi fitnah pula ditaburkan bahawa sebenarnya dengan pindaan Perlembagaan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kalau diberi kuasa yang sepenuhnya maka beliaulah yang akan menjadi Perdana Menteri yang paling berkuasa sekali dalam dunia ini. Barangkali kepada orang cerdas pandai di bandar-bandar fitnah yang seperti ini dapat ditolak mentah-mentah tetapi bagi orang di kampung dan di desa fitnah ini termakan begitu hebat sekali. Jadi, Tuan Yang Dipertua, saya minta daripada pihak Kerajaan terutama daripada kalangan yang berkenaan, yang

bertanggungjawab tumpulah perhatian ke Kelantan dan memberi penerangan yang sejelas-jelasnya mengenai pindaan Perlembagaan ini dan bagi pihak saya, bersama kawan-kawan daripada HAMIM dengan tegas selain daripada menyokong pindaan ini tetap akan menjunjung sistem demokrasi berparlimen di negara kita ini dan sistem Raja berperlembagaan. Sekian, terima kasih (*Tepuk*).

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Baram.

5.54 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang Dipertua, saya turut sama mengambil bahagian dalam perbincangan pindaan Perlembagaan yang telah pun dihuraikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sebagaimana yang kita sedia maklum tujuan dan maksud pindaan kepada Perlembagaan ini sudah begitu jelas untuk mewakili ataupun untuk menjaga keselamatan negara kita yang berbilang kaum ini. Yang seharusnya ataupun yang sepatutnya pindaan ini tidak akan dibawa kedua kali ke dalam Dewan yang mulia ini oleh kerana telah mendapat sokongan yang begitu hebat, bukan daripada pihak para wakil yang mewakili para rakyat di negara kita di Malaysia ini di dalam Dewan yang mulia ini sahaja, bahkan sebagaimana yang kita sedia maklum di mana sahaja lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita selama pertelingkahan mengenai pindaan Perlembagaan ini sudah berlaku, di situ juga kita menyaksikan ribuan rakyat Malaysia yang berkerumun serta memberi sokongan yang hebat tentang tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengubahsuaikan Perlembagaan kita di Malaysia ini.

Tuan Yang Dipertua, saya untuk mewakili parti saya iaitu Sarawak Nasional Parti dengan arahan pucuk pimpinan parti untuk menyampaikan sokongan pihak kami kepada tindakan yang diambil oleh pihak Yang Berhormat Perdana Menteri terhadap pindaan Perlembagaan ini. Kami dengan sebulat suara memberi sokongan yang penuh terhadap tindakan Kerajaan lebih-lebih lagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang begitu bijak dengan para pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sudah mengambil tindakan ini untuk meminda Perlembagaan Persekutuan Malaysia ini untuk mensesuaikan mengikut keadaan aliran zaman. Dan juga, Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang telah kita dengar daripada pihak para Ahli-ahli Yang Berhormat yang terdahulu memberi ucapan daripada saya tadi, keadaan yang begitu keloh kesah dalam beberapa bulan yang telah lalu sehingga hari ini sejak pindaan ini telah dibuat bukan oleh kerana tujuan yang baik bahkan oleh kerana satu kumpulan atau beberapa kumpulan yang tertentu sahaja yang membuat hasutan tentang pindaan ini dan kita bersyukur kehadiran Illahi oleh kerana kita dapati baharu-baharu ini Yang Amat Berhormat Menteri kita dengan para Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja di tanah air kita sudah compromised dengan syarat yang begitu baik dan saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kebijaksanaan kedua-dua belah pihak yang telah membuat keputusan serta memberi kelulusan terhadap pindaan Perlembagaan yang kita bincang pada hari ini.

Sekali lagi, Tuan Yang Dipertua, saya ucapkan ribuan terima kasih atas jasa baik kedua-dua pihak baik daripada pihak Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja kita dan pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah membuat keputusan serta mengambil tindakan untuk memberi

kelulusan terhadap pindaan Perlembagaan ini. Sekian, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Mas Gading.

6.00 ptg.

Tuan Patrick Anak Uren (Mas Gading): Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) yang sedang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Saya mengalu-alukan kebijaksanaan pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pihak Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dalam pihak mereka itu telah dapat sepakat dalam menyelesaikan masalah Perlembagaan, isu Constitutional Amendment yang telah dalam perbincangan negara selama dua tiga bulan yang lalu ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak yang telah dapat persetujuan dengan baik dan menyelesaikan keadaan yang berlaku akibat pemindaan Perlembagaan pada masa lalu dengan teratur dan jimat-cermat dan juga tidak beremosi.

Tuan Yang Dipertua, dari segi pindaan Perlembagaan, negara kita adalah negara yang mempunyai Perlembagaan yang bertulis dan kalau kita bandingkan dengan negara United Kingdom yang tidak mempunyai Perlembagaan yang bertulis, kita telah rasa selama sejak merdeka beberapa kali datang ke Dewan yang mulia ini untuk meminda Perlembagaan bila sahaja dan difikirkan perlu dan untuk mengubahsuaikan dengan masa dan keperluan semasa.

Pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan dari ertikata asas bukannya perkara yang tidak boleh

dibuat sebab mengikut perkataan yang telah digunakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, bahawa Perlembagaan adalah perkara yang hidup, maka dalam masa sehayatnya terpaksa berjumpa dengan sebarang cabaran dan keadaan yang berlaku semasa, keadaan yang berlaku yang tidak dianggap bila Perlembagaan itu ditulis sebelum merdeka. Kita boleh meminda undang-undang baikpun Perlembagaan, tetapi yang di hadapan kita kali ini ialah satu pindaan yang telah menyebabkan fikiran rakyat dalam satu suasana keraguan. Sehingga hari ini bila sudah selesainya, bila sudah terdapat sepakat di antara dua pihak; Kerajaan, Parlimen dan pihak Raja-Raja maka rakyat pun mula bertenang.

Bagi pihak saya sendiri memandang dari segi pindaan yang se pantas lalu, memang dahulu bila kita bemesyuarat di Dewan ini kita pun berharap kepada kebijaksanaan orang yang memerintah supaya dapat membawa kepada penyelesaian untuk kebaikan negara dan juga sekarang kita sudah sampai ke masa itu.

Seperti yang saya ingin menyentuh di sini bahawa dalam Perlembagaan yang di hadapan kita sekarang yang berupa satu pindaan Akta di Parlimen British pada tahun 1919 di mana kalau pihak Yang di-Pertuan Agong tidak memperkenankan kepada undang-undang kecuali Money Bill, maka undang-undang itu dibawa balik semula kepada Parlimen untuk dibincang semula. Di negeri England pada masa 1919 bila Akta itu digubalkan adalah berekoran daripada kejadian pertikaian di antara Dewan Rakyat dan House of Lords di sana. Jadi selain daripada Money Bill yang kalau sudah diluluskan lebih kurang dalam tempoh 1 bulan sahaja House of Lords mesti bersetuju. Di situ House of Lords ada kuasanya untuk membincang undang-undang yang

telah disetujui oleh Dewan Rakyat, maka adalah patut dari segi capacity kedua-dua Dewan itu untuk membincang undang-undang ataupun masalah yang dihadapi.

Perbincangan yang di hadapan kita ini kita memerlukan Yang di-Pertuan Agong untuk menunjukkan apa yang tidak disetujuinya dan bawa semua ke perbincangan Parlimen. Ini daripada pandangan saya satu kuasa kita beri kepada Raja tanpa alat untuk menggunakan kuasa tersebut, sebab Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda semestinya cukup sibuk dengan kerja hariannya dan kalau ada undang-undang yang dalam satu mesyuarat Parlimen kita pinda ataupun luluskan beberapa undang-undang, jadi kalau tidak ada jentera di bawah Duli Yang Maha Mulia untuk meneliti apa yang patut, apa yang tidak disetujui dan apa yang patut dirujuk semula kepada Dewan, maka kita akan membebankan Duli Yang Maha Mulia dengan kuasa tanpa alat untuk menggunakan kuasanya.

Tuan Yang Dipertua, saya fikir pindaan yang sekarang ini akan membawa satu keadaan masa hadapan kita di mana kita akan rujuk semula ke Parlimen untuk mengelak daripada keadaan ini berlaku.

Saya percaya walaupun undang-undang ini dibuat sebagai anticipatory, tidak ada masanya kelak di mana kita akan menggunakan semua kuasa dalam undang-undang ini dan saya percaya di Malaysia ini baikpun di pihak Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan di pihak rakyat yang diwakili oleh Kerajaan yang dipilih melalui Parlimen, ada kebijaksanaan dan ada bertolak ansur selamalamanya. Jadi bertolak ansur, sikap berkompromi yang sudah lama dengan kita akan berterusan. Jadi kuasa pindaan ini tidak akan digunakan pada bila-bila masa sahaja.

Yang saya ingin menyoalkan apa sebabnya dari hari permulaan pindaan ini berlaku, apa yang telah menyebabkan pindaan ini dibawa kepada Dewan, hanya untuk membawa kepada satu pindaan dan pindaan ini sekarang ini juga pindaan ini pun daripada pandangan saya yang sempit belum membawa penyelesaian yang dikehendaki.

Tuan Yang Dipertua, kita semua maklum bahawa penguatkuasa oleh Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja adalah menurut advice daripada Perdana Menteri. Di negeri Britain, Institution Raja sudah bermula daripada 1689 bila Parlimen telah triumphed daripada Raja-Raja dan Parlimen adalah satu badan yang supreme di negara itu. Tetapi di negara kita di mana Perlembagaannya sudah tertulis. Jadi yang mana satu yang supreme. Adakah Constitution yang supreme ataupun Parlimen yang supreme ataupun Raja-Raja yang supreme? Ini tiada satu yang tetap. Tetapi daripada ketiadaan tetapnya satu-satu pun itulah "checks and balances" dalam negara kita supaya tiada satu pihak pun yang akan mempunyai kuasa yang lebih. Kita pernah tahu dan pernah dengar, kalau ada kuasa yang lebih di tangan satu orang, mungkin satu keadaan yang menyebabkan temptation begitu genting akan digunakan. Dan baik buruknya kalau digunakan kuasa yang lebih itu akan membawa kepada satu keraguan di kalangan rakyat.

Yang saya maksud di sini bahawa Perlembagaan British tidak tertulis bahawa Raja ataupun Queen di situ menggunakan kuasa melalui nasihat daripada Kerajaan, Prime Minister. Itu hanya termaktub dalam Perlembagaan yang tidak bertulis. Di sini kepada Artikel 150, kita telah dahulu membawa pindaan, sekarang kita bawa pindaan kepada keadaan yang sebelum pindaan 1983. Daripada

pandangan saya yang sempit ini, saya tidak tahu apa sebabnya daripada awal mula diperlukan pindaan ini. Sebab Artikel 40 telah berkata dan ternyata bahawa Raja-Raja kita menggunakan kuasa daripada nasihat Kerajaan dan sekarang kita balik semula dalam pindaan ini kepada keadaan sebelum pindaan 1983. Pada pandangan saya, pindaan demi pindaan hanya akan membawa kepada satu keraguan di kalangan rakyat sahaja. Saya bukan mendakwa pindaan 1983 tidak difikirkan dengan sedalam-dalamnya, tetapi kalau fahaman yang sedalam-dalamnya telah diperolehi sebelum berlakunya pindaan ini, mungkin ini tidak timbul. Saya bersetuju daripada pindaan yang berbunyi, kalau "Money Bill" kalau tidak diperkenan dalam tempoh 30 hari terus jadi undang-undang.

Tuan Yang Dipertua, pada fahaman saya kalau undang-undang "Money Bill" tidak terus menjadi undang-undang dalam tempoh masa yang ditentukan, maka negara kita hanya akan dapat "stand-still" dalam semua pentadbiran. Kita tidak dapat membayar untuk perkhidmatan dan juga tidak dapat mengutip cukai dan revenue. Ini adalah benar. Saya bersetuju sekali dengan pindaan ini dan pindaan ini adalah waras walaupun kita terpaksa pinda Undang-undang Perlembagaan untuk membawa kepada kuasa ini. Kalau kita pandang daripada Akta di United Kingdom 1919 itu, hanya dibawa dari segi undang-undang sahaja tidak dari segi pindaan Perlembagaan.

Akhirnya, bagi pihak saya, saya tahu bahawa Kerajaan adalah mempunyai jentera dan kakitangan yang banyak dan tokoh-tokoh pemimpin kita yang matang dan waras bahawa apa yang telah dibawa kepada Dewan ini daripada persetujuan mereka dan telah pun difikirkan

sedalam-dalamnya maka kalau ada keraguan daripada pihak saya sendiri dari segi yang saya sebutkan tadi keraguan itu boleh diselesaikan pada masa akan datang menggunakan tenaga dan kebijaksanaan pihak pemimpin. Sebelum saya mengakhiri, bagi pihak saya, saya menyokong pindaan ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENAGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1984 telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1984 telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat dari Jelutong.

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1984

Bacaan Kali Yang Kedua

Perbahasan disambung semula

6.18 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, nampaknya kita telah meminda Perlembagaan ini lebih daripada meminda undang-undang biasa. Kerajaan tidak memberi perhatian dengan serius kepada Perkara 4 Perlembagaan yang menentukan bahawa Perlembagaan kita adalah undang-undang muktamad bagi negara kita.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam buku beliau, dengan izin, "The Malay Dilemma" ada menyatakan:

"The manner, the frequency, the trivial reasons for altering the Constitution reduced this supreme law of the nation to a useless scrap of paper."

Tuan Speaker, pindaan-pindaan di hadapan kita adalah sama dengan pindaan-pindaan dalam Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1983, kecuali pindaan-pindaan itu diluluskan oleh 2/3 brute majority dalam Parlimen dalam bulan Ogos tahun lalu dengan cara sulit dan orang-orang awam tidak ketahui.

Tuan Speaker, nampaknya Kerajaan hendak mengulang perangai mereka lagi pada kali ini hari ini. Salinan-salinan Rang Undang-undang hanya diedar kepada Ahli-ahli Parlimen pada hari Jumaat lalu apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam beberapa bulan ini bertengkar dengan Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu meninggalkan keutamaan rakyat. Tuan Speaker, jika rakyat itu lebih

penting apakah sebab mereka tidak diberitahu pindaan-pindaan penting kepada Perlembagaan Persekutuan yang bukan undang-undang biasa.

Tuan Speaker, mereka yang cakap dengan hati yang ikhlas diserang oleh Kerajaan seperti contoh Yang Berhormat Menteri Penerangan menyerang Tan Sri Dr Tan Chee Khoo baru-baru ini dalam hal isu pindaan-pindaan Perlembagaan. Tuan Speaker, bekas Perdana Menteri kita Tunku Abdul Rahman juga diserang oleh Menteri-menteri dalam hal pendapat beliau dalam perkara pindaan-pindaan yang diluluskan pada tahun lalu.

Tuan Speaker, pindaan-pindaan itu mencadangkan membuat perubahan besar kepada struktur asas Perlembagaan itu. Saya setuju Perlembagaan itu bukanlah satu dokumen statik tetapi satu dokumen yang berjiwa dan berpatuh kepada suasana sekitar. Tetapi pengasas Perlembagaan kita mensisipkan beberapa perkara yang tidak boleh diubahsuaikan. Jika pindaan-pindaan hendak dihindar tidakkah patut perkara itu ditimbang dengan serius.

Tuan Speaker, malulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membawa pindaan-pindaan ini ke Parlimen lagi sekali selepas beliau mendapat majoriti 2/3 dalam hal kelulusan perkara ini lima bulan dulu.

Tuan Speaker, terus terang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu tidak dapat sokongan dari ahli-ahli partinya sendiri atau parti-parti lain dalam Barisan Nasional. Beliau telah mengaku dalam cara am ada juga musuh-musuh dalam selimut yang hendak mengkhianati Kerajaan dalam isu pindaan-pindaan Perlembagaan. Apakah sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tiada mencari rakyat

apabila beliau menghadapi masalah-masalah dengan Raja-Raja Melayu? Pada pendapat saya krisis Perlembagaan yang diterbitkan dalam akhbar-akhbar antarabangsa membawa negara kita ke peringkat orang-orang lain ketawa. Perkara yang menjadi lawak jenaka apabila Ahli-ahli Parlimen yang menyokong pindaan-pindaan itu lima bulan dahulu hendak meminda pindaan-pindaan itu lagi sekali.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan konsep Perlembagaan adalah tanda keutamaan Parlimen akan dikekalkan dalam peringkat Federal dengan mencadangkan pindaan kepada Perkara 66. Dengan pindaan kepada Fasal (4B) Rang Undang-undang itu dan dengan menghidupkan semula Jadual Kelapan asal terdapatnya satu keadaan dalam mana tiada Raja Berperlembagaan dan keutamaan Parlimen di peringkat negeri. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersedia membenarkan Perkara 150 mengambil tempat asal sebelum pindaan-pindaan Ogos tahun lalu.

Mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terdapatnya beberapa orang Raja di peringkat negeri mengganggu pentadbiran negeri pada masa-masa lampau. Tiada seorang Agong yang menyusahkan Kerajaan. Dengan sebab itu sukar hendak memahami rational Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengekalkan kedudukan asal di peringkat negeri sebelum pindaan-pindaan dibuat pada bulan Ogos yang lalu.

Tuan Speaker, pada pendapat saya memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk merujuk Rang Undang-undang kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah bercanggah dengan konsep keutamaan Parlimen. Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa kekeliruan dalam Perlembagaan yang menyebabkan pindaan-pindaan yang diluluskan pada tahun lalu.

Dalam satu temuduga dengan *Malaysian Business*, dengan izin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan seperti berikut:

“To us it was always the clarification, not an acquisition of new powers because according to legal advice and also to the authorities it was apparent that the signing of a Bill is actually a duty and a formal duty at that.”

Tuan Speaker, adakah Kerajaan menyatakan sekarang satu tanggungjawab seperti itu satu formal duty boleh diharapkan dari Yang di-Pertuan Agong tetapi tiada boleh diharapkan Raja-Raja di peringkat negeri apabila peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Negeri-negeri itu sama.

Tuan Speaker, Kerajaan tiada lain jalan kecuali membawa hujah-hujah untuk menjustifikasikan kelulusan Rang Undang-undang ini. Dengan izin, the Government will always have to blow hot and cold in this issue.

Tuan Speaker, parti saya Parti DAP menentang pindaan-pindaan itu pada bulan Ogos yang lalu dengan sebab pindaan itu tidak patuh kepada Perlembagaan itu. Tiada sebab DAP menjadi golongan anti Raja-Raja. Dalam temuduga dengan *Malaysian Business*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan DAP tiada taat setia kepada Raja-Raja. Dengan izin,

“In fact it has been critical, particularly Mr Karpal Singh, of the Rulers, as evidenced by this letter to me.”

Tuan Speaker, saya mengambil peluang ini untuk membetulkan salah fahaman Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri dalam hal isi kandungan surat saya bertarikh 3hb Disember, 1982. Tuan Speaker, saya di sini merujuk kepada surat itu, dengan izin.

“The Honourable the Prime Minister,
Prime Minister’s Department,
Kuala Lumpur.

Dear Sir,

Re: Alleged Assault by the Sultan of Johore and the Tengku Mahkota of Johore on Tengku Abdul Muis Shah bin Tengku Haji Abdul Aziz, Encik Sheikh Shazlan bin Sheikh Bakar, Tengku Bongsu Putra bin Tengku Haji Abdul Aziz and Encik Mohd. Hassan bin Mohd. Khalid at the Istana Iskandariah, Johore Bahru on 22-4-82 at about 11.30 p.m.

I refer to the above and forward herewith three Affidavits which succinctly explain the position. I understand investigations are proceeding in respect of police reports lodged by Tengku Abdul Muis Shah bin Tengku Haji Abdul Aziz, Encik Sheikh Shazlan bin Sheikh Bakar, Tengku Bongsu Putra bin Tengku Haji Abdul Aziz and Encik Mohd. Hassan bin Mohd. Khalid.

What is manifestly clear to my mind is the viciousness of the attack on citizens by a Ruler and his son in the presence of police officers who do not appear to have lifted a finger to stop the Sultan of Johore and his son from the assault. Whether an offence has been committed by those who were being assaulted was irrelevant to the Sultan and his son perpetrating criminal offences against the victims. There appears to be no reason to doubt the truth of the contents of the Affidavit affirmed by Tengku Abdul Muis Shah.

It could well be that the Police were afraid of the Sultan and the Tengku Mahkota, but what stands out as clear as a pipe stuffed is the fact they had a duty to perform and they miserably failed to do so resulting in what can only be termed to be scandalous. What protection has a citizen against assaults on him by a Ruler?

The Federal Constitution provides in the terms of Article 181 (2) that “No proceedings whatsoever shall be brought in any court against the Ruler of a State in his personal capacity.” What then are the rights of a citizen placed under those circumstances? Where there is a wrong there must, and ought to be, a remedy.

I would be most grateful if you could kindly consider the matter with a view to ensuring that justice is done. An injustice is a most painful thing.”

Tuan Speaker, terus terang dari membaca isi kandungan surat itu serangan atas dua orang kerabat Diraja Pahang dan dua orang kebanyakan oleh Sultan Johor dan Tengku Mahkota Johor ialah perkara terlibat. Raja-raja lain tidak disebutkan.

Dalam konteks surat saya, Tuan Speaker, tidak patut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil kesempatan menyerang DAP dan melebelkan kami sebagai satu golongan anti-Raja. DAP tidak takut membela mana-mana satu prinsip apabila perlu.

Parti saya tiada sokong pindaan-pindaan bulan Ogos lalu dengan sebab pindaan yang tersebut bercanggah dengan Perkara 38 (4) Perlembagaan yang berbunyi, dengan izin:

“No law directly affecting the privileges, position, honours or dignities of the Rulers shall be

passed without the consent of the Conference of Rulers.”

Tuan Speaker, saya juga bimbang jika pindaan kepada Perkara 66 telah mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu, Kerajaan mesti menjelaskan. Nampaknya, compromi 15hb Disember, 1983 tiada dapat persetujuan Raja-Raja Melayu, DYMM Sultan Johor dan DYMM Sultan Kelantan tiada setuju.

Tuan Speaker, krisis Perlembagaan yang kita menjalani baru-baru ini adalah satu krisis yang serius dan kami mesti bersyukur kepada Tuhan, kami dapat mengawal krisis ini. Saya harap Kerajaan mengawasi perkara begini, Perlembagaan kita mesti dihormati oleh semua termasuk Raja-Raja.

Tuan Speaker, pindaan bagi Perkara 66 tiada menghormati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jika Yang di-pertuan Agong pulangkan satu Bil untuk dikaji semula oleh Parlimen dengan sebab-sebab dan jikalau sebab-sebab itu tidak diterima oleh Parlimen bererti Parlimen menghina Yang di-Pertuan Agong. Ini boleh menjadi satu undi tidak percaya atas Yang di-Pertuan Agong. Ini akan membawa satu krisis baru, Kerajaan mesti memandang dengan serius perkara yang penuh dengan bahaya ini.

Tuan Speaker, baik juga jika Kerajaan timbang mengadakan satu referendum, dengan izin, bagi menentukan isu ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga memberi ucapan kepada orang ramai dalam hal ini beberapa kali baru-baru ini.

Tuan Speaker, perkara penting seperti ini hendaklah dibawa di kalangan rakyat, bukan sahaja dibahaskan oleh wakil-wakil yang kita pilih, hasil perkara ini boleh membawa satu akibat yang amat penting. Saya berharap pindaan-pindaan yang

dicadangkan bagi Perkara 66 akan dimansuhkan untuk memulihkan keadaan sebelum Ogos, 1983.

Tuan Speaker, kedudukan DAP adalah sama dengan kedudukan kita pada bulan Ogos tahun 1983 atas perkara pindaan-pindaan yang dicadangkan. Dengan mengendalikan Bil ini, nampaknya Kerajaan telah mengambil perhatian atas perbincangan-perbincangan kami dalam Dewan ini pada bulan Ogos tahun lalu dan cuba meminda dengan cara besar-besaran pindaan-pindaan yang dibentangkan pada bulan Ogos tahun lalu.

Tuan Speaker, pendapat saya ialah Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada hak moral untuk memerintah negara ini lagi, dengan sebab itu patutlah beliau meminta lagi sekali mandat dari rakyat untuk memerintah negara ini.

6.35 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1984.

Pada 1hb hingga 3hb Ogos tahun yang lepas semasa Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1983 didebatkan di Dewan ini, tidak ramai penyokong-penyokong Kerajaan terutamanya ahli-ahli UMNO yang merebut peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang itu. Walaupun perkara-perkara yang dibangkitkan semasa itu adalah terpenting kepada rakyat dan negara, sikap pekak, bisu ini merupakan satu kegagalan mengamalkan kewajipan Wakil-wakil Rakyat.

Pada mulanya, Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berlagak dengan sikap yang angkuh

dan terlalu yakin diri dan mengeneipkan sahaja cadangan pihak kami. Pada 11hb Oktober beliau sanggup mengatakan di Dewan yang mulia ini bahawa beliau tidak menyedari ada wujudnya sebarang krisis Perlembagaan di negara ini. Akan tetapi walaupun Kerajaan telah berikhtiar untuk menyembunyikan isu Perlembagaan ini dari 1hb Ogos hingga 10hb Oktober tahun lepas, lama kelamaan krisis ini beransur-ansur telah menjelma daripada kerahsiaan yang menyelubunginya.

Golongan yang terpelajar telah berusaha untuk mendapatkan penerangan mengenainya dan Setiausaha Agung Parti kita telah mengeluarkan satu risalah bernas mengenainya dan saya juga sentiasa ditanya di dalam forum-forum di universiti-universiti semenjak 6hb Ogos mengenai perkara pindaan ke atas Perlembagaan dan walaupun saya mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat telah mengambil tindakan dengan tergopoh-gapah.

Selain daripada itu sayalah yang menerangkan keadaan ke atas Perkara 66 (5) dan Perkara 150—tidak langsung, kecuali saya mengatakan tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu adalah terlalu teragak-agak, lain itu dengan terusterang datang daripada pindaan-pindaan ini, dan ada wakil daripada UMNO juga di banyak seminar dan forum yang saya hadiri bersama dengan mereka boleh mengesahkan dengan pihak di sini ada daripada salah satu orang itu ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Speaker, saya hendak menekankan bahawa keputusan rakyat mesti diakui dan diterima. Di dalam sebuah negara demokrasi Parlimen kita terpaksa menentukan apa yang dimaksudkan dengan

perkataan rakyat yang mesti meliputi kesemua warganegara dari semua lapisan masyarakat dan bukan satu golongan kepentingan sahaja. Jika ia merupakan keputusan rakyat ia sebenar, yang tidak boleh dinafikan oleh barang siapa yang berkuasa termasuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Yang Amat Berhormat telah menonjolkan keangkuhannya dengan menganggap bahawa oleh kerana 80% wakil-wakil terpilih adalah anggota-anggota Barisan Nasional, maka 80% daripada rakyat Malaysia menyokong beliau dalam isu Perlembagaan ini. Ada juga yang mengatakan 100% dengan cara yang tidak sah. Dakwaan ini adalah tidak benar oleh kerana dua sebab.

Yang pertama, cara bagaimana wakil-wakil dipilih dan sempadan-sempadan kawasan pilihanraya ditentukan tidak menggambarkan suatu perwakilan rakyat yang adil dan saksama.

Yang kedua, keputusan pilihanraya tahun 1982 yang telah memberikan suatu kemenangan yang cemerlang kepada Kerajaan Barisan Nasional hanya bermakna bahawa Kerajaan yang ditubuhkan adalah sah. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna bahawa Kerajaan diberikan satu blank cheque, dengan izin, untuk menggubal dasar-dasar dan Rang Undang-undang tanpa dirujuk kepada rakyat yang melantikkan.

Tuan Yang Dipertua, keazaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menunjukkan sokongan rakyat di seluruh negara telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dan

Yang Berhormat dari Jelutong tadi. Pada pendapat saya berita-berita dan perhimpunan-perhimpunan yang disiarkan di dalam media massa mungkin boleh dikatakan "Mahathir/Musa", Radio dan Televisyen "Mahathir/Musa" dan Utusan "Musa", jadi kesemuanya memuatkan berita-berita daripada Kerajaan sahaja. Daripada pihak yang lain, termasuk pihak Raja-raja kalau adapun sedikit sahaja. Inilah suatu tidak keadilan.

Tuan Yang Dipertua, setelah pindaan Perlembagaan, 1983 diperkenan dan disetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada jam 12.20 petang pada 15hb Disember yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih mahu menunjukkan kebolehan untuk mengerah sokongan rakyat. Perbuatan ini adalah tidak menasabah memandangkan beliau sendiri telah menjelaskan bahawa krisis Perlembagaan telah diselesaikan. Kalau diselesaikan, buat apa mengerahkan sokongan rakyat lagi? Krisis Perlembagaan yang telah berlaku telah melibatkan semua lapisan masyarakat

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, kalau beri jalan.

Tuan Yang Dipertua: Ya, beri jalan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Sudah dua orang Ahli daripada DAP menyebutkan tentang rapat-rapat umum yang diadakan untuk menyokong Kerajaan. Saya nampak pihak DAP takut benar dengan rapat umum ini. Adakah oleh kerana mereka bimbang bahawa makin banyak rapat umum ini diadakan akan makin merosot sokongan rakyat terhadap DAP dan adakah pihak DAP mahu pihak parti kita ini duduk diam

sahaja? Ini cara kita hendak dapatkan sokongan rakyat kepada parti dan DAP tak patut campurtangan dalam urusan parti kita.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat dari Ulu Terengganu ini dia ada menonjolkan kebolehan juga dengan 3 kali sudah berdiri untuk mengecam kita. Nampaknya pihak yang lain tidak berminat lagi.

Tuan Yang Dipertua, prinsipnya ialah kalau parti UMNO diberikan peluang untuk mengadakan rapat umum mengapa pihak yang lain seperti DAP tidak dapat kebenaran untuk mengadakan rapat umum raksaksa? Inilah satu prinsip Barisan Nasional yang bermuka dua.

Tuan Yang Dipertua, krisis Perlembagaan yang kononnya telah diselesaikan itu melibatkan

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, minta jalan.

Tuan Yang Dipertua: Ya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Di Sarawak pihak parti DAP sudah diberi segala kebebasan untuk berjumpa dengan rakyat menjelaskan apa yang hendak dijelaskan oleh DAP. Saya hendak betulkan angka 11 tadi, yang sebenarnya 8, semuanya hilang kerusi juga (*Tepuk*), apa lagi hendak buat?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, kita mencuba hendak membahaskan mengenai hal Perlembagaan (*Ketawa*), tetapi saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat dari Ulu Terengganu itu, saya hendak tahu sama ada dia ada di kawasan Sarawak menyaksikan dengan sendiri cara berkempen dan sebagainya, dia tidak ada. Di dalam kempen-kempen itu, terutama oleh

pihak SUPP yang sokong Kerajaan di sini, tetapi di situ saya tidak dengar sesiapa pun pihak SUPP berucap dalam Bahasa Malaysia walhal saya yang ada berucap dalam Bahasa Malaysia (*Ketawa*). Salah satu sebab ialah kerana DAP tidak dapat peluang untuk mengadakan rapat umum.

Tuan Alias bin Md. Ali: Minta jalan.

Tuan Yang Dipertua: Ya, minta jalan sekali lagi.

Tuan Alias bin Md. Ali: DAP kalau dia kalah, dia akan menyalahkan Kerajaan kerana tak beri peluang mengadakan rapat umum kerana Kerajaan menggunakan jentera Kerajaan dan sebagainya, tetapi kalau dia menang di Seremban tak timbul semuanya itu (*Ketawa*).

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, kita berkali-kali sudah membangkitkan hal rapat umum dan sekali lagi saya bangkitkan hal rapat umum

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat, ada seorang lagi yang bangun minta jalan. Minta jalan juga?

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang Dipertua. Salah satu sebab kenapa rapat umum tidak dibenarkan ialah kerana Kerajaan takut kalau-kalau ia akan menimbulkan huru-hara. Saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong selama 5 rapat umum yang telah diadakan adakah DAP pernah mendengar perkara-perkara yang tidak baik ataupun huru-hara timbul daripada umum yang telah pun diadakan sebanyak 5 kali.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, kalau DAP dibenarkan mengadakan rapat umum raksaksa saya boleh menjamin tidak akan ada huru-hara (*Ketawa*).

Tuan Alias bin Md. Ali: Minta jalan, Tuan Yang Dipertua. Kita telah beri kebebasan kepada DAP buat tunjuk perasaan pada 12 Mei, 1969, akibahnya 13 Mei Pertumpahan Darah di Kuala Lumpur (*Tepuk*).

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, pihak Yang Berhormat dari Ulu Terengganu ini nampaknya susah hendak saya (*Ketawa*) kerana dia ini tak faham juga mengenai peristiwa 13 Mei, tetapi tak kosong, ada banyak di dalamnya, cuma kerana ada isu-isu sensitif juga tak dapat disebutkan buat masa ini, tetapi masa sahaja dapat menentukan kebenaran yang berlaku semasa peristiwa 13 Mei apabila sejarah yang sebenarnya dibongkarkan.

Tuan Yang Dipertua, krisis Perlembagaan yang telah berlaku telah melibatkan semua lapisan masyarakat Malaysia, bukan golongan UMNO dan Raja-raja sahaja sepertimana yang dilihat daripada perbincangan-perbincangan di kampus-kampus universiti, kedai-kedai kopi, Jabatan-jabatan Kerajaan dan sebagainya. Saya sendiri ditanya walaupun di setengah Jabatan Kerajaan ataupun di kedai-kedai kopi, akan tetapi amalan pihak UMNO adalah anih dan menghairankan, seolah-olah golongan atasan UMNO sahajalah yang membentuk rakyat dan Kerajaan di negara ini.

Misalnya pada 20hb November yang lepas Wakil-wakil UMNO sahaja dihantar ke Istana Bukit Kayangan untuk membincangkan krisis ini dengan pihak Raja-raja, tidak ada wakil dari Parti-parti Komponen

Barisan Nasional yang lain atau dari Parlimen yang mengikuti rombongan ini walaupun pindaan Perlembagaan telah dibahaskan dan diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa melaung-laungkan bahawa Parlimen adalah teragung. Saya setuju dengan dia dengan perkataan ini akan tetapi ia tidak diagungkan langsung.

Tuan Yang Dipertua, kita dengar ucapan-ucapan daripada Ketua-ketua Parti-parti Komponen Barisan Nasional tadi menyokong Yang Amat Berhormat tetapi nampaknya dari bukti yang saya beri tadi kuasa yang sebenarnya di dalam Barisan Nasional ini ialah UMNO, UMNO sahajalah yang menjadi Kerajaan. Cuma hari ini hendak tunjukkan, tunjukkan rupa bentuk sahaja tetapi yang sebenarnya bukan, cuma untuk penonjolan sahaja.

Seorang pakar Perlembagaan George Biddow pernah mengatakan bahawa nasib baik buruk sesebuah negara bergantung kepada tiga faktor Perlembagaan, cara Perlembagaan itu digubal untuk dilaksanakan dan kehormatan yang ia mendorong, akan tetapi mengikut Perdana Menteri pada 3hb Disember, 1983 Parlimen akan sentiasa agung, keagungan Parlimen boleh mengambil beberapa bentuk dan satu daripada bentuk-bentuk ini mungkin sesuai!

Pada 7hb Januari pula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bahawa keputusan dan kehendak rakyat sepatutnya sentiasa diagungkan. Beliau juga telah mengatakan bahawa rakyat akan menentukan nasib rakyat. Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Besar dan Wakil-wakil Rakyat datang dari rakyat dan akan pulang kepada rakyat kerana bekehendakkan cara itu kita memilih

sistem demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan supaya kuasa diletakkan kepada rakyat yang bertindak menerusi sistem pengundian.

Tuan Yang Dipertua, saya telah meneliti ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya berharap semangat dan maksud sebenarnya dapat dilaksanakan buat selama-lamanya. Akan tetapi saya boleh memberi beberapa umpamanya yang tertentu untuk membuktikan bahawa semangat dan ertikata keagungan Parlimen tidak dipatuhi.

Yang pertama, semua rakyat dan Raja-raja menerima hakikat keagungan Parlimen akan tetapi cara pindaan-pindaan Perlembagaan tahun lepas dibentangkan adalah tergopegapah. Itulah pendapat saya dan tidak sejajar dengan masyarakat yang terbuka dan liberal. Unsur perundingan dan musyawarah tidak wujud dan jika wujud tidak dapat diperlihatkan.

Tuan Yang Dipertua, mengenai pindaan pada Perkara 66 (5) sebelum pertengahan bulan Oktober tahun lepas ini dirahsiakan. Wakil-wakil Rakyat hanya memperoleh naskah Rang Undang-undang ini pada 29hb Julai tahun lepas dan kali ini hanya pada 6hb Januari barulah kita dapat satu naskah untuk pindaan tahun ini. Ini tidak munasabah. Saya pernah mencadangkan bahawa baik kita ada satu bulan diperuntukkan masa untuk satu bulan dan dibukakan kepada rakyat untuk meneliti, untuk membuat teguran-teguran dan sebagainya dan rakan-rakan saya sudah membangkitkan hal Yang Berhormat Menteri Penerangan mengecam Tan Sr Dr Tan Chee Khoo dan Tunku Abdul Rahman. Saya percaya ini adalah tidak patut kerana saya hendak menanya di sini. Apakah yang

dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan dengan perkataan demokrasi, bukankah salah satu inti demokrasi ialah hak bantahan (the right of dissent). Jadi, saya berharap pihak Kerajaan dan Menteri-menteri termasuk Menteri Penerangan meneliti ertikata dan pengertian demokrasi itu (the right of dissent), janganlah kita rahsiakan hal ini dan apabila timbulnya krisis Perlembagaan, kita pergi kepada rakyat untuk mendapat sokongan.

Tuan Yang Dipertua, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dan dari Jelutong, pihak DAP telah mengambil keputusan untuk menentang pindaan kepada Perkara 66 (5) oleh kerana ini memberikan seorang Raja berperlembagaan hak untuk menunda dan mengkaji semula perundangan. Ini adalah tidak sejajar dengan prinsip keangungan Parlimen.

Saya difahamkan bahawa Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan 1983 tidak dibincang di dalam Majlis Tertinggi UMNO. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong cuma diberi taklimat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Raja-Raja yang lain tidak diberi tahu mengenai pindaan kepada Perkara 66 (5) serta Jadual Kelapan.

Yang kedua, pada bulan Oktober apabila krisis ini berada pada kemuncaknya, Kerajaan 2M menambahkan kekeliruan rakyat dengan siaran media massa yang berat sebelah.

Yang ketiga, media massa itu tidak menunjukkan freedom of press. Walaupun saya bersetuju dengan satu sikap Yang Amat Berhormat bahawa freedom itu bukan dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang Dipertua, mengenai pindaan ke atas Perkara 150, hari ini perkara ini telah dimansuhkan. Saya setuju dengan langkah ini satu langkah yang betul tetapi ia tidak memadai. Saya berharap Yang Amat Berhormat dapat mempertimbangkan sama ada pindaan Perkara 150 tahun 1981 boleh dimansuhkan juga.

Tuan Yang Dipertua, kuasa mengisytiharkan darurat hendaklah tertakluk kepada keputusan Parlimen dan boleh dicabar dalam mahkamah seperti Perkara 150 yang asal. Jadi sebarang keterlaluan dan penyalahgunaan kuasa semasa darurat boleh diteliti dalam Mahkamah Undang-undang. Kami dalam DAP telah berkali-kali membangkit-bangkitkan keempat-empat perisytiharan darurat di negara kita yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Pada pendapat saya keempat-empat perisytiharan darurat ini hendaklah dimansuhkan dengan serta merta.

Kita menuntut supaya Kerajaan patut mengkaji semula keadaan kuasa-kuasa darurat di negara ini. Antara kuasa-kuasa yang diperuntukkan secara tidak langsung oleh Perkara 150 Perlembagaan adalah diakui bahawa yang paling penting ialah kuasa pihak Perundangan dan Eksekutif untuk membentuk Undang-undang yang berlawanan dengan Perlembagaan.

Akta 10 tahun 1960 atas Perkara 150 telah mengubah Fasal (3) Perkara 150 yang asal. Pada asalnya perisytiharan darurat mempunyai kesahan untuk jangka masa dua bulan sahaja dan suatu Ordinan darurat akan dibubar 15 hari selepas tarikh Parlimen bersidang. Pindaan 1960 telah bermakna bahawa perisytiharan darurat dan Ordinan darurat akan dibubar hanya sekiranya ia dibatalkan.

Akta 26, 1963 pula meluaskan skop Perkara 150 di mana syarat untuk mengisytiharkan darurat telah diluluskan.

Pindaan tahun 1981 pula telah menarik balik kuasa Perundangan untuk mengkaji semula sesuatu perisytiharan darurat dan memusatkan kuasa di atas pihak Eksekutif daripada masa sekarang pihak Eksekutif mempunyai terlalu banyak kuasa ke atas perisytiharan darurat.

Semasa keenam-enam tunjuk-tunjuk perasaan di Alor Setar, Bagan Datok, Batu Pahat, Melaka, Seremban dan Pelabuhan Kelang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak patut memberikan ucapan berkobar-kobar kerana keadaan begitu boleh dieksploitasikan oleh anasir-anasir subversif yang boleh mendatangkan bahaya (*Ketawa*). Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, Perlembagaan kita

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya wakil daripada Kepong ini, dengan mengeluarkan perkataan "tunjuk perasaan", adakah beliau sedar bahawa rakyat yang berkumpul menyambut Perdana Menteri itu bukan hendak menunjuk perasaan? Rakyat menunjukkan sokongan kepada Perdana Menteri yang begitu bersabar, keteguhan imannya diuji bukan hendak tunjuk perasaan. Saya harap perkataan tunjuk perasaan itu jangan digunakan. Tarik balik (*Ketawa*).

Inilah sebabnya Kerajaan tidak membenarkan DAP membuat sebagaimana yang Kerajaan dan parti kami buat. Parti DAP ini hendak menghasut, hendak tepuk tangan, biar Perdana Menteri kita ini, atau Kerajaan kita ini, Parlimen kita ini bergaduh dengan Raja-Raja. Ini hasrat DAP. Janganlah bercakap di dalam Dewan yang mulia ini ambil sedap sahaja.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat, adakah pertanyaan apa yang hendak ditanya itu? (*Ketawa*).

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, saya tidak berhajat hendak memberi ucapan, tetapi menggunakan tunjuk perasaan ini seolah-olah kami parti memerintah ini hendak menunjuk perasaan. Tidak sama sekali. Rakyat ingin menunjukkan sokongan kepada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kabinet kami ketahanan keimanannya menghadap ujian Perlembagaan ini tidak akan terjejas. Janganlah DAP berharap bahawa negara ini akan hancur dengan isu ini. Bahkan lebih besar daripada ini pun boleh menghadapi.

Tuan Yang Dipertua: Saya ingat sudah cukuplah itu. Sila teruskan Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat tadi itu telah menunjukkan perasaannya. (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua: Seorang lagi Ahli Yang Berhormat minta penjelasan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Minta penjelasan. Dalam ucapan Yang Berhormat daripada Kepong juga ucapan Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi beberapa kali menyebutkan yang mereka ini takut kepada perisytiharan darurat yang diadakan dan juga undang-undang darurat yang diadakan itu.

Jadi apakah yang DAP ini takut dengan adanya Undang-undang darurat itu, dan apakah kalau undang-undang darurat ini tidak ada, DAP bercadang untuk membuat satu perkara yang tidak baik. Jadi sebab itulah kemungkinan yang DAP takut

adanya empat undang-undang darurat sebagaimana yang disebut oleh Ketua Pembangkang juga oleh wakil dari Kepong tadi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, memang Yang Berhormat dari Pasir Puteh ini berulang-ulang dengan hujahnya beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Cuma bolehlah dapat kita kalau beliau berkehendak, kita membincang dengan teliti di luar Dewan ini boleh juga (*Ketawa*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Penjelasan kepada saya, saya tidak berapa faham. Jadi saya tidak pernah ulang perkara ini tetapi pembangkang kedua-duanya, Ketua Pembangkang dan juga wakil daripada Kepong telah dua kali menyebutkan minta Kerajaan membatalkan empat undang-undang darurat ini.

Jadi kalau undang-undang ini dibatalkan, apakah hasrat DAP pula dia belum lagi memberikan jawapan kepada pertanyaan saya, ataupun penjelasan yang saya ingin tahu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, bolehlah saya rujukkan kepada ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya berharap pihak Yang Berhormat daripada Pasir Puteh itu dapat membaca dengan teliti, mengamalkan dan melaksanakan dan diperlihatkan juga.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Dia tidak boleh jawab. (*Ketawa*).

Dr Tan Seng Giaw: Yang pertama, keagungan Perlembagaan dan keagungan Parlimen. Yang kedua, Demokrasi Berparlimen, kerana ini mengandungi kebebasan hak-hak asasi. itulah hakikatnya.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, Perlembagaan kita merupakan satu perjanjian antara tiga pihak. Jadi peruntukan-peruntukan asal Perlembagaan tidak patut diubah dengan sewenang-sewenangnya melalui proses pindaan walaupun Barisan Nasional menafikannya, menurut H. P. Lee dalam Artikelnya, Proses Perubahan Perlembagaan Malaysia, jika kita mengamalkan pepatah Inggeris yang mengatakan bahawa suatu Perlembagaan yang kukuh dapat dipecahkan dengan izin, Tuan Yang Dipertua, "A Constitution which cannot bend will be broken." Maka kita juga harus sedar yang Perlembagaan yang terlalu mudah dipinda, mungkin menghasilkan keadaan yang lebih buruk daripada tidak mempunyai Perlembagaan langsung. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Buat penghabisan.

7.09 mlm.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, sebagai wakil bagi Nibong Tebal saya bangun untuk mengambil bahagian sedikit dalam perbahasan ini. Sebenarnya saya tidak merancang hendak berucap, akan tetapi selepas mendengar kritik Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa sokongan-sokongan yang dibuat tadi oleh Ketua-ketua parti komponen Barisan Nasional selain daripada UMNO, cuma satu ketonjolan sahaja, cuma satu show.

Tuan Yang Dipertua, kritik itu tidak beralasan kerana seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum sepanjang masalah ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa berunding dengan Jemaah Menteri dan dalam Jemaah Menteri parti-parti komponen Barisan Nasional ada perwakilan dan wakil-wakil parti komponen Barisan Nasional rujuk

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepong berdiri minta jalan.

Dr Goh Cheng Teik: Saya tak kasi jalan.

Tuan Yang Dipertua: Dia tak kasi jalan (*Ketawa*).

Dr Goh Cheng Teik: Maafkan saya dipengaruhi oleh bahasa Kedah. Tuan Yang Dipertua, jadi wakil-wakil parti-parti komponen dalam Jemaah Menteri sentiasa rujuk balik, sentiasa buat konsultasi dengan pemimpin-pemimpin parti-parti komponen dalam Barisan Nasional. Jadi dengan cara melalui Jemaah Menteri, parti-parti komponen Barisan Nasional telah mengambil bahagian dalam penyelesaian masalah ini.

Berkenaan dengan soal kenapa wakil-wakil parti-parti komponen lain selain daripada UMNO tidak mengambil bahagian dalam rundingan yang diadakan di Istana Bukit Kayangan, Ahli Yang Berhormat tentulah faham bahawa isu ini adalah satu isu yang sensitif dan dari segi strategi dianggap paling sesuai Barisan Nasional diwakili oleh wakil-wakil daripada UMNO sahaja.

Jadi itulah sahaja penjelasan saya dan saya turut menyokong pindaan ini. Terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Saya meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab.

7.13 *mlm*.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya akan cuba

menjelaskan perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat yang mula-mula sekali bercakap dari parti Pembangkang ialah dari Kota Melaka dan seperti juga rakan-rakannya dari Jelutong dan Kepong. Saya dapati bahawa mereka agak confused, masih kepala pusing kerana kalah (*Ketawa*)—(*seorang Ahli Yang Berhormat: groggy*)—kalah di Sarawak. Jadi oleh kerana itu, saya maafkan mereka (*Ketawa*) kerana tidak faham apa yang mereka katakan sendiri, bukan apa yang saya kata dia tak faham, apa yang dia kata sendiri pun dia tak faham. Sebabnya saya kata begitu ialah oleh kerana kata Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sebenarnya di dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan, Raja berperlembagaan itu tidak mempunyai "constitutional will", bermakna dia tidak mempunyai hak sama sekali untuk menolak apa-apa undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen yang berkuasa. Ini menimbulkan dua soalan. Kalau dianya tidak mempunyai kuasa untuk menolak, maka itu sudah tentu tidak merupakan satu keistimewaan kepadanya. Keistimewaan bermakna dia mempunyai kuasa tetapi dianya tidak mempunyai kuasa. Bermakna dianya tidak mempunyai keistimewaan, bermakna kita tidak mengambil sesuatu apa pun daripada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi tidak tepatlah kalau dikatakan kita telah mengambil kuasa dan oleh kerana itu kita perlu merujuk perkara ini kepada Majlis Raja-Raja terlebih dahulu, cuma dengan perkara-perkara yang menyentuh kedudukan, keistimewaan dan lain-lain yang disebut dalam Artikel 38 sahaja yang perlu kita rujuk kepada

Majlis Raja-Raja. Tetapi berkenaan dengan perkara ini mereka sendiri mengakui bahawa ini bukan hak bagi Yang di-Pertuan Agong kerana Yang di-Pertuan Agong tidak mempunyai constitutional will.

Yang keduanya, saya kurang faham kenapa kalau mereka berpendapat bahawa sebenarnya Artikel 66 (5) ini menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak mempunyai hak dan mesti menerima nasihat daripada Kerajaan melalui mana-mana menteri? Kenapakah di waktu kita membahaskan dalam bulan Ogos yang mana kita telah membuat pindaan yang berkata bahawa selepas 15 hari maka undang-undang itu hendaklah dianggap sebagai sah, pada ketika itu mereka menentang peruntukan ini tanpa berkata bahawa tentangan mereka ialah oleh kerana sebenarnya ini tidak perlu, mereka cuma menentang terus pindaan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan. Kalau YAB Perdana Menteri ada meneliti ucapan saya pada bulan Ogos, 1983 dalam Dewan ini, saya ada menegaskan pendirian kita bahawa kita berpendapat perkenan Diraja tidak boleh di"withheld" dan perlu diberi apa yang dinasihatkan oleh Kabinet. Apa yang kita tentang ialah bahawa sungguh pun Royal assent tidak boleh diwithheld tetapi Royal assent adalah satu bahagian yang perlu dan integral dalam proses untuk menyempurnakan proses perundangan dan tidak boleh diketepikan. Saya haraplah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh faham point ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, saya tidak lupa. Perlu dan integral tidak bermakna privilege; perlu dan integral bermakna bahawa ini satu duty dan duty bukan privilege and oleh kerana itu tidak ada satu

sebab kenapa perkara ini patut dianggap sebagai satu perkara yang perlu kita rujuk kepada Majlis Raja-Raja dan oleh kerana itu sepatutnya mereka menyokong ataupun kalau menentang sekali pun patut berkata bahawa mereka menentang oleh kerana sebenarnya Raja tidak berhak tetapi sambil mereka tidak menyokong mereka berkata bahawa mereka tidak menyokong kerana ada hak kepada Raja-Raja untuk memberi perkenan ini tetapi hari ini sekali lagi diulangi bahawa Raja-Raja tidak mempunyai hak. Jadi ini menunjuk bahawa mereka tidak begitu faham tentang apa yang diperkatakan oleh mereka. Pada satu saat mereka kata tidak ada hak dan oleh kerana tidak ada hak tidak perlu dirujuk tetapi kata pula mesti dirujuk. Yang mana satu yang betul? Jadi saya fikir patutlah Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP ini adakan kursus (*Tepuk*) berkenaan cara bercakap kerana nampaknya mereka tidak tahu bahawa mereka menafikan diri mereka sendiri.

Tuan Yang Dipertua, mereka sepatutnya pada hari ini meminta supaya dibalikkan kepada keadaan, mereka sepatutnya rujuk kepada pindaan yang pertama yang menyebabkan kita menambah perkataan 15 hari selepas dipersembahkan maka dianya perlu dianggap sebagai sah. Perkara ini berlaku kerana kita tidak menentukan had masa. Itu mungkin bukan tidak diperkenankan, cuma mengambil masa sahaja.

Yang berlaku di dua buah negeri yang saya ceritakan tadi ialah bukan ada satu pendirian bahawa menolak. Tidak ada penolakan terhadap undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Cuma tidak kata apa-apa. Masa telah berjalan sehingga lebih daripada satu tahun dan

kita tidak dapat menganggap bahawa undang-undang itu sah kerana tidak diberi perkenan tetapi kita tidak boleh kata tidak sah kerana tidak dikatakan tidak mahu. Jadi, oleh kerana itu kita patutlah tentulah satu tarikh sama ada 15 hari ataupun 30 hari ataupun setahun ataupun 30 tahun, tidak mengapa asalkan kita tentukan tarikh. Tujuan kita menambah supaya diadakan 15 hari itu ialah supaya kita tentukan satu tarikh, selepas itu maka bolehlah kita mengambil sesuatu tindakan. Sekarang ini nampaknya 15 hari itu tidak dipersetujui kita telah ubah supaya dianya jadi 30 hari.

Dalam pada itu pula satu cadangan sebagai secara tolak ansur supaya diberi kuasa kepada Agong untuk merujuk balik perkara ini kepada Parlimen. Kuasa ini bukanlah suatu kuasa yang pelik yang tidak pernah dibuat oleh mana-mana negara di dalam dunia ini. Sebenarnya kuasa ini adalah tiruan daripada Perlembagaan beberapa buah negeri termasuk Perlembagaan India dan Perlembagaan Kuwait. India bukanlah sebuah monarchy, ianya sebuah republik. Tetapi di India, mereka juga mengamalkan sistem demokrasi dan kalau sesuatu undang-undang itu disampaikan kepada Presiden dan Presiden berasa tidak puas hati dengan peruntukan undang-undang itu maka dianya berhak rujuk balik kepada Parlimen. Sama ada Presiden itu merujuk balik dengan nasihat Perdana Menteri atau tidak saya tidak dapat tahu kerana dianya tidak menyebut. Begitu juga di sini kita tidak menyebut. Saya yakin bahawa kalau Presiden berasa tidak puas hati dan pendapatnya bertentangan dengan Perdana Menteri, dianya masih boleh merujuk balik kepada Parlimen. Dalam perkara ini mungkin dianya tidak terikat dengan peruntukan bahawa tindakannya mestilah atas nasihat daripada Perdana Menteri. Begitu juga di Kuwait yang

mengamalkan sistem absolute monarchy, baru-baru ini Kuwait telah mengadakan satu National Assembly dan dalam peruntukan Perlembagaan Kuwait juga demikian. Kalau sesuatu undang-undang itu telah diluluskan oleh National Assembly dan disampaikan kepada Amir Kuwait dan dianya tidak dapat mempersetujui maka dianya boleh merujuk balik. Kalau dirujuk balik maka Dewan Assembly ini akan membahas undang-undang itu sekali lagi dan kalau diluluskan maka undang-undang itu mestilah perkenankan oleh seorang Raja yang sebenarnya mempunyai kuasa mutlak.

Perkara yang kita tambah di sini bukanlah satu perkara yang ganjil. Ini memang terdapat dalam beberapa Perlembagaan di dalam dunia ini. Juga di dalam Perlembagaan kita ada peruntukan yang mana Yang di-Pertuan Agong tidak perlu mendapat nasihat daripada Perdana Menteri. Khususnya disebut berkenaan dengan tiga perkara iaitu pemilihan seorang Perdana Menteri, dianya boleh membuat pilihannya sendiri walaupun tertakluk kepada amalan biasa iaitu memilih seorang wakil Rakyat yang mendapat kepercayaan sebilangan yang terbesar daripada ahli-ahli dalam Dewan itu adalah satu daripada kuasanya yang tidak perlu mendapat nasihat daripada Perdana Menteri kerana pada ketika itu tidak ada Perdana Menteri, belum dilantik lagi.

Yang keduanya "the withholding of consent to a request for the dissolution of Parliament" itu juga dibuat atas budibicara Yang di-Pertuan Agong, dan yang ketiganya berkenaan dengan untuk mengadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja.

Juga ditambah di bawah itu "and in any other case mentioned in this Constitution". Jadi ada peruntukannya itu untuk ada perkara-perkara lain boleh juga Yang di-Pertuan Agong bertindak tanpa

mendapat nasihat daripada Perdana Menteri. Dan dalam kes ini tentulah ganjil kalau dianya menyemak perkara ini dan dianya meminta nasihat daripada Perdana Menteri tentulah Perdana Menteri akan menyuruh Baginda memperkenankan. Jadi tidak ada maknalah kita kata dianya boleh merujuk balik.

Dalam perkara ini kalau kita guna commonsense yang not so common among the DAP Members (*Ketawa*), kalau kita gunakan commonsense maka dalam perkara ini Baginda tidaklah perlu mendapat nasihat daripada Perdana Menteri. Soal bilangan undang-undang yang hendak diserahkan diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan masa 30 hari dianggap terlalu pendek untuk disemak begitu banyak undang-undang, saya yakin bahawa kebanyakan daripada kita pun terpaksa baca banyak juga undang-undang dalam satu masa. Tetapi ada undang-undang yang kita berpendapat kita mesti meneliti dan ada undang-undang biasa yang tidak perlu menarik perhatian kita dengan begitu sangat. Jadi, sudah tentu dalam undang-undang yang dipersembahkan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong boleh dengan sekaligus melihat short titlanya dahulu dan lepas itu kalau dianya berpendapat bahawa ini adalah perkara yang penting yang patut disemak dengan teliti tentulah Baginda akan menyemak dengan teliti dan kalau didapati perkara-perkara yang harus dirujuk kepada Parlimen maka Baginda akan merujuk. Tidaklah semua undang-undang memerlukan bacaan dengan teliti oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi masa 30 hari itu tidaklah begitu ganjil sangat walaupun mungkin ganjil kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang

membaca semua, dalam small print pun, supaya tidak miss sesuatu untuk hendak kritik Kerajaan.

Berkenaan dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa rakyat tidak tahu langsung berkenaan dengan Pindaan Perlembagaan ini, saya fikir Ahli Yang Berhormat daripada DAP bila dia buat ucapan dalam Dewan ini tidak memberitahu kepada rakyat ataupun Ahli-ahli DAP sebelum daripada dia membuat ucapan dalam Dewan ini. Saya meminta kepada dia supaya sebelum dia membuat ucapan dianya menyerahkan kepada tiap-tiap seorang daripada ahli DAP untuk menyemak ucapannya sebelum dia bawa kepada Dewan ini. Kalau dia sanggup berbuat demikian saya pun sanggup jugalah hendak suruh beberapa orang rakyat baca ucapan saya dalam Dewan ini. Tetapi seperti mana saya faham

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi dalam ucapan saya, selepas ucapan saya tidak ada black-out untuk tiga bulan. Dalam krisis perkara Pindaan Perlembagaan selepas perbincangan dalam Parlimen mengenai ketiga-tiga Pindaan Perlembagaan ada black-out untuk tiga bulan, itulah masalah.

Perdana Menteri: Saya hendak bercakap juga tentang point itu, saya belum lagi sampai kepada peringkat itu. Sebenarnya yang keluar rencana yang awal sekali berkenaan dengan pindaan ini ialah Raket dan rencana itulah yang mengelirukan rakyat (*Tepuk*) yang menyebabkan saya terpaksa pergi ke sana ke sini untuk membuat penerangan. Kalau tidak ada Raket kita tidak ada masalah sangat dalam negara kita ini (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Sekurangnya kurangnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah akui kuasa Raket (*Ketawa*).

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, saya akui kuasa Rokat tetapi kuasa Rokat itu kurang sedikit daripada kuasa saya, saya tarik KDN sahaja hilang Rokat (*Ketawa*) (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Itu satu ugutan bahawa oleh kerana kita ada keluarkan Rokat yang ada rencana mengenai pindaan Constitution bahawa untuk tahun 1984 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengarahkan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tidak mahu membaharui KDN Rokat.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, kita beri banyak KDN sekarang ini tetapi DAP ini selalu takut, takut kepada darurat, takut kepada KDN. Orang yang takut ini ialah orang yang selalu salah (*Ketawa*). Orang yang selalu betul tidak takut apa pun, dia berani, depan siapa pun dia boleh bercakap.

Tuan Yang Dipertua, DAP menganggap bahawa rakyat semua bodoh. Ini Ahli Yang Berhormat dari

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Jasin kalau saya tidak silap pun ada berkata bahawa saya ada berkata bahawa semua orang-orang yang ada hadir rapat umum UMNO yang haram itu semuanya bodoh. Saya tidak kata bodoh oleh kerana Yang Berhormat daripada Ulu Terengganu ada bertanya sama ada saya anggap mereka sebagai bodoh saya kata tidak, tetapi saya kata

Setengah Ahli-ahli Yang Berhormat:
Bohong! bohong! bohong!

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi saya kata mereka tidak tahu apa yang berlaku.

Setengah Ahli-ahli Yang Berhormat:
Bohong! bohong! bohong!

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada menjawab bahawa saya tidak menyebut mereka sebagai bodoh sungguhpun Yang Berhormat dari Ulu Terengganu menggunakan perkataan bodoh tetapi saya kata bahawa mereka pergi ke rapat-rapat umum tanpa tahu apa isu-isu—itu bukan bodoh, janganlah twist, sungguhpun ada mass media dan majoriti, jangan twist.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat ini kalau ada orang tidak bersetuju dengannya semuanya orang itu tidak faham, jadi kalau tak faham maknanya kata bodohlah. Sebab itu dia anggap kekalahannya di Sarawak bukanlah kerana orang itu tidak faham—bukan kerana dia bodoh tetapi kerana orang tidak faham—it is a matter of opinion.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dan juga beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP menyebut tentang empat kali darurat diisytiharkan di dalam Malaysia ini dan kata mereka kenapakah empat-empat darurat ada dalam Malaysia ini dan kenapakah darurat ini berpanjangan. Sebenarnya, bukan sahaja di negeri ini darurat berpanjangan. Darurat mula diisytiharkan sebelum kita merdeka pada tahun 1948, sampai kita merdeka pun darurat juga tetapi masa itu DAP tidak berani bercakap takut kena masuk dalam. Tuan Yang Dipertua

Seorang Ahli Yang Berhormat:
Dalam jel boleh cakap (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan. Yang pertama DAP tidak ada pada masa itu, kedua bukan masalah kenapa ada perisytiharan darurat berpanjangan tetapi kenapa empat serentak terus berpanjangan. Kenapa benda yang tidak ada lagi

sesuatu keadaan wujud dibatalkan, itulah sebabnya bukan oleh kerana kita takut darurat. Kita tidak takut darurat. Kalau kita takut darurat kita tidak ada di sini untuk memberikan pandangan kita, kita tidak takut darurat. Kita mahu menegakkan keadilan, menegakkan rule of law bukan rule of emergency law.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, itulah rule of law. Kalau diluluskan oleh Dewan ini dia jadi law dan kalau kita gunakan law itu maknanya kita gunakan law sebab untuk memerintah, that is the rule of law.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan. Itu abuse of law (*Ketawa*).

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, tuduhan itu patut dilemparkan kepada mahkamah dan bukan kepada saya kerana yang menentukan sama ada ada abuse ataupun tidak ialah mahkamah (*Tepuk*). Kalau Ahli Yang Berhormat ingin membuat tuduhan kepada mahkamah silakan.

Tuan Yang Dipertua, saya hendak jelaskan sedikit kenapa ada empat darurat dalam negara kita ini. Sebenarnya keadaan dalam negara kita ini bukan satu keadaan yang biasa. Umpamanya, kalau diadakan darurat yang sebenar, umpamanya, di waktu peperangan pada ketika itu perang berlaku—mungkin civil war beraku kita tidak mungkin mengadakan Parlimen dan kita akan memerintah negara kita ini tanpa Parlimen melalui Undang-undang Darurat. Tetapi setelah kita melawan dengan komunis kita telah mendapat kemenangan tetapi kemenangan itu tidaklah sehingga tidak ada komunis di dalam negara kita ini, masih ada penjahat-penjahat ini, setengahnya di dalam hutan, setengah di dalam

bandar, ada yang bersimpati dengan mereka pun ada juga. Dengan kerana itu kita tidak boleh memansuhkan Parlimen semata-mata kerana ada Undang-undang Darurat. Kita hendak ada Parlimen dan kita hendak adakan pilihanraya tetapi kita masih terpaksa menggunakan Undang-undang Darurat untuk to deal with these communist terrorists. Itu sebabnya kita perlu mengadakan Undang-undang Darurat di waktu keadaan di dalam negara kita kita nampak seolah-olah tidak ada darurat.

Jadi, kita mesti gunakan juga Undang-undang Darurat ini kalau hendak mencegah komunis tetapi kita hendak ada Parlimen dan kita hendak ada undang-undang biasa untuk keadaan biasa yang ada bersama-sama dengan keadaan darurat di dalam negara kita ini. Jadi, dengan kerana itu kita ada Undang-undang Darurat yang berpanjangan ini supaya kita dapat mengambil tindakan Undang-undang Darurat ke atas mereka yang membuat kesalahan yang bersabit dengan kesalahan dalam Undang-undang Darurat tetapi bagi orang lain yang membuat kesalahan biasa kita tidak kenakan undang-undang darurat kepada mereka, kita membuat pilihan.

Umpamanya, kalau seorang membawa pistol tetapi kita dapati orang itu adalah seorang yang bodoh dan dia terbawa pistol dan kita tahu bahawa tidak ada niat jahat kepadanya, maka pihak Kerajaan boleh menentukan bahawa dianya dibicarakan bukan di bawah Undang-undang Darurat iaitu tidak akan dikenakan hukuman mati. Tetapi kalau kita tahu bahawa orang yang membawa senjata ini mempunyai niat yang jahat maka kita akan mendakwanya di bawah Undang-undang Darurat supaya hukuman mati dapat dijatuhkan atas orang seperti ini. Sebab itu Undang-undang Darurat

ini berada bersama-sama dengan undang-undang biasa dan di masa itu juga kita dapati bahawa Parlimen kita masih bersidang dan kita tidak membatalkan Undang-undang Darurat walaupun Parlimen bersidang.

Berkenaan dengan Undang-undang Darurat yang dikenakan kepada Kelantan, ini juga terpaksa diadakan kerana keadaan tertentu yang berlaku di Kelantan. Begitu juga dengan Sarawak keadaan tertentu yang berlaku di Sarawak. Dan pada tahun 1969 keadaan yang tercetus di dalam negara kita ini memerlukan satu tindakan yang luar biasa, sebab itu diadakan satu perisytiharan untuk menentukan bahawa undang-undang yang berkenaan dapat digunakan di dalam keadaan tertentu itu.

Jadi sebab itu masih ada undang-undang ini dan undang-undang ini selepas kita meminda Undang-undang Darurat boleh diteruskan dan boleh digunakan dalam keadaan-keadaan tertentu. Jika pada pendapat kita, kita perlu batalkan maka kita akan batalkan dan kuasa ini ada kepada Dewan ini dan Dewan ini tidak berpendapat bahawa perlu dibatalkan waktu ini dan Dewan ini berkali-kali terdiri daripada Ahli-ahli daripada parti ini dan bila kita ada pilihanraya, kita dipilih semula walaupun ada 4 Undang-undang Darurat ataupun 4 kali Darurat diisytiharkan. Saya percaya bahawa kerana rakyat menyokong tindakan yang kita buat. Ini menunjukkan bahawa Dewan ini mempunyai kuasa mengikut undang-undang yang telah kita gubal dan rakyat suka dengan penggunaan kuasa ini. Rakyat berasa lebih selamat kerana ada undang-undang ini. Jadi selama rakyat memberi kepercayaan kepada parti Barisan Nasional ini selama itulah Undang-undang Darurat ini akan dikekalkan. Jadi kalau pihak DAP hendak membatalkan, saya syorkan

mereka cuba dapat kemenangan, tetapi tidak usahlah pergi ke Sarawak, cuba di seluruh Malaysia; tengok, kalau boleh menang—batallah!

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata bahawa rakyat rasa lebih selamat oleh kerana ada empat Perisytiharan Darurat. Kalau begitu bukan boleh memastikan rakyat berasa lebih selamat, tiap-tiap hari boleh mengisytiharkan satu darurat, rakyat lebih selamat!

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, bila Kerajaan ingin nasihat daripada DAP, kita akan minta (*Ketawa*). Sekarang ini kita tahu apa kita hendak buat, tidak payahlah dia ajar bila kita hendak isytiharkan darurat. Bila dia perintah esok, hari-hari dia boleh buat (*Ketawa*). Kita tidak akan tahan.

Jadi saya fikir itu menunjukkan bahawa kita ada sebab kenapa pindaan ini dibuat, kenapa peruntukan ini dibuat dan saya percaya bahawa rakyat akan menyokong tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan.

Berkenaan dengan kerusi bagi Dewan-dewan Undangan Negeri, pindaan kepada bahagian ini dibuat dengan persetujuan daripada negeri-negeri dan mereka memberi sokongan kepada ini tetapi walaupun kita membuat rundingan dengan mereka, kita tidaklah perlu membuat laporan kepada DAP terlebih dahulu. Jadi setakat yang saya tahu tidak ada mana-mana negeri yang menentang pindaan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa—sudah hilang! (*Ketawa*). Saya mulanya berhajat hendak jawab juga tetapi Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang telah memberi jawapan yang tepat semacam yang saya hendak kata jugalah (*Ketawa*). Dia menyebut tentang

sopan-santun orang-orang Melayu tetapi yang kurang sopan-santun sekali ialah dia dan partinya sendiri. Orang yang tergamak bukan sahaja menuduh saya ini sebagai Firaun tetapi kafir dan bila kita cabar supaya dia menafikan, dia kata tidak, tetapi dia tidak mahu pergi ke kampung-kampung cerita kepada orang, kata saya bukan orang kafir. Ini menunjukkan bahawa orang yang semacam ini bukan sahaja tidak takut kepada Raja tetapi tidak takut kepada Tuhan sama sekali (*Tepuk*), kerana ayat-ayat Quran dan hadis Nabi digunakan sepanjang masa dengan diputarbelitkan tafsirannya semata-mata untuk mengabui mata rakyat asalkan dia mendapat kemenangan. Tetapi kita dapati bahawa kemenangannya tidak kekal, hari ini pun ia sudah hilang empat orang, tinggal dia seorang sahajalah. Esok hendak pergi sunyi, kalau hendak pergi ke akhirat esok tinggal seorang-seorang (*Ketawa*). Patut dia ingat bersama.

Dia bercakap tentang bapa dengan anak sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang kata tadi bila dia hendak singkir orang tua, dia bukan fikir, orang tua dia pun dia singkir juga. Jadi tidak hairanlah kalau dia buat macam-macam ucapan yang tidak jujur sama sekali Saya berasa agak malu sedikit kerana pada pandangan orang, orang yang pakai serban macam itu tentulah seorang yang berpegang kuat kepada ajaran agama tetapi dia membenarkan kakitangannya pergi kekampung-kampung buat bermacam-macam tuduhan dan dia kata kita ini kahwin dahulu, selepas itu baru buat ijab kabul tetapi pada dia kalau sudah buat kedua-dua itu pun, dia hendak suruh kahwin lagi sekali (*Ketawa*). Tak sah. Jadi saya tidak payahlah bercakap panjang berkenaan dengan hujah yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa

kerana dia telah pun dijawab oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang dengan panjang lebar tadi.

Tuan Yang Dipertua, nampaknya saya sudah jawab hampir semua melainkan berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang menyebut tentang surat yang dihantar kepada saya. Surat yang dihantar kepada saya bukanlah private letter tetapi satu surat daripada parti kepada saya dan saya tidak anggap ini sebagai private, sebab itu saya gunakan surat ini dan ini menunjukkan bahawa sikapnya terhadap Raja tidaklah seperti sikap saya terhadap Raja. Juga saya dapati bahawa saya membuat semakan Constitution DAP tidak sama sekali menyebut tentang menjunjung kedudukan Raja-raja seperti yang terdapat dalam Perlembagaan UMNO. Saya fikir kalau dia betul-betul subscribe kepada sistem Raja Berperlembagaan, sekurang-kurangnya ini patut dimasukkan di dalam Constitution DAP sama (*Tepuk*).

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Kepong berkata bahawa patut ada right of dissent barulah bermakna demokrasi; satu ialah right of dissent dan lagi satu hak di bawah demokrasi ialah the right of dissent to dissent. Jadi sesiapa yang tidak bersetuju dengan kita, kita juga boleh kata kita tidak setuju dengan dia, tidak salahlah. Jadi kalau Tan Sri Dr Tan Chee Khoo tidak bersetuju, itu hak dia tetapi kalau Menteri Penerangan pula tidak bersetuju dengan dia punya tidak setuju itu; itu hak Menteri Penerangan pula (*Ketawa*). Jadi itu demokratik. That is democratic. We are more democratic than you are. Kalau Ahli Yang Berhormat tidak jaga-jaga, dia punya boss nanti singkir dia. Inipun Sta Maria sudah pun belayar daripada Melaka, tidak lama lagi Ahli Yang Berhormat inipun hendak jadi macam

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, tinggal seorang-seorang sahajalah (*Ketawa*).

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan, Tuan Yang Dipertua. Saya bangkitkan mengenai Yang Berhormat Menteri Penerangan mengatakan bahawa Tan Sri Dr Tan Chee Khoo tidak payahlah menulis mengenai hal Perlembagaan kerana telah diselesaikan walhal pada keesokan harinya kita tengok muka yang pertama berita tunjuk perasaan dan sebagainya dan hujah-hujah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalamnya mengenai Perlembagaan. Itulah saya nyatakan bahawa ini satu prinsip bermuka dua.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, yang mengaku ada muka dua ini ialah Ahli Yang Berhormat dari PAS (*Ketawa*). Saya cuma satu sahaja, walau apapun yang diperkatakan oleh Menteri Penerangan, itu adalah haknya sebagai seorang warganegara negara yang demokratik. Dan tentang tunjuk perasaan, Ahli Yang Berhormat tadi sudah cerita, ini bukan tunjuk perasaan. Dia cuma datang hendak mendengar penerangan daripada saya, bukan tunjuk perasaan, beza sedikit di situ. Dan saya tidak tunjuk perasaan sekarang ini, tidak semacam Ahli tadilah (*Ketawa*). Janganlah berkali-kali kata tunjuk perasaan. Saya buat Majlis Penerangan dan kalau banyak orang datang, macam mana saya hendak buat, mereka datang. Pihak DAP kalau hendak buat penerangan selalunya ada "dinner" di kedai kopi (*Ketawa*). 1,000 hadir, dinner kononnya di kedai kopi dengan 1,000 orang hadir. Tetapi kita liberal, kita tidak tangkap dan kita tidak kata dia pecah undang-undang. Kita benarkan, fasal tidak banyak orang akan percaya kepada bohong DAP ini. (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua, saya telah memberi penjelasan berkenaan dengan hampir semua soal-soal yang

dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli walaupun saya tidak sebut, tetapi Ahli dari Mas Gading juga terlibat dalam penjelasan yang telah saya buat tadi tentang rojok balik kepada Dewan dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli yang lain yang memberi sokongan dan dengan itu saya akhiri penjelasan saya. Terima kasih. (*Tepuk*).

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah atas Rang Undang-undang ini untuk bacaan kali yang kedua. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, mengikut Fasal 3 dalam Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, yang berbunyi:

"Sesuatu Rang Undang-undang bagi membuat pindaan kepada Perlembagaan tidak boleh diluluskan dalam mana-mana Majlis Parlimen melainkan jika Rang Undang-undang itu telah disokong pada bacaan kali kedua dan ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada 2/3 daripada jumlah bilangan Ahli Majlis itu."

Majlis akan mengadakan belah bahagian di bawah Peraturan 46 (4).

Ahli-ahli yang menyokong diadakan belah bahagian, sila berdiri.

Lebih daripada 15 orang seperti yang dikehendaki di bawah Peraturan 46 (4). Oleh yang demikian, saya arah diadakan keputusan dengan berbelah bahagian. Penghitung-penghitung undi diminta mengambil tempat mereka di hadapan blok tempat duduk mereka masing-masing.

Yang Berhormat Ahli-ahli yang lain diminta menyatakan undi mereka seorang demi seorang apabila ditanya oleh penghitung undi, iaitu sama ada bersetuju, atau tidak bersetuju, atau tidak mengundi.

Keputusan undi itu akan dicatat oleh penghitung undi dalam borang yang akan disediakan. Setelah tamat penghitung undi mengambil catatan undi bagi bloknya, termasuk undinya sendiri, beliau diminta menyerahkan undi itu kepada Setiausaha.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama satu hingga dua minit.

Loceng dibunyikan.

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah bahagi? Yang Bersetuju, 141 undi (*Tepuk*); Yang Tidak Bersetuju, 10 undi, Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU:

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad.
 Dato' Musa Hitam.
 Dato' Dr Neo Yee Pan.
 Dato' S. Samy Vellu.
 Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie.
 Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani.
 Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj bin Tengku Ismail.
 Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.
 Tan Sri Chong Hon Nyan.
 Dato' Paul Leong Khee Seong.
 Dato' Abdul Manan bin Othman.
 Datuk Leo Moggie anak Irok.
 Datin Paduka Rafidah Aziz.
 Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud.
 Dato' Sanusi bin Junid.
 Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.
 Dato' Rais Yatim.
 Dato' Mak Hon Kam.
 Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam.
 Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze.
 Dato Mohamed bin Rahmat.
 Dato Chin Hon Ngian.
 Dato Shahrir bin Abdul Samad.
 Tuan Anwar bin Haji Ibrahim.

Datuk Dr James P. Ongkili.
 Dato' Chan Siang Sun.
 Dr Goh Cheng Teik.
 Dato' K. Pathmanaban.
 Dato Dr Ling Liong Sik.
 Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman.
 Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman.
 Dato' Abu Hassan bin Haji Omar.
 Tuan Bujang bin Haji Ulis.
 Abang Abu Bakar bin Datuk Bandar Abang Haji Mustapha.
 Tuan Luhath Wan.
 Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed.
 Datin Paduka Chow Poh Kheng.
 Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed.
 Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin.
 Tuan S. Subramaniam.
 Puan Rahmah binti Othman.
 Dato' Mohamed Khalil Yaakob.
 Dato Sabbaruddin Chik.
 Puan Napsiah binti Omar.
 Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir.
 Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad.
 Dato Lee Kim Sai.
 Tuan Oo Gin Sun.
 Tuan Law Hieng Ding.
 Tuan Jawan anak Empaling.
 Tuan Hussein bin Mahmud.
 Tuan Au How Cheong.
 Tuan Zainal Abidin bin Zin.
 Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali.
 Tuan Awang bin Jabar.
 Tuan Mustaffa bin Mohammad.
 Datuk William Lye Chee Hien.
 Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin.
 Datuk Harris bin Mohd. Salleh.
 Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud.
 Tuan Abdul Ghafar bin Baba.

- Dr Tan Tiong Hong.
 Dato Michael Chen Wing Sum.
 Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf.
 Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa.
 Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj.
 Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau.
 Dato Dr Hee Tien Lai.
 Datuk Clarence E. Mansul.
 Tuan V. Govindaraj.
 Tuan Ting Ling Kiew.
 Dato Lee Boon Peng.
 Tuan Yeoh Poh San.
 Tuan Megat Junid bin Megat Ayob.
 Tuan Daim Zainuddin.
 Tuan Yahya bin Haji Zakaria.
 Dato' Haji Ngah bin Haji Abdul Rahman.
 Tuan Omar bin Abdullah.
 Datuk Leonard Linggi Anak Jugah.
 Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi.
 Tuan Thomas Salang Siden.
 Tuan Ismail bin Arshad.
 Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri.
 Tuan Richard Dampeng Anak Laki.
 Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad.
 Tuan Newman Gaban.
 Tuan Mokhtaram bin Rabidin.
 Tuan Peter Chin Gan Oon.
 Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid.
 Tuan Justine Anak Jinggut.
 Tuan Haji Seroji bin Haji Haron.
 Tuan Ng Cheng Kuai.
 Datuk Alfred Jabu Anak Numpang.
 Tuan Abdul Rahman bin Suliman.
 Tuan Lim Liang Seng.
 Tuan Khadri bin Sabran.
 Dr Koh Tsu Koon.
 Tuan Daud bin Dato Haji Taha.
 Tuan Shamsuri bin Md. Saleh.
- Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.
 Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.
 Wan Zainab binti M. A. Bakar.
 Tuan Abdul Ghani bin Misbah.
 Tuan Alias bin Md. Ali.
 Tuan Tan Koon Swan.
 Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.
 Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar.
 Tuan Mark Koding.
 Dr Leo Michael Toyad.
 Tuan Seow Hun Khim.
 Tuan Ismail bin Said.
 Dr Abdul Hamid bin Pawanteh.
 Dato' Haji Mohamed bin Haji Ali.
 Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis.
 Dr George Chan Hong Nam.
 Tuan Bahari bin Haron.
 Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim.
 Tuan Mutang Tagal.
 Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman.
 Tuan Tan Kok Hooi.
 Datin Paduka Zaleha binti Ismail.
 Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad.
 Tuan Quah Wee Liam.
 Tuan Andrew Jingga Muyang.
 Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud.
 Tuan Yew Foo Weng.
 Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan.
 Tuan Ban Hon Keong.
 Tuan Othman bin Abdul.
 Datuk Haji Abu Bakar bin Umar.
 Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.
 Tuan Hassan bin Haji Mohamed.
 Wan Ibrahim bin Wan Abdullah.
 Tuan Edmund Langgu Anak Saga.
 Tuan Patrick Anak Uren.
 Tuan Mohammad Yahya bin Lampong.
 Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid.
 Tuan Haji Affandy bin Tun Haji Mohd. Fuad Stephens.
 Datuk Edwin Anak Tangkun.

TIDAK BERSETUJU:

Tuan Lim Kit Siang.
 Tuan Lee Lam Thye.
 Tuan Karpal Singh.
 Tuan Chan Kok Kit.
 Tuan Ling Sie Ming.
 Tuan Fung Ket Wing.
 Dr Tan Seng Giaw.
 Tuan Sim Kwang Yang.
 Tuan Gooi Hock Seng.
 Dr Chen Man Hin.

TIDAK MENGUNDI:

Tiada.

Tuan Yang Dipertua Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2—

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya *Fasal 2 (4B)* dipinda seperti berikut:

Clause 2 (b)—

“(4B) If a Bill is not assented to by the Yang di-Pertuan Agong within the time specified in Clause (4) (a) or (4A) hereof, it shall become law at the expiration of the time as specified in Clause (4) (a) or (4A), as the case may be, in the like manner as if he had assented to it.”

Explanatory Statement Paragraph 2—

Substitute for the words “the Yang di-Pertuan Agong fails to assent to such Bill” appearing in lines 26 and 27 the words “a Bill is not assented to by the Yang di-Pertuan Agong”.

Fasal 2 (b)—

“(4B) Jika sesuatu Rang Undang-undang tidak diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam tempoh yang dinyatakan dalam *Fasal (4) (a)* atau (4A), Rang Undang-undang itu hendaklah menjadi undang-undang selepas tamatnya tempoh yang dinyatakan dalam *Fasal (4) (a)* atau (4A), mengikut mana yang berkenaan, mengikut cara yang sama seolah-olah Baginda telah memperkenankannya.”

Huraian Perenggan 2—

Gantikan perkataan-perkataan “Yang di-Pertuan Agong tidak memperkenankan Rang Undang-undang itu” yang terdapat di baris 18 dan 19 dengan perkataan-perkataan “sesuatu Rang Undang-undang tidak diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 2 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3 dan 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang

bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan setelah dipersetujukan dengan pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Saya kemukakan masalah atas Rang Undang-undang ini untuk bacaan kali yang ketiga, dan bagi maksud ini, Majlis akan mengadakan belah-bahagian mengikut cara yang dibuat bagi bacaan kali yang kedua.

Penghitung-penghitung undi diminta mengambil tempat masing-masing.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama satu hingga dua minit.

Loceng dibunyikan

Tuan Yang Dipertua: Undian dijalankan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju 141; Yang tidak Bersetuju, 10; Yang Tidak mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU:

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad.
Dato' Musa Hitam.
Dato' Dr Neo Yee Pan.
Dato' S. Samy Vellu.
Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie.
Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani.
Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj bin Tengku Ismail.
Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.
Tan Sri Chong Hon Yan.
Dato' Paul Leong Khee Seong.
Dato' Abdul Manan bin Othman.

Datuk Leo Moggie anak Irok.
Datin Paduka Rafidah Aziz.
Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud.
Dato' Sanusi bin Junid.
Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.
Dato' Rais Yatim.
Dato' Mak Hon Kam.
Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam.
Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze.
Dato Mohamed bin Rahmat.
Dato Chin Hon Ngian.
Dato Shahrir bin Abdul Samad.
Tuan Anwar bin Haji Ibrahim.
Datuk Dr James P. Ongkili.
Dato' Chan Siang Sun.
Dr Goh Chen Teik.
Dato' K. Pathmanaban.
Dato Dr Ling Liong Sik.
Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman.
Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman.
Dato' Abu Hassan bin Haji Omar.
Tuan Bujang bin Haji Ulis.
Abang Abu Bakar bin Datuk Bandar Abang Haji Mustapha.
Tuan Luhath Wan.
Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed.
Datin Paduka Chow Poh Kheng.
Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed.
Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin.
Tuan S. Subramaniam.
Puan Rahmah binti Othman.
Dato' Mohamed Khalil Yaakob.
Dato Sabbaruddin Chik.
Puan Napsiah binti Omar.
Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir.
Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad.
Dato Lee Kim Sai.
Tuan Oo Gin Sun.
Tuan Law Hieng Ding.

Tuan Jawan anak Empaling.
 Tuan Hussein bin Mahmud.
 Tuan Au How Cheong.
 Tuan Zainal Abidin bin Zin.
 Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali.
 Tuan Awang bin Jabar.
 Tuan Mustaffa bin Mohammad.
 Datuk William Lye Che Hien.
 Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin.
 Datuk Harris bin Mohd. Salleh.
 Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud.
 Tuan Abdul Ghafar bin Baba.
 Dr Tan Tiong Hong.
 Dato Michael Chen Wing Sum.
 Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf.
 Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa.
 Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj.
 Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau.
 Dato Dr Hee Tien Lai.
 Datuk Clarence E. Mansul.
 Tuan V. Govindaraj.
 Tuan Ting Ling Kiew.
 Dato Lee Boon Peng.
 Tuan Yeoh Poh San.
 Tuan Megat Junid bin Megat Ayob.
 Tuan Daim Zainuddin.
 Tuan Yahya bin Haji Zakaria.
 Dato' Haji Ngah bin Haji Abdul Rahman.
 Tuan Omar bin Abdullah.
 Datuk Leonard Linggi Anak Jugah.
 Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi.
 Tuan Thomas Salang Siden.
 Tuan Ismail bin Arshad.
 Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri.
 Tuan Richard Dampeng Anak Laki.
 Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad.
 Tuan Newman Gaban.

Tuan Mokhtaram bin Rabidin.
 Tuan Peter Chin Gan Oon.
 Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid.
 Tuan Justine Anak Jinggut.
 Tuan Haji Seroji bin Haji Haron.
 Tuan Ng Cheng Kuai.
 Datuk Alfred Jabu Anak Numpang.
 Tuan Abdul Rahman bin Suliman.
 Tuan Lim Liang Seng.
 Tuan Khadri bin Sabran.
 Dr Koh Tsu Koon.
 Tuan Daud bin Dato Haji Taha.
 Tuan Shamsuri bin Md. Saleh.
 Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.
 Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.
 Wan Zainab binti M. A. Bakar.
 Tuan Abdul Ghani bin Misbah.
 Tuan Alias bin Md. Ali.
 Tuan Tan Koon Swan.
 Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.
 Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar.
 Tuan Mark Koding.
 Dr Leo Michael Toyad.
 Tuan Seow Hun Khim.
 Tuan Ismail bin Said.
 Dr Abdul Hamid bin Pawanteh.
 Dato' Haji Mohamed bin Haji Ali.
 Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis.
 Dr George Chan Hong Nam.
 Tuan Bahari bin Haron.
 Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim.
 Tuan Mutang Tagal.
 Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman.
 Tuan Tan Kok Hooi.
 Datin Paduka Zaleha binti Ismail.
 Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad.
 Tuan Quah Wee Liam.
 Tuan Andrew Jingga Muyang.
 Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud.

Tuan Yew Foo Weng.
 Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan.
 Tuan Ban Hon Keong.
 Tuan Othman bin Abdul.
 Datuk Haji Abu Bakar bin Umar.
 Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.
 Tuan Hassan bin Haji Mohamed.
 Wan Ibrahim bin Wan Abdullah.
 Tuan Edmund Langgu Anak Saga.
 Tuan Patrick Anek Uren.
 Tuan Mohammad Yahya bin Lampong.
 Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid.
 Tuan Haji Affandy bin Tun Haji Mohd. Fuad Stephens.
 Datuk Edwin Anak Tangkun.

TIDAK BERSETUJU:

Tuan Lim Kit Siang.
 Tuan Lee Lam Thye.
 Tuan Karpal Singh.
 Tuan Chan Kok Kit.
 Tuan Ling Sie Ming.
 Tuan Fung Ket Wing.
 Dr Tan Seng Giaw.
 Tuan Sim Kwang Yang.

Tuan Gooi Hock Seng.
 Dr Chen Man Hin.

TIDAK MENGUNDI:

Tiada.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi ialah: Yang Bersetuju 141 (*Tepuk*); Yang Tidak Bersetuju, 10 (*Tepuk*); Yang Tidak Mengundi, Tiada. Lebih suara yang bersetuju. Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan. (*Tepuk*)

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah kerja kita pada hari ini (*Ketawa*) dan diucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana dapat menyelesaikan masalah ini, dan mesyuarat ditangguhkan kepada satu masa yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.15 malam.